

"KALAU LAH Kami menurunkan Al-Quran ini ke atas sebuah gunung, nescaya engkau melihat gunung itu tunduk terpecah-belah kerana takutkan Allah. Dan perumpamaan-perumpamaan itu Kami buat untuk manusia supaya mereka berfikir".
- Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Hasyr, ayat 21.

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengukuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin.
Wahabunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Gouwata Illa Billahil 'Aliyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

Mendukung langkah mitigasi, adaptasi perubahan iklim

Siaran Akhbar :
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Hari ini, Negara Brunei Darussalam (NBD) bersama Negara-negara Ahli Pertubuhan Kajiucua Sedunia (WMO) di seluruh dunia, menyambut Hari Kajiucua Sedunia bagi memperingati penubuhan WMO sebagai salah sebuah agensi khusus Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) dengan mandat untuk mengamati hal ehwal cuaca, iklim dan sumber air.

Sambutan ini adalah juga bagi menghargai sumbangan-sumbangan penting warga dan agensi-agensi Perkhidmatan Kajiucua dan Hidrologi Kebangsaan (NMHSs) dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat di seluruh dunia.

Pada tahun ini, Hari Kajiucua Sedunia diraikan dengan tema 'Di Barisan Hadapan Kepada Tindakan Iklim' atau 'At The Frontline of Climate Action'.

Tema ini menekankan akan peranan penting Ahli-ahli WMO di dalam menerajui usaha menangani perubahan iklim, dengan menyediakan kaedah-kaedah dan ilmu pengetahuan bagi mendukung langkah-langkah mitigasi dan adaptasi perubahan iklim.

>> Muka 20

HANTAR TITAH PERUTUSAN TAKZIAH

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 24 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan takziah kepada Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin, kerajaan dan rakyat Persekutuan Rusia berikutan dengan serangan penganas yang berlaku di Crocus City Concert Hall, Moscow baru-baru ini.

Akta Perbekalan 2024 / 2025 berkuat kuasa 1 April

Oleh : Srinarawie Bidzah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang memasuki hari ke-18 pada hari ini, telah selesai

meluluskan Rang Undang-undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 bagi membolehkan kementerian-kementerian meneruskan operasinya bermula pada 1 April 2024.

>> Muka 6

Sistem Pemantauan Data Pesakit Dialisis Peritoneal dilancarkan



YANG BERHORMAT Menteri Kesihatan semasa membuat lawatan ke rumah salah seorang pesakit dialisis peritoneal.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

RIMBA, Sabtu, 23 Mac. - Pengenalan Sistem Pemantauan Data Pesakit Dialisis Peritoneal merupakan satu langkah penting dalam usaha Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Renal untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan bagi pesakit yang menghadapi masalah buah pinggang.

Langkah ini melibatkan peningkatan

akses kepada rawatan yang saksama dan pelaksanaan amalan ubat yang terbaik sesuai dengan tema sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia pada tahun ini, iaitu 'Kesihatan Buah Pinggang Untuk Semua - Memantapkan Akses Rawatan yang Saksama dan Amalan Ubat yang Optima'.

>> Muka 5



Berita Utama



KHEDN bertadurus di Masjid Al-Mashhor

Muka 19



ROMBONGAN Tadarus KHEU ke Masjid Haji Abdul Azim

Muka 20



ANAK yatim PPDB terima sumbangan

Muka 23



MEMIMPIN melalui teladan

Muka 29

IFTTHAR MAHABBAH : PELUANG MASYARAKAT BUKAN ISLAM MERASAI BERSUNGKAI

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

KIARONG, Sabtu, 23 Mac. - Urus Setia Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Belia Muallaf As-Syahadah dengan kerjasama Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dan Persatuan Persahabatan Brunei-China petang tadi mengadakan Program Ifthar Mahabbah bagi Tahun 1445H / 2024M dan Masjid Tour sempena menyambut bulan Ramadan bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Program Ifthar Mahabbah berkenaan adalah kesinambungan daripada Bengkel Kesedaran Melalui Lawatan Masjid yang diungkapkan bersama oleh Urus Setia Program Keugamaan Belia; Bahagian Pengembangan Da'wah (Da'wah Khas), PDI; dan Jabatan Hal Ehwal Masjid; serta Belia Muallaf As-Syahadah.

Tujuan utamanya adalah untuk memberi kefahaman lebih mendalam kepada orang ramai, mahupun pelancong dalam dan luar negara sama ada muslim atau *non-muslim* mengenai Islam, di samping menghayati suasana keindahan masjid, mengenali seni binanya serta budaya di Negara

Brunei Darussalam.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman bersama Datin.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; duta-duta dari negara-negara sahabat; para pegawai kanan KHEU; para ahli Persatuan Persahabatan Brunei-China; dan rombongan delegasi dari China ASEAN TVET dan Politeknik.

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan dan taklimat ringkas mengenai Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah oleh Belia Muallaf As-Syahadah, diikuti dengan sesi lawatan masjid (Masjid Tour).

Seterusnya acara Ifthar Mahabbah bagi Tahun 1445H / 2024M segera dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan doa dipimpin oleh Guru Ugama Terlatih, PDI, Awang

Muhammad Alimin bin Abd. Wahid.

Ini disusuli dengan persembahan bacaan Al-Quran oleh Awang Muhammad Saiful Dafi bin Muhammad Suhaimi@Suanddy, pemenang qari Musabaqah Murattal Al-Quran bagi Mualaf Senegara 1444H / 2022M.

Manakala, inti sari ayat dibacakan oleh Dayang Nabilah Lutfi Inshira binti Abdul Samad, sukarelawan Belia Da'ie, Program Keugamaan Belia, PDI.

Acara diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Presiden Persatuan Persahabatan Brunei-China, Dr. Muhammad Firdaus bin Abdul Rahman, kemudiannya, penerangan ringkas mengenai 'Kefahaman Tentang Puasa' dalam bahasa Cina oleh Pekerja Tingkat Khas, PDI, Dayang Siti Nur Jasmin Kim binti Abdullah, dan diakhiri dengan bersungkai dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Antara objektif program berkenaan diadakan adalah untuk mempamerkan Islam sebagai agama yang mementingkan hubungan silaturahim dan berbuat kebaikan tanpa mengira agama dan bangsa.

Di samping itu, memberi peluang kepada *non-muslim* untuk meninjau masjid secara dekat dan mengenali ibadah yang dilakukan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir pada Program Ifthar Mahabbah bagi Tahun 1445H / 2024M dan Masjid Tour sempena menyambut bulan Ramadan bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

oleh orang Islam serta memberi peluang kepada masyarakat *non-muslim* untuk merasakan sendiri Ifthar (bersungkai) beramai-ramai di bulan Ramadan yang penuh keberkatan.



UCAPAN alu-aluan oleh Presiden Persatuan Persahabatan Brunei-China, Dr. Muhammad Firdaus bin Abdul Rahman.

WAKTU SEMBAHYANG										
Mac MASHI	HARI	Ramadan HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
25	ISNIN	14	4.55	5.05	6.22	6.44	12.27	3.32	6.30	7.39
26	SELASA	15	4.55	5.05	6.22	6.44	12.27	3.31	6.30	7.39
27	RABU	16	4.54	5.04	6.21	6.44	12.27	3.30	6.30	7.39
28	KHAMIS	17	4.54	5.04	6.21	6.43	12.26	3.29	6.30	7.39
29	JUMAAT	18	4.53	5.03	6.20	6.43	12.26	3.28	6.30	7.39
30	SABTU	19	4.53	5.03	6.20	6.42	12.26	3.27	6.29	7.39
31	AHAD	20	4.52	5.02	6.20	6.42	12.25	3.26	6.29	7.38

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan			
35 26 °C	35 26 °C	35 25 °C	
Pekan Bangar			
35 25 °C	36 25 °C	36 25 °C	
Pekan Tutong			
34 25 °C	34 25 °C	34 25 °C	
Kuala Belait			
33 25 °C	34 25 °C	34 25 °C	

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

25 MAC 2024

Jangan lupa bayar Zakat Fitrah

ALHAMDULILLAH kita sudah memasuki hari ke-14 menunaikan ibadah puasa dalam bulan Ramadan yang penuh rahmat ini. Aktiviti di bulan Ramadan juga seperti biasa yang mana Solat Tarawih, bertadarus, bersedekah dilakukan bagi mengambil kesempatan untuk mendapatkan pahala pada bulan yang mulia ini.

Sesungguhnya banyak fadilat yang ada dalam bulan puasa ini. Semuanya terletak pada hati dan kemahuan kita untuk mengerjakannya. Keikhlasan kita berpuasa dan mengerjakan amal ibadat di dalam bulan ini yang mana terdapat satu malam yang di dalamnya lebih baik dari seribu malam iaitu malam Lailatulqadar adalah satu rahmat kepada kita untuk mengerjakannya tanpa perasaan takut dan kesukaran seperti yang dialami oleh saudara-saudara Islam kita di Gaza, Palestin. Jadi, seharusnya kita bersyukur nikmat yang Allah berikan untuk kita. Keamanan yang kita kecapi di negara bertuah ini sehingga membolehkan kita untuk melakukan amal ibadat dengan tenang, khusyuk serta jauh dari ketakutan seharusnya menjadikan kita sebagai seorang Muslim yang patuh kepada segala ajaran agama Islam. Jadi apakah lagi alasan kita untuk tidak mengerjakan puasa sedangkan puasa ini hanya setahun sekali pada bulan Ramadan?

Mungkin masih awal jika menyentuh mengenai Zakat Fitrah tetapi sebelum kita terlupa atau terlepas waktu membayar, ada baiknya untuk mengingatkan kepada seluruh umat Islam di negara ini tentang Zakat Fitrah ini.

Kadar Zakat Fitrah bagi setiap orang Islam di negara ini adalah berdasarkan harga beras 2 kilogram 268 gram. Kadar Zakat Fitrah di negara ini ialah BND2.84 bagi Beras Wangi dan BND1.93 bagi Beras Siam. Waktu membayar Zakat Fitrah ialah apabila terbenam matahari akhir Ramadan sehingga terbit matahari 1 Syawal. Dan waktu afdal untuk membayar zakat ialah sebelum Sembahyang Hari Raya.

Bagi orang ramai yang ingin membayar zakat juga boleh berbuat demikian di tempat pembayaran Zakat Fitrah iaitu di kaunter bahagian kutipan dan agihan zakat di setiap daerah, di masjid-masjid, surau-surau, balai-balai ibadat di seluruh daerah melalui amil-amil yang dilantik. Dan Kaunter Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat, Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Untuk kemudahan awda juga, awda boleh menunaikan Zakat Fitrah secara *online*. Kini seiring dengan kepesatan teknologi, banyak kemudahan disediakan seperti membayar Zakat Fitrah secara *online* dan juga melalui aplikasi pembayaran zakat. Tidak dinafikan mungkin ada sesetengah daripada kita terutama sekali warga emas yang lebih memilih cara pembayaran zakat konvensional berbanding pembayaran zakat *online*. Bagi golongan muda pula, pembayaran secara *online* bukan satu masalah bahkan lebih memudahkan.

Bagi yang berasa ragu-ragu serta was-was mengenai pembayaran Zakat Fitrah secara dalam talian, adalah harus dan sah sebagaimana merujuk ketetapan Fatwa Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam melalui siri Fatwa (16/2020) Bil.24-1/2/5Ej(2).

Walau bagaimana cara pembayaran zakat awda lakukan, pastikan awda membayarnya pada waktu yang telah ditentukan. Hayatilah bulan Ramadan ini dengan penuh kesyukuran kerana masih berpeluang untuk melakukannya dan menambah pahala yang berlipat ganda.

– **Ketua Penyuntingan (Ri)**

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

تربیتکن اوله جابتن قراغن، جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نکارا برونی

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

MENTERI HAL EHWAU UGAMA HADIRI MAJLIS IFTAR RAMADAN DI KEMBOJA

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

PHNOM PENH, KEMBOJA, Sabtu, 23 Mac. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman berada di Kemboja bagi memenuhi jemputan untuk menghadiri Majlis Iftar Ramadan yang dihoskan oleh Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Moha Borvor Thipadei Hun Manet, yang diadakan pada Khamis, 21 Mac 2024 di OCIC Center, Phnom Penh, Kemboja. Majlis yang dihadiri oleh lebih enam ribu orang itu adalah anjuran

Komuniti Muslim Kemboja yang diselenggarakan oleh Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Kerajaan Diraja Kemboja.

Turut hadir, Menteri-menteri dan Ahli Parlimen serta Dewan Senat dan juga tetamu-tetamu kenamaan luar negeri.

Majlis Iftar Bersama Perdana Menteri adalah sudah menjadi acara tahunan sejak Perdana Menteri sebelum ini.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama juga mengunjungi Masjid Al-A'la, Prek Pra, Phnom Penh, di Kemboja dan berkesempatan untuk menyantuni

jemaah masjid serta warga Islam ketika di sana.

Kunjungan diselenggarakan dengan penyerahan Mushaf Negara Brunei Darussalam untuk kemudahan jemaah Masjid Al-A'la, di Prek Pra, Phnom Penh, Kemboja.

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menghadiri Majlis Iftar Ramadan dan mengunjungi Masjid Al-A'la, Prek Pra, Phnom Penh, di Kemboja serta berkesempatan untuk menyantuni jemaah masjid serta warga Islam ketika di sana (kanan, bawah kiri dan bawah kanan).



Tingkatkan amalan, raih ganjaran pahala berlipat ganda



KEMENTERIAN Hal Ehwal Ugama (KHEU) meneruskan acara Munajat Kali Ke-130 dikenali Munajat Ramadan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) meneruskan acara Munajat Kali Ke-130 dikenali Munajat Ramadan bersempena kita berada di bulan Ramadan yang di dalamnya, peluang mempertingkatkan amal ibadah dan amal kebajikan semata-mata untuk meraih kelebihan dan ganjaran pahala berlipat ganda dibukakan seluas-luasnya oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Munajat Ramadan dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh

Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Pengiran Muhammad Ameer Mubarak bin Pengiran Haji Hashim dari Masjid Mohamed Bolkiah, Serusop.

Hadir bagi sama-sama mengimarahkan Munajat Ramadhan ialah warga kerja KHEU; warga kerja Pejabat JDBM; serta warga kerja Jabatan Mufti Kerajaan. Turut menyertai, para penghulu mukim dan ketua kampung Daerah Brunei dan Muara.

Menyemarakkan lagi, Ahli Jawatankuasa Takmir dan Jemaah Masjid Mohamed Bolkiah, Serusop yang hadir secara fizikal dan juga maya dari 48 buah masjid termasuk surau dan balai ibadat di seluruh negara.

Selesai bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Ketua Pemantau Zon 3, Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Awang Mohd. Amin bin Haji Salim, dari Masjid Mohamed Bolkiah, Serusop.

Manakala Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Istibat Kanan, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Muhammad Ahmad Roza bin Haji Daud, dari Darulifta' Brunei Darussalam, Jabatan Mufti Kerajaan.

Acara diserikan dengan Tadabbur Al-Quran Surah Hud, ayat 6-7 disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Muhammad Salihan bin Samra, dari Masjid Mohamed Bolkiah, Serusop.

Inti pati Tadabbur Al-Quran Surah Hud, ayat 6-7 antara lain mengingatkan bahawa "Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala Maha Mengetahui segala sesuatu yang ada di langit dan bumi, dan Dia yang Maha Berkuasa selamanya. Tidaklah diciptakan bumi dan langit melainkan sebagai ujian dan maslahat bagi sekalian manusia agar sentiasa mentaati perintah-Nya".

Acara diteruskan dengan bacaan Selawat Taffiriyah beramai-ramai oleh penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung DBM.

Bagi memberkati acara Munajat Ramadan, bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, JHEM, Awang Haji Symsul Nizam bin Haji Badar dari Masjid Mohamed Bolkiah, Serusop.

Munajat Ramadan anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan ibadah di bulan Ramadan ini, serta meminta keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca Surah Yaa Sin dan ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya, serta merafakkan dan mengimarahkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam (NBD) dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat dari segala bala bencana dan penyakit merbahaya.

Semoga dengan amalan ibadah pada bulan Ramadan ini, kehidupan kita dan NBD diberkati.

Penyertaan bagi Munajat Ramadan dibukakan kepada orang ramai dan dapat diikuti secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu> atau <https://www.facebook.com/pdi.kheu>.

MOH PRIHATIN RINGANKAN BEBAN PESAKIT KURANG BERKEMAMPUAN

YANG Berhormat Menteri Kesihatan mengetuai rombongan lawatan Kumpulan 'A' bagi Daerah Brunei dan Muara dan seterusnya menyerahkan sumbangan kepada para penerima (kanan dan kanan sekali). Sementara gambar bawah, Yang Berhormat bergambar ramai bersama rombongan lawatan berkenaan.



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 24 Mac. – Kementerian Kesihatan pagi tadi mengadakan lawatan ke rumah-rumah pesakit yang kurang berkemampuan bagi menyampaikan sumbangan derma, barang-barang keperluan asasi dan peralatan perubatan kepada pesakit serta keluarga yang telah dikenal pasti dan berdaftar di Bahagian Kebajikan Perubatan di keempat-empat daerah.

Pada tahun ini, seramai lima pesakit dan keluarga di Daerah Brunei dan Muara yang berdaftar di bawah Perkhidmatan Kebajikan Perubatan (Medical Social Worker Services) dikenal pasti bagi tujuan lawatan berkenaan.

Rombongan lawatan Kumpulan 'A' bagi Daerah Brunei dan Muara diketuai oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Para penerima terdiri daripada Awang Mohammad Norizwan bin Laksman, Awang Hamzah bin Mohd. Daud, Muhammad Adzriel Amrullah bin Mohammad Faizal, Dayang Siti Asiyah binti Haji Awang Sisa dan Awang Haji Herwan bin

Haji Abdul Rahim.

Aktiviti lawatan berkenaan yang dikenali sebagai MoH Prihatin merupakan salah satu aktiviti kebajikan yang diunkayahkan oleh Kementerian Kesihatan melalui Perkhidmatan Kebajikan Perubatan bagi menyerahkan sumbangan yang terkumpul daripada Tabung Bantuan Amal Pesakit Perkhidmatan Kebajikan Perubatan yang diperoleh daripada sumbangan ikhlas warga

Kementerian Kesihatan, persatuan-persatuan bukan kerajaan, pihak swasta dan orang-orang persendirian.

Projek MoH Prihatin berkenaan juga turut disokong oleh ketua-ketua jabatan di Kementerian Kesihatan, pegawai-pegawai kanan; pegawai-pegawai perubatan; jururawat-jururawat; kakitangan hospital; wakil-wakil dari Persatuan Kesihatan Bersekutu (Allied Health Association), Brunei

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Cardiac Society, Brunei Society of Anaesthesiologists (BSA), Brunei Medical Association (BMA), Brunei Paediatric Society (BPS), Brunei Darussalam Association of Medical Laboratory Scientists (BAMLS) dan RIPASH Doctors' Mess dan juga sumbangan persendirian daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan.



Majlis Tadarus terus disemarakkan



MAJLIS Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi diteruskan lagi bagi malam ke-13 di Surau, Istana Nurul Iman.

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 24 Mac. - Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi diteruskan lagi bagi malam ke-13 di Surau, Istana Nurul Iman, di sini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Hadir sama, Setiausaha Tetap

(Kebudayaan) KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan dan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin.

Atur cara dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak dan Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah, diikuti dengan bacaan Tadarus Al-Quran. Majlis



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

INGIN MENGETAHUI TARIKH UJIAN / TEMU DUGA AWDA?



Layari www.recruitment.gov.bn dan semak "Kalendar Saya"

+673 7371961 | PSC.BN | query@spa.gov.bn

kemudiannya diakhiri bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam. Juga hadir, pegawai-pegawai daerah, pegawai-pegawai kanan, serta pegawai dan kakitangan daripada KKBS.

10 JUTA ORANG SELURUH DUNIA DIJANGKITI TB SETIAP TAHUN

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 24 Mac. - Hari TB Sedunia disambut pada setiap 24 Mac dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran dan komitmen terhadap usaha-usaha pencegahan dan pengawalan penyakit TB.

Penyakit TB merupakan punca kematian penyakit berjangkit yang kedua selepas COVID-19.

Menurut statistik Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), sekitar 10 juta orang di seluruh dunia dijangkiti TB setiap tahun dan menyebabkan 1.5 juta kematian, kebanyakannya di negara-negara yang sedang membangun.

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusannya sempena Sambutan Hari TB Sedunia 2024 yang disambut pada 24 Mac 2024 dengan tema 'Yes! We can end TB'.

Menurut Yang Berhormat, secara global, penyebaran varian TB yang resisten terhadap ubat dan faktor-faktor seperti HIV/AIDS, kemiskinan, dan akses yang terhad kepada penjagaan kesihatan yang berkualiti masih menjadi cabaran besar dalam usaha menangani TB.

"Memandangkan kejayaan tema pada tahun lepas, WHO dan 'Stop TB Partnership' telah mengekalkan 'Yes! We can end TB' sebagai tema sambutan pada tahun ini.

"Tema ini bertujuan untuk menggerakkan tindakan kolektif dalam menangani TB dan menuju kepada mencapai sasaran 2027 HLM Political Declaration dan end TB by 2030.

"Tema ini dikekalkan juga untuk memberi perhatian kepada kejayaan aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh kebanyakan negara yang terkesan dengan beban penyakit TB yang tinggi untuk memastikan akses kepada diagnostik terkini, rejimen rawatan baharu, teknologi digital dan Artificial Intelligence (AI) dalam menangani penyakit TB," kata Yang Berhormat.

Tema ini juga tambah Yang Berhormat, memberi tumpuan kepada penglibatan yang meningkat daripada pesakit TB, komuniti, dan masyarakat yang memimpin gerakan menuju penghapusan penyakit ini.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan TB adalah penyakit berjangkit yang merebak melalui udara yang disebabkan oleh bakteria *Mycobacterium tuberculosis* dan antara gejala-gejala TB adalah batuk yang berpanjangan yang melebihi tiga minggu, batuk berdarah, demam, berpeluh pada waktu malam, kurang selera dan penurunan berat badan.

Sesiapa yang menghidap gejala-gejala ini ujar Yang Berhormat, disarankan untuk mendapat

pemeriksaan daripada doktor dari klinik-klinik berdekatan dengan secepat mungkin kerana lewat mendapat rawatan boleh menyebabkan komplikasi serius, termasuk kematian.

Selain itu tekan Yang Berhormat, penting bagi pesakit TB untuk mematuhi jadual rawatan yang telah ditetapkan dengan gigih dan titih kerana pengambilan ubat yang tidak konsisten boleh meningkatkan risiko untuk mendapat semula jangkitan TB atau mendapat *drug-resistant* TB, iaitu satu keadaan di mana ubat-ubat yang sedia ada tidak dapat membunuh kuman TB dan menyebabkan penyakit TB sukar untuk dirawat.

"Di Negara Brunei Darussalam (NBD), kadar insiden penyakit TB pada 2023 adalah 58 kes bagi setiap 100,000 penduduk, iaitu pada kadar bebanan TB sederhana (*intermediate TB burden*).

"Trend insiden penyakit TB sejak lima tahun kebelakangan adalah di antara 52 hingga 68 kes bagi setiap 100,000 penduduk.

"Alhamdulillah, NBD sangat beruntung kerana kadar kes kekebalan kuman TB terhadap ubat-ubatan anti-TB (*multi-drug resistant* TB dan *extensively drug-resistant* TB) serta kes jangkitan TB dalam kalangan pesakit HIV (TB-HIV) di negara ini adalah sangat rendah.

"Kedua-dua perkara ini adalah merupakan dua cabaran besar

yang sedang dihadapi oleh dunia pada masa sekarang," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menjelaskan Kementerian Kesihatan sangat komited dan akan terus proaktif dalam memastikan cabaran-cabaran tersebut sentiasa terkawal di negara ini.

Justeru itu tambah Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan telah memfokuskan strategi dan tindakan pengawalan penyakit TB di NBD bagi mencapai sasaran untuk menurunkan jumlah kes TB di negara ini daripada bebanan TB sederhana (*intermediate TB burden*) pada masa ini kepada bebanan TB rendah (*low TB burden*), iaitu pada kadar kurang daripada 10 kes bagi setiap 100,000 penduduk dengan membuat pendekatan seperti berikut, iaitu peningkatan dan penambahbaikan sistem surveilans TB; peningkatan kesedaran semua pihak termasuk profesional kesihatan dan orang ramai tentang penyakit TB; pengukuhan Program Saringan Penyakit TB (TB Screening Program) dengan kumpulan-kumpulan sasaran tertentu; dan memastikan rawatan diberikan dan dipatuhi sehingga sembuh supaya jangkitan TB tidak menular kepada orang lain dan menghindari kemunculan kekebalan kuman TB terhadap ubat-ubatan anti-TB.

"Pada Hari Tuberkulosis Sedunia ini, marilah kita komited untuk bersama-sama melawan TB.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan dalam perutusan sempena Sambutan Hari TB Sedunia 2024.

"Sokongan ahli keluarga, rakan sekerja, majikan serta *stakeholders* lain termasuk penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), dan semua lapisan masyarakat adalah amat penting bagi memastikan pesakit berjaya menjalani rawatan sehingga kembali sembuh.

"Dengan tindakan bersama, kita boleh mencapai sasaran global untuk menghapuskan TB menjelang tahun 2030, 'Yes! We can end TB'," ujar Yang Berhormat mengakhiri perutusannya.

Sistem Pemantauan Data Pesakit Dialisis Peritoneal dilancarkan



YANG Berhormat Menteri Kesihatan bergambar ramai pada Majlis Perasmian Pemantauan Data Pesakit Dialisis Peritoneal sempena Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2024 bertempat di Pusat Dialisis Rimba, Gadong.

■ Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

>> Muka 1

Sistem Pemantauan Data Pesakit Dialisis Peritoneal yang baru diperkenalkan ini, dihasrat akan dapat meningkatkan lagi faedah rawatan dengan para profesional kesihatan akan dapat merancang rawatan secara lebih terarah dan berkesan bagi setiap pesakit yang menjalani dialisis peritoneal.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menyatakan perkara berkenaan semasa berucap pada Majlis Perasmian Pemantauan Data Pesakit Dialisis Peritoneal sempena Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2024 bertempat di Pusat Dialisis Rimba, Gadong, di sini.

Menurut Yang Berhormat, kelebihan penggunaan sistem ini adalah kemampuannya untuk mengesan masalah pesakit dengan lebih awal semasa rawatan dialisis peritoneal dijalankan, membolehkan para profesional kesihatan mengambil tindakan segera yang seterusnya dapat mengurangkan keperluan rawatan di hospital.

"Menerima maklumat secara *real-time* juga membolehkan para profesional kesihatan menyesuaikan pengaturan mesin dialisis pesakit di rumah tanpa perlu menunggu pesakit datang ke klinik mengikut janji temu yang diberikan.

"Ini tidak hanya meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perawatan pesakit, tetapi juga memberikan perawatan yang lebih

individual dan responsif terhadap keperluan unik setiap pesakit," ujar Yang Berhormat.

Pada tahun 2023 jelas Yang Berhormat, perkhidmatan dialisis peritoneal mencapai kadar penembusan melebihi 15 peratus dalam tempoh satu tahun dan ini merupakan pencapaian yang signifikan sejak perkhidmatan dialisis peritoneal diperkenalkan di Negara Brunei Darussalam.

Sehingga pertengahan Februari 2024 tambah Yang Berhormat, terdapat 154 pesakit yang menjalani rawatan dialisis peritoneal di negara ini.

Terdahulu Yang Berhormat menyatakan, apabila buah pinggang gagal untuk berfungsi dengan baik, pesakit mempunyai tiga pilihan untuk Terapi Gantikan Buah Pinggang (Kidney Replacement Therapy-KRT),

iaitu melalui pemindahan buah pinggang; dialisis peritoneal (cuci air); atau hemodialisis (cuci darah).

"Di antara pilihan tersebut, pembedahan pemindahan buah pinggang menawarkan peluang yang terbaik untuk kelangsungan hidup jangka panjang dan peningkatan kualiti hidup.

"Walau bagaimanapun, proses pembedahan memerlukan kerjasama dari pelbagai pihak, termasuk penderma buah pinggang dan keluarga pesakit itu sendiri.

"Dari segi perubatan pula, tidak semua pesakit sesuai untuk menjalani pembedahan pemindahan buah pinggang," terang Yang Berhormat.

Oleh yang demikian kata Yang Berhormat lagi, majoriti pesakit akhirnya memerlukan rawatan dialisis dan pada umumnya, dialisis peritoneal adalah pilihan yang lebih baik jika dibandingkan dengan rawatan hemodialisis.

Tambah Yang Berhormat lagi, pesakit dialisis peritoneal juga sering kali mempunyai jangka hayat yang lebih panjang dan mengalami kurang komplikasi berbanding dengan pesakit hemodialisis.

Menurut Yang Berhormat, dialisis peritoneal adalah satu prosedur dengan pesakit boleh melakukan rawatan dialisis mereka dengan sendiri di rumah, tempat kerja atau semasa melancong.

Mengambil kira akan kemudahan berkenaan ujar Yang Berhormat, pesakit dialisis peritoneal selalunya masih dapat mengekalkan kehidupan mereka seperti biasa, iaitu jika pesakit menjalani rawatan dialisis peritoneal pada waktu malam, pesakit masih boleh melakukan aktiviti harian pada waktu siang.

Sementara rawatan hemodialisis pula tambah Yang Berhormat,



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa berucap.

memberi kesan yang ketara dalam kehidupan pesakit kerana ia mengambil masa sekurang-kurangnya empat jam, tiga kali seminggu untuk berada di Pusat Dialisis dan memerlukan kehadiran jururawat yang terlatih untuk membuat rawatan berkenaan.

Sejurus perasmian, Yang Berhormat Menteri Kesihatan turut menyaksikan demonstrasi penggunaan Sistem Pemantauan Data Pesakit berkenaan.

Majlis diteruskan lagi dengan lawatan ke rumah salah seorang pesakit dialisis peritoneal yang bertempat di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Rimba, Gadong.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Dr. Ang Swee Hui; ketua-ketua jabatan, berserta para pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



AKTA PERBEKALAN 2024 / 2025 BERKUAT KUASA 1 APRIL

Oleh : Srinarawie Bidzah

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara pada persidangan berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. – Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib berkata, Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN telah selesai dilaksanakan dengan selamat dan teratur.

“Di kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan yang tulus ikhlas di atas kerjasama yang diberikan oleh kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati.

“Alhamdulillah, kita telah melaksanakan Persidangan MMN ini selama 18 hari dalam suasana yang harmoni, saya kira, muhibah dan saling hormat menghormati yang berteraskan kepada konsep pendirian kita Melayu Islam Beraja.

“Ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan juga saya tujukan khusus kepada Yang Mulia Jurutulis MMN, Pemangku Timbalan Jurutulis, Bentara-bentara Dewan serta semua pegawai dan kakitangan termasuklah *interns* yang telah terlibat yang ditugaskan sama ada dari kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang berkenaan atas usaha gigih dan komitmen tinggi yang diberikan dalam menyediakan pelbagai keperluan bagi melicinkan lagi segala urusan kita di sepanjang permesyuaratan ini diadakan,” jelas Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN dalam ucapan penangguhan pada hari terakhir persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN, yang bersidang di Dewan

Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

Yang Berhormat juga turut menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda bercemar duli untuk membuka rasmi Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN pada Selasa, 17 Syaaban 1445H bersamaan 27 Februari 2024M dan seterusnya berkenan mengurniakan titah pada majlis tersebut.

“Alhamdulillah, kita bersyukur kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam masih berupaya menyediakan peruntukan belanjawan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 dan mengemukakan perancangan bagi Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 untuk meneruskan projek-projek dan inisiatif-inisiatif pembangunan negara demi memelihara kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

“Ini akan memberikan, saya percaya *impetus* yang sangat besar nilainya terhadap usaha-usaha pembangunan negara dari aspek ekonomi dan sosial dan memberikan keyakinan kepada pelabur-pelabur terutamanya dan rakan-rakan kita dalam rantau ini bahawa Negara Brunei Darussalam

>> Muka 1

Perkara ini dinyatakan oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia

Haji Mohamed Taib di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Persidangan juga telah pun selesai meluluskan dua ketetapan, iaitu Ketetapan di bawah Perkara

83, Fasal 7 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, 1959 dan Ketetapan di bawah Bab 4 Ceraian 2 dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan (Penggala 136).

Persidangan MMN selesai dilaksanakan dengan selamat, teratur

ini masih kukuh dan berupaya meneruskan pembangunannya meskipun dalam suasana ekonomi dunia yang tidak menentu ini,” ujar Yang Berhormat Pehin.

Dalam kesempatan ini, Yang Berhormat memberikan beberapa pandangan hasil daripada mengemudi perbincangan di Dewan yang mulia ini, iaitu di sepanjang persidangan diadakan, kita telah mendengar pertukaran fikiran berupa cadangan dan pandangan bernas Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang telah dikemukakan pada Persidangan MMN ini dan yang sebelumnya, perkara-perkara ini telah diambil baik dan diberikan penelitian oleh Yang Berhormat Menteri-menteri yang berkenaan dan sedikit sebanyak dipertimbangkan dalam membuat keputusan di dalam peringkat kementerian masing-masing.

Menurut Yang Berhormat lagi, ini adalah kekuatan MMN dan kita sama-sama bermuzakarah bagi membincangkan perkara-perkara strategik yang berkepentingan untuk rakyat dan negara, seterusnya bergerak bersama ke hadapan sama ada dengan agenda pembangunan sama juga dengan agenda pembangunan negara kita terutamanya pada masa ini terdapat pelbagai cabaran-cabaran semasa dan kemelut yang melanda yang melahirkan kepada kepelbagaian buah fikiran dan lontaran pendapat, biarpun berbeza dan kadang kala berselisih pendapat dan pemikiran tetapi bukan bermakna tidak ada kesepakatan yang boleh disatukan agar terbentuk satu masyarakat Brunei yang bertamadun.

Persidangan MMN tambah Yang Berhormat, merupakan landasan rasmi bagi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk mengadakan perbincangan secara bermuafakat yang mana memerlukan kebijaksanaan dan seterusnya kesediaan untuk menerima serta menghormati

keputusan yang telah dibuat dengan berpandukan Peraturan-peraturan MMN dan boleh melaksanakan perkara ini dengan menjaga adab dan tata tertib dengan baik; dan selain daripada membentuk perbincangan yang berpegang kepada Peraturan-peraturan Mesyuarat, Ahli-ahli Yang Berhormat juga dicabar dengan kemampuan untuk mendengarkan pandangan-pandangan yang meliputi pelbagai aspek yang meluas dan perspektif yang mungkin juga berbeza.

“Walau bagaimanapun, sikap keterbukaan dalam Dewan Majlis memerlukan kematangan dan tidak wajar untuk diambil kesempatan oleh mana-mana pihak untuk melancarkan agenda peribadi ataupun memperkecilkan mana-mana usaha atau keputusan yang telah diambil.

“Perbezaan pendapat seharusnya menjadi landasan kepada pencetus idea-idea terbaharu untuk membangun dan menyatupadukan negara kita ini dan hanya dengan bersatu padu, negara kecil yang cantik molek ini akan terus dapat kita tanai.

“Apa yang kita rasai sekarang akan terus dapat dirasai oleh generasi anak cucu kita yang akan datang insyaaAllah.

“Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akan dapat meneruskan lagi pelbagai usaha untuk menyokong dan meneruskan kesinambungan usaha-usaha pembangunan negara seperti permuzakarah dan mengadakan perbincangan di luar dewan ini dari semasa ke semasa,” ujar Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin seterusnya menjelaskan perkara ini adalah dalam sama-sama kita menjunjung tinggi kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN pada mana baginda telah menaruh harapan agar Ahli-ahli

Yang Berhormat Yang Dilantik untuk sentiasa turun padang untuk bermuzakarah dengan pihak-pihak berkepentingan dari sektor kerajaan, sektor swasta, persatuan-persatuan, para penduduk yang diwakili mereka masing-masing.

“Saya kira platform-platform lain yang difikirkan bersesuaian selain dari sesi-sesi muzakarah dan lawatan haruslah dimanfaatkan sepenuhnya bagi tujuan ini.

“Akhir sekali, saya ingin mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa kepada semua dan saya berdoa semoga amalan ibadah yang kita lakukan di bulan yang penuh dengan keberkatan ini, bulan yang penuh rahmat di mana bulan yang mewajibkan *kitani* bersilaturahim, bermaaf-maafan akan dapat diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala serta segala usaha murni yang dicurahkan dengan ikhlas akan dapat dilaksanakan seperti yang dihasratkan dengan berkat rahmat petunjuk dan keredaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

“Saya juga ingin memanjatkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja akan sentiasa sihat walafiat di bawah perlindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala dan semoga negara kita serta seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ini akan sentiasa berada di bawah perlindungan-Nya dan dikurniakan nikmat keamanan, kesejahteraan, kemakmuran yang berterusan.

“Dengan ucapan yang ringkas dan harapan yang penuh tinggi tadi, saya dengan penuh tawakal dan mengikut peruntukan 35(1) dari Peraturan MMN, maka MMN ini saya tangguhkan ke satu masa yang belum ditetapkan tarikhnya insyaaAllah kita akan berjumpa lagi,” ujar Yang Berhormat mengakhiri ucapannya.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



PASTIKAN PERKEMBANGAN, PEMBANGUNAN INKLUSIF

Oleh : Srinarawie Bidzah

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Penglibatan dan penyertaan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam memberikan pandangan yang bernas dan cadangan-cadangan penyelesaian yang membina menunjukkan komitmen dan kesungguhan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam sama-sama menanai dan mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara maju selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035.

Segala pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat selaku wakil rakyat dan penduduk di negara ini adalah sangat-sangat dihargai dan setentunya akan diambil perhatian serta dijadikan sebagai rujukan, panduan dan nilai tambah oleh pihak kerajaan dalam mengubal dan melaksanakan apa juga dasar, strategi dan inisiatif ke arah pembangunan sosioekonomi negara.

Perkara ini sangat penting dalam memastikan segala dasar, strategi dan inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan itu akan dapat memenuhi kehendak dan ekspektasi kesemua pihak yang berkepentingan serta mendatangkan impak yang positif terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Penasihat Khas Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Dato Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim menekankan perkara demikian pada ucapan penangguhan pada hari terakhir Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN, yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

Menurut Yang Berhormat, ia juga diharap akan dapat meningkatkan keyakinan terhadap usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan di samping memastikan perkembangan dan pembangunan yang inklusif dan menyeluruh bagi semua pihak sebagaimana yang dihasrat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

"Brunei Darussalam adalah Negara Zikir, etika Negara Zikir mengenai kuasa dan kepimpinan aksinya adalah keadilan dan justeru semua pegawai dan kakitangan yang dipertanggungjawab dengan kuasa untuk memimpin rakan-rakan dan kakitangan bawahan dalam mana-mana organisasi mempunyai kewajiban untuk menanai dan menjunjung titah Kebawah DYMM tersebut, iaitu menggunakan kuasa yang dipertanggungjawabkan dengan adil dan saksama terutama sekali

apabila mempertimbangkan sesuatu sokongan seperti kenaikan pangkat, sokongan disiplin ke atas mana-mana pegawai dan kakitangan.

"Dalam persidangan ini kita telah meluluskan beberapa akta penting termasuk Akta Perbekalan 2024/2025, yang insyaaAllah akan membolehkan jentera kerajaan untuk terus bergerak ke arah melaksanakan rancangan-rancangan dan inisiatif pembangunan yang mana demi kesejahteraan rakyat dan penduduk.

"Belanjawan negara pada tahun ini akan memfokuskan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk melalui pembangunan infrastruktur, menjana kepelbagaian ekonomi bagi mengurangkan ketergantungan kepada sektor minyak dan gas, dan menyediakan sistem pendidikan yang berkualiti ke arah melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan menyumbang kepada pembangunan negara," ujar Yang Berhormat.

Semua ini tambah Yang Berhormat, setentunya memerlukan komitmen sokongan, kerjasama dan usaha gigih yang berterusan daripada semua pihak termasuk sektor Perkhidmatan Awam (PA) dan swasta serta seluruh lapisan masyarakat untuk sama-sama bekerja keras, berganding bahu dan bersatu-padu menggembelengkan tenaga ke arah membina masa depan yang lebih cerah dan makmur untuk seluruh rakyat dan penduduk selaras dengan

pendekatan Whole of Nation yang sering kita dengar dan ungkapan pada masa ini.

Kaedah Whole of Nation Approach ini atau pendekatan senegara ini jelas Yang Berhormat, sebenarnya bukanlah satu konsep yang baharu malah ia juga telah diguna pakai dan diamalkan semasa zaman pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien yang terkenal dengan nama 'Arkitek Brunei Moden'.

"Sebagaimana titah Al-Marhum sempena menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda yang Ke-43 pada 23 September 1959, yang antara lainnya saya petik dan saya kongsi di sini untuk rujukan dan panduan serta iktibar bagi kita semua seperti berikut.

"*Dalam suasana yang sedang kita hadapi masa ini, dan masa-masa yang akan datang, kita sekalian bukan hanya menyatukan bukan hanya menumpukan harapan pada pegawai-pegawai kerajaan tetapi juga meliputi seluruh rakyat yang taat setia di Brunei ini.*

"*Penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung, Menteri-menteri darat, Pegawai-pegawai agama, Menteri-menteri agama serta sekalian Pehin-pehin mahulah berusaha menumpukan perhatian ke arah kemajuan dan kemakmuran bangsa dan tanah air di Brunei.*

"*Dirikanlah dan timbulkanlah perasaan yang kukuh dan tabah dengan perasaan yang benar-benar ikhlas, jujur dan berani di atas dasar-dasar yang benar*



YANG Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

yang mendatangkan faedah, manfaat dan kebajikan," ujar Yang Berhormat Pehin.

Menurut Yang Berhormat lagi, titah nasihat dan saranan Al-Marhum tersebut jelas sekali menggambarkan kebijaksanaan dan pandangan jauh baginda dalam mana tugas dan tanggungjawab dalam meningkatkan kemajuan dan kemakmuran negara itu, tidaklah seharusnya diserahkan kepada kerajaan semata-mata tetapi ia haruslah dipikul bersama secara bersepadu oleh seluruh anggota lapisan masyarakat sebagai usaha ke arah memenuhi tanggungjawab bernegara dan sebagai lambang ketaatan dan kesetiaan pada raja, bangsa dan negara selaras dengan tema sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang ke-40 iaitu 'Bersatu Mencapai Cita Negara.'



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Menurut Yang Berhormat, sebutan perkataan 'kita' adalah bermaksud kerajaan berpemerintahan beraja yang bijaksana dan berwawasan adil berdaulat memimpin rakyat menaungi nusa dengan sekalian rakyat yang taat setia berusaha dan mendoakan semoga Ilahi selamatkan Brunei Darussalam.

Sebelum mengakhiri ucapan penangguhan, Yang Berhormat sukacita menyampaikan tahniah dan penghargaan kepada Jurutulis Majlis dan Pemangku Jurutulis Majlis serta kepada semua peringkat pegawai-pegawai tetap Jabatan MMN dan pegawai-pegawai yang ditugaskan dari beberapa buah kementerian.

"Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberkati sekalian kita dengan limpahan rahmat kasih sayang-Nya, dengan dilanjutkan usia dalam keadaan sihat dan bahagia, istiqamah mengibadati-Nya sambil bermuhibah sesama kita manusia makhluk dan hamba-Nya," ujar Yang Berhormat lagi.

MMN lembaga pemerintahan negara dinamik

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menyatakan, dalam memanfaatkan kapasiti masing-masing untuk mengembang majukan negara dan menguatkan lagi perpaduan negara kita setentunya akan bijak menyampaikan signal, isyarat sampai di luar dewan itu kepada rakyat dan orang ramai bahawa Majlis Mesyuarat Negara (MMN) adalah sebahagian lembaga pemerintahan negara yang dinamik, tidak statik, namun akan sangat berhati-hati berkembang menurut tahap-tahap yang sihat berkebijaksanaan, selamat dan aman, dengan sentiasa berpaksikan perpaduan di antara kerajaan berpemerintahan beraja dengan rakyat seperti sifat dan hakikatnya yang dinyatakan itu.

"Dalam hubungan ini, Yang Berhormat Pehin Yang Dipertua, pada hemat kaola sistem pemerintahan negara kita sebagaimana menurut perlembagaan adalah sudah syariah compliance.

"Kerana itu kaola tidak ragu untuknya berkembang dengan semangat musyawarah seperti yang jelas ketara dalam peruntukan-peruntukan di dalamnya," jelas Yang Berhormat

semasa menyampaikan ucapan penangguhannya pada hari terakhir Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Mengenai perkara itu, Yang Berhormat menaruh harapan agar pusat-pusat pengajian tinggi negara ini akan berperanan memberikan kefahaman ilmiah meliputi undang-undang dan sejarah ketatanegaraan meliputi sudut-sudut kenegaraan Brunei kita, negara Melayu Islam Beraja (MIB) yang merdeka berdaulat demokratik bersendikan agama Islam menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dengan mengajarkan ilmu ketatanegaraan iaitu undang-undang perlembagaan dan syariahnya berserta sejarahnya, tidak semata-mata semboyan tentang MIB tetapi lupa bahawa ia adalah negara berdaulat merdeka demokratik bersendikan ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah yang seolah-olah hakikat ini kita tidak menyebutnya.

Ucapan penangguhan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama juga menyebut ringkas mengenai peranan yang boleh dimanfaatkan oleh pihak-pihak eksekutif iaitu kementerian-kementerian daripada keahlian Ahli-ahli Yang Berhormat yang dilantik menurut kategori

masing-masing, sebagaimana juga diisytiharkan dalam titah perasmian baru-baru ini.

Yang Berhormat dari Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Majlis Ugama Islam, insyaaAllah akan menyertakan beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat dalam beberapa jawatankuasa yang ada kaitannya dengan orang ramai iaitu bidang Zakat, Wakaf dan Baitulmal; bidang haji dan umrah; bidang Hal Ehwal Masjid, bidang-bidang pelajaran agama, dan bidang dakwah, insyaaAllah.

Terdahulu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama melahirkan ucapan tahniah kepada Yang Di-Pertua MMN yang memang diketahui berkewibawaan memimpin sesi-sesi permesyuaratan majlis ini, iaitu MMN yang merupakan medan untuk melahirkan pendapat dan buah fikiran yang membina oleh para ahli sebagaimana disebut dan direkodkan sebagai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat ini pada Selasa 17 Syaaban 1445H bersamaan 27 Februari 2024M.

Dalam konteks itu jelas Yang Berhormat, baginda juga menyatakan bahawa majlis ini dihasratkan kekal relevan untuk membincang perkara-perkara strategik yang bermanfaat bagi rakyat dan negara.

"Alhamdulillah Yang Berhormat Pehin, kaola memahami dan

menyifatkan titah baginda itu adalah pada menyatakan bukan sahaja harapan bahkan keyakinan baginda tentang relevansinya MMN ini yang ditubuhkan semula di bawah Perkara 23 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Pindaan), 2004 dan dalam konteks itu baginda menyatakan bahawa perlembagaan juga akan menyediakan lebih banyak peluang bagi rakyat untuk melibatkan diri dalam perundingan serta menyumbang secara membina kepada kemajuan negara yang mana baginda seterusnya bertitah bahawa perkara sedemikian akan lebih mengukuhkan sistem kerajaan serta perpaduan di antara kita," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat dalam ucapannya juga menghubungkan kaitan titah sempena perasmian MMN tahun ini dengan titah baginda sempena Majlis Penandatanganan Pemasyhuran Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Pindaan), 2004 itu dalam sesi ucapan penangguhan ini ialah dengan maksud supaya kaola dan rakan-rakan Yang Berhormat sekalian yang berada dalam dewan ini dengan masing-masing kapasiti adalah untuk menjayakan harapan dan keyakinan baginda dengan memastikan relevansi MMN ini untuk seterusnya berkembang ke arah kemajuan negara dan menguatkan lagi perpaduan di antara kita.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



MANTAPKAN PERKHIDMATAN FASILITI AWAM, KEMBANG MAJUKAN SOSIOEKONOMI NEGARA

Oleh : Srinarawie Bidzah

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof mengharapkan mana-mana idea, input dan sasaran yang positif yang dikongsi bukan sahaja di Musim Permesyuaratan di Dewan yang mulia ini, tetapi semasa sesi permuakarah bertempat di Kementerian masing-masing supaya apakah kiranya akan dapat diambil perhatian dan seterusnya dipertimbangkan dengan sewajarnya demi semata-mata bersama-sama bertanggungjawab dan menambah baik dan juga memantapkan bukan sahaja dari aspek perkhidmatan fasiliti-fasiliti awam malahan melangkaui *m e n g e m b a n g m a j u k a n* sosioekonomi negara menjurus ke arah yang lebih mampan dan sistematik.

Kita sebagai rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ini, marilah kita bersama-sama merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan seterusnya dengan penuh hormat dan takzimnya menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya dengan berkat kepimpinan, bijaksana, kewibawaan, keprihatinan dan

berwawasan yang jauh ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di mana kita semua terus menerus menikmati pelbagai perkhidmatan, kemudahan serta pelbagai kemajuan yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di samping kita bersama-sama menikmati kehidupan yang sejahtera dalam suasana keamanan, kemakmuran dan keharmonian.

"Sepertimana kita sedia maklum dan apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II mengenai penyediaan Rang Anggaran Perbelanjaan Negara bagi Tahun Kewangan 2024/2025, antara lain menyatakan sekali lagi negara ini dijangkakan mengalami *fiscal deficit* berjumlah BND2.99 bilion bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

"Bukan sahaja cabaran *fiscal deficit* yang telah kita alami sejak beberapa tahun sehingga pada masa kini, malahan juga melangkaui cabaran yang

lebih besar, iaitu bagaimana kita menjurus untuk mencapai Wawasan Brunei 2035 yang hanya tinggal 11 tahun sahaja lagi khususnya tiga matlamat utama, iaitu Rakyat Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya; Kualiti Kehidupan yang Tinggi; dan Ekonomi Yang Dinamik dan Berdaya Tahan," jelas Yang Berhormat Pehin pada ucapan penangguhan pada hari terakhir Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN, yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi ini.

Menurut Yang Berhormat Pehin, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khususnya melalui Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah dan akan terus berusaha menyusun strategi-strategi dan inisiatif-inisiatif strategik yang dikenal pasti termasuk melalui Economic Blueprint for Brunei Darussalam untuk dijadikan sebagai panduan kepada pihak berkepentingan untuk membangun dan mempelbagaikan ekonomi negara yang lebih mampan dan *sustainable* melalui aspirasi dan hala tuju dasar yang jelas yang melengkapi usaha untuk mencapai ke arah matlamat Wawasan Brunei 2035.

Ke arah ini kata Yang Berhormat Pehin, kesemua peringkat *stakeholders* di negara ini, bukan sahaja di sektor kerajaan

malahan pihak swasta, badan-badan bukan kerajaan, seluruh lapisan rakyat dan penduduk negara ini, semestinyalah kita bersama-sama berganding bahu, bekerjasama lebih erat dan padu serta bersungguh-sungguh bagi lagi berintegrasi dalam *kitani* usaha bagi memajukan, sama-sama berperanan mengikut bidang kuasa dan tugas masing-masing bagi menggerakkan sosioekonomi negara dan ini adalah juga bagi kita sama-sama mendukung dan menyokong sepenuhnya kaedah yang sering dilaung-laungkan *Whole of Nation* dan *Whole of Government Approach*.

Yang Berhormat Pehin berpendapat *economic driven activity* dan *initiative* adalah sebagai tonggak ataupun penggerak utama bagi pertumbuhan dan perkembangan perekonomian yang merupakan asas utama berupaya dan mampu menjelmakan serta menyumbangkan *impact* yang signifikan bagi membangunkan lagi sosioekonomi negara yang dinamik.

Selain itu jelas Yang Berhormat Pehin, setiap kementerian, agensi-agensi kerajaan dan semua *stakeholders* yang berkepentingan, mendukung bukan sahaja menyejajarkan malahan menyelaras dasar atau polisi yang ditetapkan terutama sekali yang mendatangkan *spin of effect* yang signifikan dalam



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof.

pelbagai bidang aktiviti-aktiviti perekonomian dan perdagangan di negara ini.

Mengenai kepentingan *research and development* Yang Berhormat Pehin menjelaskan semestinya juga diperluaskan yang berpotensi menambahkan lagi produktiviti, meningkatkan kreativiti, inovasi, *value of the product* dan memperbanyakkan serta menaikkan tahap kemahiran tenaga manusia.

"Ini kesemuanya sekali gus merencanakan lagi pertumbuhan sosioekonomi, menaikkan tahap kehidupan rakyat dan penduduk negara ini dan seterusnya meningkatkan lagi pertumbuhan keluaran dalam negeri, iaitu KDNK," ujar Yang Berhormat Pehin lagi.

Wujudkan ekosistem perniagaan *business friendly*

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman menyokong sepenuhnya hala tuju dan perancangan strategik serta tindakan-tindakan yang berkaitan kementerian masing-masing dan juga beberapa pencapaian dan objektif utama telah dikongsi dan kita

mengalukan pencapaian setiap kementerian.

Mengenai aktiviti perekonomian dalam Sektor Pertanian, Makanan, Kewangan, Pengangkutan dan Pelancongan kata Yang Berhormat Pehin, dilaksanakan berterusan perlu dipertingkatkan, diperkukuhkan, usaha untuk menarik pelabur asing mesti juga dipertingkatkan, mengenal pasti dan memfokuskan kepada industri-industri strategik, melahirkan

tenaga kerja yang berkelulusan tinggi dan berkemahiran dan tetap fokus kepada mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Antaranya jelas Yang Berhormat Pehin, ialah menambah pekerjaan dan mengurangkan pengangguran, meningkatkan kesejahteraan rakyat dan mengurangkan kemiskinan, memelihara kesihatan rakyat, persekitaran yang bersih dan tidak tercemar serta keselamatan negara di bawah Kementerian Pertahanan dan juga melalui perhubungan diplomatik yang kukuh dan rapat.

"Kaola juga ingin menambah mewujudkan ekosistem perniagaan yang *business friendly* sebagai *prerequisite* untuk menarik Pelabur Langsung Asing dan menggalakkan perniagaan.

"Kaola yakin setiap kementerian dalam menggunakan peruntukan yang telah diluluskan akan berusaha menggunakannya secara berhemah dan sebaik mungkin bagi pembangunan dan kemajuan negara kita untuk

menuju kepada *the big future* dalam mana kita ini akan *better off today than yesterday*, sesuai dengan tema Belanjawan Negara bagi Tahun 2024/2025 iaitu 'Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur,' ujar Yang Berhormat Pehin dalam ucapan penangguhan pada hari terakhir persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN, yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

Terdahulu, Yang Berhormat Pehin mengucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kepimpinan yang bijaksana, sabar dan tegas dari awal persidangan hingga ke hari ini.

Menurut Yang Berhormat Pehin, persidangan telah berlangsung dalam suasana yang tenang, mesra, saling hormat-menghormati serta dengan penuh tanggungjawab.

Yang Berhormat Pehin juga turut mengucapkan tahniah atas lantikan Jurutulis, Dr. Dayang



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah selaku Jurutulis MMN dan ucapan terima kasih kepada Jurutulis dan juga Pemangku Timbalan Jurutulis, Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra dan pegawai-pegawai Jabatan MMN yang bekerja *behind the scene* untuk memastikan mesyuarat MMN berjalan dengan teratur.

MENGENAI aktiviti perekonomian dalam Sektor Pertanian, Makanan, Kewangan, Pengangkutan dan Pelancongan kata Yang Berhormat Pehin, dilaksanakan berterusan perlu dipertingkatkan, diperkukuhkan, usaha untuk menarik pelabur asing mesti juga dipertingkatkan, mengenal pasti dan memfokuskan kepada industri-industri strategik, melahirkan tenaga kerja yang berkelulusan tinggi dan berkemahiran dan tetap fokus kepada mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



TEROKAI, GUNA PELUANG KE ARAH PEMBANGUNAN NEGARA

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang bagi hari terakhir yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini beralih kepada Perkara VIII, iaitu ucapan-ucapan penangguhan.

Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed melahirkan penghargaan terima kasih kepada Ahli-ahli MMN yang telah sama-sama menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi di sepanjang persidangan berlangsung.

"Sebagaimana yang kita telah lihat dan mendengar, persidangan pada tahun ini mencerminkan hasrat baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang dititahkan semasa Istiadat Pembukaan Rasmi MMN Ke-20, iaitu bagi ahli-ahli menggunakan

platform atau medan ini untuk menyuarakan pendapat dan idea yang membina serta membincangkan isu-isu yang relevan demi kebaikan negara dan rakyat.

"Kaola juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri-menteri yang telah menjawab pertanyaan-pertanyaan *abiskaola* dengan penuh kesabaran dan sedaya upaya," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Zainol yakin bahawa perbincangan ini tidak akan berakhir di sini sahaja dan seperti lazimnya, sesi muzakarah, dialog dan lawatan akan diadakan dengan berterusan di sepanjang tahun dengan harapan agar kita terus dapat bekerjasama dan berkolaborasi dalam apa jua kaedah untuk kemajuan serta kebaikan rakyat dan negara kita.

Persidangan yang telah diadakan juga kata Yang Berhormat, mencerminkan hala tuju dan perancangan negara, industri mana yang dijangka akan berkembang, dan di mana kita

sedang menerokai peluang.

"Oleh yang demikian, kaola menyeru agar semua lapisan masyarakat untuk tidak berputus asa dan menggunakan peluang ini untuk mengejar peluang pekerjaan dan untuk sama-sama membangunkan negara.

"Belia-belua adalah masa depan negara, adalah generasi yang penuh kreativiti, idea, dan tenaga, oleh itu diharap dapat memanfaatkan peluang-peluang yang ada sepenuhnya," tegas Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan kepada Yang Di-Pertua MMN dalam memandu persidangan dengan penuh kesabaran dari hari pertama ia bersidang dan kebijaksanaan dan panduan Yang Berhormat Pehin sangat dihargai dalam memastikan persidangan dijalankan dengan lancar, teratur, dan sempurna.

Selain itu, Yang Berhormat juga tidak lupa mengucapkan tahniah dan berbilang terima kasih kepada Yang Mulia Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara dalam membantu mengendalikan

persidangan buat kali pertamanya pada tahun ini serta juga kepada semua pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat yang telah bekerja keras dan bertungkus lumus untuk memastikan persidangan dapat diadakan dengan teratur, dalam menghasilkan hansard harian tanpa gagal setiap hari, sehingga memastikan penyampaian maklumat kepada orang awam dibuat dengan baik mengenai perkara-perkara yang dibincangkan dari hari pertama persidangan.

"Akhir sekali, kaola ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa kepada semua, dan didoakan agar Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa memberkati kita semua dan memberikan kita perlindungan dan kesihatan serta mengampuni dosa-dosa kita dan menerima semua amal ibadah kita di sepanjang bulan yang mulia ini.

"Kaola juga ingin mengucapkan Selamat Hari Raya yang akan tiba kepada semua dan untuk kita tidak lupa mendoakan orang-orang yang telah mendahului kita.



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.

"Dalam suasana gembira dan aman sejahtera, kita juga mengingati saudara-saudara kita yang sedang berjuang di Palestin, dan untuk sentiasa mendoakan mereka agar Allah Subhanahu Wata'ala menurunkan rezeki yang melimpah ruah dan perlindungan kepada mereka dan seterusnya saudara-saudara kita akan dapat bebas dari segala kekejaman dan peperangan yang sedang berlaku," ujar Yang Berhormat menzahirkan doanya.

Kerjasama padu dalam mewujudkan pelan kemajuan



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Hari terakhir Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini juga mendengarkan ucapan penangguhan Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.

Menurut Yang Berhormat, di dalam kita memperkatakan soal ekonomi mapan (*sustainable economy*), Negara Brunei

Darussalam dilihat mampu mewujudkan landskap dan iklim perniagaan yang lebih kondusif untuk rakyat berkecimpung di dalam keusahawanan.

Ia termasuklah menyediakan tempat-tempat berniaga yang lebih menarik dan strategik dan pelan transformasi ke arah menaik taraf tempat-tempat perniagaan bumiputera sama ada di bandar mahu pun di kampung-kampung perlu diwujudkan.

"Ini termasuklah menjadikan gerai-gerai sebagai Pusat Persekitaran Kampung yang berfungsi sebagai *multibusiness centre* menyediakan bukan hanya sekadar meja dan bangku tetapi lebih daripada itu bagi menarik lebih ramai pelanggan serta menepati cita rasa semasa," kata Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat lagi, memang tidak dapat dinafikan kerajaan telah pun membelanjakan prasarana perniagaan, namun pada itu usaha dan inisiatif bagi melestarikan iklim perniagaan yang lebih kompetitif bukanlah sekadar membina saja tetapi lebih daripada itu.

Seperti kata-kata Harold Geneen kata Yang Berhormat, "Dalam dunia perniagaan, semua orang dibayar dalam dua syiling:

wang tunai dan pengalaman, ambil pengalaman terlebih dahulu; wang tunai akan datang kemudian".

Yang Berhormat Ahli MMN itu seterusnya juga menyentuh soal isu banjir kilat yang berlaku di sana sini apabila berlaku hujan lebat.

"Kita mungkin telah belajar dari pengalaman yang sudah-sudah tentang terjadinya keadaan sedemikian dan kadang kala ianya disebabkan oleh longkang tersumbat, rumput panjang dan sebagainya.

"Isu itu bukan isu baharu malahan sudah ada cara untuk mengatasinya.

"Merujuk kepada sesi muzakarah bersama pemimpin-pemimpin akar umbi kawasan zon 1 dan 2 bagi Daerah Tutong, isu yang sama antara isu tertinggi

dibangkitkan oleh penghulu dan ketua-ketua kampung dan ini bererti rakyat sangat terkesan dengan situasi ini dan memerlukan tindakan segera daripada pihak-pihak berkenaan.

"Di dalam projek-projek RKN-12, telah disediakan peruntukan sebanyak BND6,310,441 bagi menangani risiko menghadapi bencana alam, sebanyak BND692,905 ke arah mengukuhkan kelestarian alam sekitar dan sebanyak BND526,080.00 bagi menangani perubahan iklim.

"Skop peruntukan ini sememangnya berkait rapat dengan isu-isu yang kaola nyatakan tadi dan di kesempatan ini koala menyeru kepada pihak-pihak berkenaan agar lebih prihatin dengan permasalahan ini dan tangani secara bijak

"Di dalam projek-projek RKN-12, telah disediakan peruntukan sebanyak BND6,310,441 bagi menangani risiko menghadapi bencana alam, sebanyak BND692,905 ke arah mengukuhkan kelestarian alam sekitar dan sebanyak BND526,080.00 bagi menangani perubahan iklim.

sebagai persiapan *kitani* menjadi sebuah negara maju menjelang 2023.

Yang Berhormat selanjutnya mengharapkan agar projek-projek yang akan dilaksanakan sama ada di bawah RKN-12 juga menyasarkan kepada kemajuan di kawasan luar bandar dan tumpuan kepada penambah baik infrastruktur dan kemudahan asas bagi merealisasikan kemajuan yang seimbang.

Justeru itu, tambah Yang Berhormat, isu penghijrahan warga luar bandar ke bandar dapat diatasi dengan sewajarnya.

"Perkara ini telah kaola timbulkan di sesi permesyuaratan yang lalu dan usaha pihak kerajaan meletakkan zon-zon Skim Rancangan Perumahan di kawasan luar bandar untuk masa akan datang adalah sesuatu yang disambut baik.

"Akhirnya, kaola sangat-sangat mengharapkan kerjasama padu daripada pihak kerajaan agar sentiasa duduk semeja dengan pihak-pihak yang berkepentingan khusus kepimpinan akar umbi bagi membantu ke arah mewujudkan pelan-pelan kemajuan serta mengerakkan semua bentuk kemajuan dan pembangunan yang dihasratkan," ujar Yang Berhormat lagi.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



PASTIKAN SETIAP PERBELANJAAN DIURUS DENGAN BERHEMAH, TELITI



AHLI MMN, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Kepentingan pengawasan perbelanjaan kerajaan, pembangunan sosioekonomi melalui pelaksanaan projek yang berkesan, melalui semua peringkat pegawai setiap kementerian dengan memberikan kualiti perkhidmatan yang tinggi, penuh efisien dan penuh tanggungjawab.

Pengawasan dan pemantauan perbelanjaan kerajaan merupakan tanggungjawab yang amat penting dan ia tidak hanya melibatkan kewangan negara tetapi juga hendaklah berkesan dalam pengurusan.

Oleh itu, adalah penting untuk

Oleh : Srinarawie Bidzah

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad

memastikan bahawa setiap perbelanjaan diurus dengan berhemah, teliti dan rapi serta mematuhi tempoh pelaksanaan yang telah ditetapkan.

Semua harus dipantau dengan bersungguh-sungguh dengan berkesan supaya tidak ada ketirisan dan tidak ada rancangan yang tertangguh menurut masa yang ditetapkan.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin berkata demikian menerusi ucapan penangguhan pada hari terakhir persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN, yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

Menurut Yang Berhormat, adalah penting setiap pegawai memahami bahawa setiap projek yang dilaksanakan oleh kerajaan mempunyai impak langsung terhadap kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat.

Projek-projek ini tambah Yang Berhormat, tidak hanya bertujuan untuk meningkatkan ekonomi negara, tetapi juga memastikan bahawa semua lapisan masyarakat dapat menikmatinya.

"Dalam hubungan ini adalah

penting usaha hendaklah diteruskan dalam meningkatkan aliran Pelaburan Langsung Asing (FDI) dengan tindakan-tindakan yang cepat supaya mereka tidak akan beralih untuk melabur di negara-negara lain.

"Semoga FDI ini akan dapat menambah kemakmuran dan meningkatkan lagi kehidupan rakyat di negara ini dan peluang-peluang pekerjaan akan bertambah dan dalam masa yang sama mengurangkan kadar pengangguran di negara ini.

"Dari segi pendidikan, akan bertambah lagi rakyat yang berpendidikan tinggi dan berkualiti, semua kemudahan di sekolah dan institusi pendidikan tinggi mempunyai kelengkapan yang canggih seperti alat peranti mudah alih dan mudah diakses oleh semua pelajar," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan suasana pengajaran dan pembelajaran lebih kondusif bagi semua warga sekolah dan pendidikan tinggi, tidak kurang penting juga, guru yang boleh membimbing dan membantu pelajar yang berkeperluan khas.

Mengenai Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) tambah Yang Berhormat, ia haruslah dipercepatkan pembinaannya kerana ini adalah langkah penting dalam memperkukuhkan pendidikan, terutamanya dalam bidang pengetahuan berasaskan ilmu Islam, sejajar dengan nilai-nilai kebudayaan dan agama kita.

Sebagai Universiti Islam yang tulen yang bertaraf dan berkualiti tinggi di persada antarabangsa terang Yang Berhormat, pembinaan dan pembangunannya mestilah ikonik yang menjadi bukan sahaja rakyat di Daerah Temburong tetapi semua kita di negeri ini.

"Kaola yakin bahawa dengan membangunkan institusi pendidikan yang berkualiti dan memartabatkan kepentingannya, kita dapat meluaskan lagi ilmu-ilmu Islam, pemahaman, pengamalannya dalam masyarakat kita," kata Yang Berhormat.

Mengenai sektor pelancongan, Yang Berhormat berharap akan lebih ramai lagi pelancong-pelancong dari luar negara terutamanya pelancong *high-end* dengan adanya kemudahan-kemudahan yang sedia ada ditambah baik dan tempat-tempat baharu yang menarik dibina di negara ini dan ini akan juga

membuka ruang pekerjaan bagi anak-anak tempatan dalam sektor ini.

"Di hospital-hospital dan klinik-klinik, kakitangan kesihatan seperti juga ahli-ahli berpakaian uniform dapat dilihat dan diperhatikan bahawa pegawai-pegawai kesihatan seperti jururawat dan doktor-doktor memberikan penjagaan dan rawatan kepada semua peringkat pesakit dari anak-anak damit, wanita, orang-orang tua dengan penuh komitmen dan dedikasi serta penuh tanggungjawab walaupun diketahui bahawa pada masa wabak COVID-19 yang merbahaya dan berisiko tinggi yang boleh memudaratkan mereka, tetapi mereka menghadapi semua cabaran ini dengan terus bekerja dengan bersungguh-sungguh, *beyond the call of duty*.

"Oleh yang demikian, sebagai usaha kesedaran kolektif, sepatutnya mereka ini patut diberikan penghargaan dan pengiktirafan yang tinggi.

"Dalam segala usaha kita membangun dan memajukan negara, marilah kita berdoa semoga semua projek yang diluluskan dalam Belanjawan 2024/2025 akan berjalan dengan baik dan lancar seperti yang diharapkan," ujar Yang Berhormat lagi.

Usaha dalam mempelbagaikan ekonomi negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin menjelaskan mengenai fokus yang dibahaskan, iaitu strategi dan dasar ke arah penjimatan perbelanjaan kerajaan; langkah-langkah dan inisiatif ke arah menaikkan lagi hasil pendapatan fiskal negara; menyampaikan kemaslahatan pengusaha-pengusaha termasuk golongan belia untuk memastikan urusan

urusan untuk mengusahakan perniagaan adalah diterima dalam sama-sama mendukung usaha mempertingkatkan lagi ekonomi negara termasuk memacu perusahaan dan perniagaan, mempelbagaikan ekonomi negara supaya kita tidak bergantung daripada hasil minyak dan gas; dan mengetengahkan isu-isu semasa yang melibatkan perekonomian negara, kemaslahatan rakyat dan golongan belia pemacu kesinambungan agenda negara.

Dari aspek ekonomi kata Yang

Berhormat, apa yang ditekankan dalam perbahasan sepanjang MMN berlangsung ialah gagasan dalam usaha-usaha agenda mempelbagaikan ekonomi terutama dalam subsektor pertanian, pengangkutan dan pelancongan, perikanan dan hiliran minyak dan gas.

Dari aspek jimat belanja dan naikan hasil pendapatan pula tambah Yang Berhormat, persoalan-persoalan dan usulan-usulan mengenai memudah cara dan bekerjasama rapat dengan

sektor swasta adalah penting dan kalau sektor swasta payah atau perlahan usahanya, payah juga kan maju ke hadapan dengan cepat.

"Pengemaskinian dasar dan proses-proses menarik pelabur asing adalah jua satu perkara yang perlu diberikan pendekatan yang lebih efisien.

"Antara projek-projek dan inisiatif yang kaola tekankan ialah seperti bangunan-bangunan kerajaan yang terbiar, pendekatan modal yang kreatif dalam pembangunan perumahan negara dan lain-lain," ujar Yang Berhormat pada ucapan penangguhan pada hari terakhir persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN, yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

Menurut Yang Berhormat lagi, di antara yang tekankan ialah seperti isu sistem pengangkutan bas awam yang masih lagi belum ada perubahan, isu perumahan negara yang masih ramai yang menunggu bertahun-tahun, isu sekuriti makanan (*food security*)



AHLI MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

iaitu padi, daging, ayam dan telur.

"Ini adalah suara rakyat, khusus berkenaan telur ini, kaola sekali lagi tekankan agar apa yang *kitani* eksport ke luar negara dan tinggalkan untuk kegunaan dalam negara seimbang atau setara dari segi kualiti.

"Ini adalah untuk menjaga imej negara dan kesejahteraan rakyat dan jangan yang kita tinggalkan untuk rakyat itu gred yang di bawah, yang masih mahal pula harganya," ujar Yang Berhormat lagi.

DARI aspek jimat belanja dan naikan hasil pendapatan pula tambah Yang Berhormat, persoalan-persoalan dan usulan-usulan mengenai memudah cara dan bekerjasama rapat dengan sektor swasta adalah penting dan kalau sektor swasta payah atau perlahan usahanya, payah juga kan maju ke hadapan dengan cepat. "Pengemaskinian dasar dan proses-proses menarik pelabur asing adalah jua satu perkara yang perlu diberikan pendekatan yang lebih efisien.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



BERI PELUANG GENERASI MUDA DALAM TADBIR URUS, PENGURUSAN



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof menjelaskan adalah mustahak juga diambil perhatian perlu dipertingkatkan, dikembangkan kejelasan dan kejelasan yang ada mempunyai *connectivity* dalam *economic driven activity* tersebut yang berhubung kait keperluan infrastruktur dan utiliti yang mencukupi seperti air, elektrik, tenaga dan prasarana yang juga berperanan dalam mewujudkan industri dan juga menjaga, meningkatkan kesejahteraan awam.

"Kaola berpandangan negara

kita ini pada hakikatnya tidak ketandusan dalam pelbagai bidang kemahiran, *expertise* dan *profession* diiktiraf di persada dunia ditambah lagi dengan pengalaman yang meluas, ada di sektor kerajaan, sektor swasta dan dalam kalangan masyarakat awam.

"Ada dalam kalangan mereka ini berkelulusan daripada universiti-universiti yang tersohor dan terkemuka di dunia, misalnya dari University Oxford, Cambridge, London School of Economics, Imperial College, Kings College, National University of Singapore dan lain-lain.

"Persoalannya, adakah kita sudah mengoptimalkan dan menggunakan sepenuhnya *talented pool* apa juga kepakaran atau *profession* dari kalangan

Oleh : Srinarawie Bidzah
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad

mereka yang berkaliber, berfikir dinamik dan jauh berpandangan dalam jurusan yang relevan untuk bersama-sama mengongsikan peranan, idea yang bernas dan pengetahuan dalam usaha mempercepatkan dan meningkatkan lagi keberkesanan dan mengambil langkah-langkah efektif ke arah lebih maju ke hadapan sehinggalah kita berjaya mencapai Wawasan Brunei 2035," jelas Yang Berhormat Pehin dalam ucapan penangguhan pada hari terakhir persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN, yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

Menurut Yang Berhormat

Pehin, mereka yang *talented* dimaksudkan khususnya dalam kalangan generasi muda perlu dikenal pasti dan diberikan peluang untuk diasuh, dicungkil dan digilap supaya mempunyai *sense of belonging* sehingga mencapai kecemerlangan jika dilibatkan dalam tadbir urus dan pengurusan yang bersesuaian, bukan hanya diketepikan kerana mereka berpeluang dan berpotensi untuk menjadi penerus kepimpinan akan datang.

"Kaedah dan tatacara memilih dan menggunakan mereka yang berkemahiran dan berkepakaran mengikut jurusan pekerjaan atau *profession* masing-masing," ujar Yang Berhormat Pehin lagi.

Bimbingan berterusan wujudkan belia bertanggungjawab, komited majukan negara

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan dalam ucapan penangguhannya hari ini menyatakan mengenai peranan belia di dalam pembangunan negara.

Direction serta bimbingan secara berterusan adalah penting bagi mewujudkan belia-belia yang lebih bertanggungjawab dan komited menjayakan semua bentuk kemajuan dan pembangunan negara.

Menurut Yang Berhormat Awang Abdul Aziz, memahami kehendak belia serta kemampuan mereka mampu mencipta pelbagai kejayaan di dalam melaksanakan program-program belia yang menjurus kepada teknologi, sosial

dan kemasyarakatan.

Justeru itu Yang Berhormat sangat berharap agar semua bentuk program dan projek yang akan dan sedang dilaksanakan sewajarnya perlu melihat kepada nadi dan kehendak belia.

"Segala cadangan dan saranan yang melibatkan pembangunan belia pada musim permesyuaratan di dewan yang mulia ini hendaklah diberi perhatian dan dijadikan inti pati bagi mengemukakan program-program yang lebih baik," kata Yang Berhormat pada hari terakhir Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Program-program integrasi

belia bersama Majlis-majlis Perundingan Kampung tegas Yang Berhormat, hendaklah diungkapkan ke arah memantapkan kegiatan belia agar lebih berkesan dan efektif melalui kepimpinan akar umbi yang banyak menyumbang kepada kesejahteraan dan sosioekonomi masyarakat mukim dan kampung ke arah mewujudkan kemajuan yang seimbang.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan pelbagai kenangan dan pengalaman telah diperoleh di sepanjang mengikuti musim permesyuaratan di dewan yang mulia ini, pelbagai isu dan permasalahan rakyat sering disuarakan, namun niat dan hasrat ke arah penyelesaian dan pertimbangan amatlah tinggi kerana akhirnya sebarang kejayaan di dalam melaksanakan kepentingan rakyat dan negara itulah yang akan menjadi kayu pengukur kepada kejayaan kita melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

"Kaola juga ingin menyentuh berkenaan dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di dalam mempelbagaikan sumber ekonomi negara.

"Kaola mengharapkan semua usaha-usaha ke arah ini hendaklah dilaksanakan dengan lebih teratur dan sabar dan setiap perlaksanaan perlu melihat kepada kapasiti dan kemampuan kita.

"Setiap pelaksanaan hendaklah

bermula dari akar sehingga ia tumbuh menghasilkan buah iaitu kejayaan yang diharapkan dan tidak ada jalan mudah atau jalan pintas, kita harus menerima hakikat ini.

"Kalau kita melihat kepada sejarah kejayaan ahli perniagaan Jack Ma Pengasas Alibaba, yang telah menerima kegagalan mampu bangkit sehingga mewujudkan sebuah empayar perniagaan e-Dagang yang terkemuka dunia.

"Inilah yang menjadi harapan kita bagi melahirkan ahli-ahli perniagaan yang berjiwa besar bagi mencipta sumber ekonomi baharu yang berdaya maju," ujar Yang Berhormat.

Namun pada itu, Yang Berhormat menekankan kejayaan ini tergantung kepada komitmen kita untuk berubah, bersikap lebih terbuka untuk membuat perubahan dan transformasi tanpa mengetepikan nilai-nilai kebruneian berlandaskan Melayu Islam Beraja dan perubahan dasar dan peraturan yang sedia ada perlu diteliti dan dilaksanakan sejajar dengan kehendak masa yang terlalu cepat berubah.

Dari sudut pembangunan negara, Yang Berhormat menyambut baik atas perancangan strategik pihak kerajaan melalui Kementerian-kementerian berkenaan di dalam kemajuan daerah-daerah dengan melaksanakan beberapa projek di bawah RKN-12.

Justeru itu, Yang Berhormat sangat mengharapkan agar Daerah Tutong tidak terkecuali mendapat manfaat yang sama



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

dan ini termasuklah bagi membangunkan Pekan Tutong sebagai sebuah pembandaran yang strategik di dalam sektor perekonomian, pelancongan dan sosial kemasyarakatan.

Selain daripada itu tambah Yang Berhormat, perancangan ke arah menaik taraf infrastruktur seperti Jalan Enche Awang dan kawasan Jeti Pekan Tutong kepada mesra pengguna dan alam sekitar memerlukan perhatian yang sewajarnya.

"Isu-isu kesesakan lalu lintas di lampu isyarat Lebuhraya Telisai - Tutong pertemuan di antara Enche Awang dan Jalan Kuala Tutong hendaklah ditangani secara serius dengan mengambil kira kepentingan serta keperluannya kepada pengguna-pengguna jalan raya," ujar Yang Berhormat.

"KALAU kita melihat kepada sejarah kejayaan ahli perniagaan Jack Ma Pengasas Alibaba, yang telah menerima kegagalan mampu bangkit sehingga mewujudkan sebuah empayar perniagaan e-Dagang yang terkemuka dunia.

"Inilah yang menjadi harapan kita bagi melahirkan ahli-ahli perniagaan yang berjiwa besar bagi mencipta sumber ekonomi baharu yang berdaya maju,"

ujar Yang Berhormat.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



Memastikan kesejahteraan, keamanan, kemakmuran negara terus terjamin

Oleh : Srinarawie Bidzah

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Dalam pembentangan cadangan belanjawan tahun kewangan yang membawa tema 'Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur' membawa banyak makna dan memberikan harapan yang cukup besar bagi setiap lapisan masyarakat baik di sektor kerajaan, swasta dan rakyat serta penduduk negara ini.

"Kaola sambut baik peruntukan dan telah menyokong untuk diluluskan.

"Bersyukur kita kerana menjadi rakyat yang mendapat dan menikmati rahmat bernaung dalam Negara Brunei Darussalam yang mempunyai raja dan kepala negara *wali amri* yang prihatin akan kesejahteraan rakyat, kemakmuran dan keamanan negara.

"Masing-masing *kitani* mengambil peranan dan tanggungjawab dengan penuh komitmen dan bersungguh-sungguh dalam sama-sama memastikan kesejahteraan, keamanan dan kemakmuran negara akan terus terjamin," jelas Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin

Haji Zainal Abidin dalam ucapan penangguhan pada hari terakhir persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN, yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

"Rakyat berharap penuh bahawa belanjawan tahun ini dengan inisiatif-inisiatif dan pelan-pelan tindakan dan dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 yang akan dilaksanakan oleh Kementerian akan boleh meringankan sedikit beban ekonomi yang ditanggung oleh sebahagian besar rakyat yang bergantung kepada belanjawan dan projek-projek kerajaan dan juga mana-mana aktiviti yang menaiktarafkan kehidupan rakyat masa ini dan untuk anak-anak mereka di masa hadapan.

"Kaola juga beruntung dan berterima kasih diberi peluang oleh Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat yang telah membawa kaola dan teman-teman menghadiri sesi perundingan di peringkat antarabangsa seperti menghadiri Mesyuarat ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) untuk pendedahan pada isu-isu serantau dan global dan

secara tidak langsung menimba pengalaman bagaimana *legislative* di luar negara membuat penampilan," kata Yang Berhormat.

Sementara itu kata Yang Berhormat lagi, untuk membantu mengukuhkan isu-isu dan keluhan rakyat untuk dibincangkan di dalam dewan dengan fakta-fakta agar strategik, Yang Berhormat telah mengambil beberapa anak-anak *kitani*, iaitu graduan lepasan universiti tempatan dan luar negara yang masih menunggu rezeki pekerjaan tetap serta membantu membuat *research* secara *part time* dan seperti kelainan yang tahun lepas, *research assistants* telah membuat penilaian awal mengenai keberkesanan isu-isu yang telah ditimbulkan di dalam dewan ini.

"Kaola tidak akan berhajat untuk mengulang lagi isu-isu yang telah dibangkitkan di dalam dewan hanya setakat mengingatkan *headline* berikut, iaitu mengenai ekonomi, mohon kaji selidik semula bagaimana bisnes-bisnes yang meraih untung besar di dalam negara sama ada *business* persendirian, orang luar yang datang *overnight flyer* diteliti untuk menyumbang ke khazanah negara.

"Pendidikan, kalau kejayaan PISA dan 'O' Level adalah sebagai

sukat-sukat petanda kejayaan negara ke arah Wawasan Brunei 2035, matlamat nombor satu dan masih banyak peningkatan pendidikan *kitani* belum dikatakan berjaya dan berkesan.

"Pengangguran, menyediakan 12 ribu pekerjaan setahun tidak cukup untuk mengurangkan pengangguran dalam kalangan anak-anak muda *kitani* walhal *kitani* ada banyak warga masih meraih rezeki mereka di sini dan kaedah perlu menjadikan anak tempatan lebih cepat mengisikan kerja yang sedia ada dalam negeri seperti mencari industri baharu untuk menjana pekerjaan baharu;

"Perumahan, apa perlu *kitani* perlukan untuk mengurangkan *waiting list* rakyat yang ingin mempunyai rumah yang selesa? dan Rancangan Kemajuan Negara Ke-12, pengajaran dari RKN-11 perlu diambil kira agar RKN-12 akan disiapkan seperti dikehendaki; dan perhubungan, rezeki tidak datang bergolek, mesti juga dicari, apabila yang datang kecil tapak tangan, nyiru perlu ditadahkan," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga turut teruja dan mengambil baik jaminan Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang pihak kementerian-kementerian akan meneliti cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam dewan ini untuk melihat kesesuaiannya dan teruskan dengan Sesi Muzakarah di luar Dewan, insyaaAllah akan diusahakan.

"Kaola dengan Ahli-ahli Yang Berhormat berharap penuh sekurang-kurangnya ada sesi *mid-term review* bersama pihak kementerian untuk mendapat pendekatan status pencapaian jika pada waktu yang sama memberi peluang pada pihak kementerian memberi pendekatan awal tentang peruntukan-peruntukan dan bajet-bajet yang bakal dipohonkan untuk tahun hadapan," ujar Yang Berhormat lagi.

MANFAATKAN POTENSI GENERASI MUDA SEBAGAI AGEN PERUBAHAN PROAKTIF

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin menerangkan, terdapat pelbagai sektor utama yang sudah kita mengenal pasti dengan memberi fokus utama bagi mengekalkan kemakmuran negara kita seperti keterjaminan air dan tenaga, termasuklah minyak dan gas hulu dan hiliran, peningkatan sara diri dalam bekalan makanan dan juga pertumbuhan Sektor Pelancongan untuk pertumbuhan negara.

Namun, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty berpendapat ini adalah masa bagi kita membuat transformasi yang besar kerana langkah-langkah kecil yang ada belum lagi memberi impak yang efektif seperti yang dihasratkan.

Pada hari terakhir Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang bersidang hari ini, Yang Berhormat dalam ucapan penangguhan menyatakan, salah satu aspek penting dalam transformasi ini adalah memanfaatkan potensi generasi muda sebagai agen

perubahan yang proaktif.

"Ini juga selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan baginda Ke-77 di mana baginda menyatakan Negara Brunei Darussalam (NBD) perlu bergerak lebih cepat, dengan menggalakkan lebih banyak Foreign Direct Investment yang berkualiti untuk membantu mempelbagaikan ekonomi, dan dalam masa yang sama, menyediakan peluang pekerjaan dan *spin off* untuk Perniagaan Kecil dan Sederhana tempatan," kata Yang Berhormat.

Dari segi pendidikan, Yang Berhormat Ahli MMN itu berpendapat bahawa kementerian perlu memberikan perhatian serius terutama bagi transformasi pendidikan teras, untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan 'O' Level yang kekal pada kadar yang rendah untuk 10 tahun kebelakangan.

Hal itu kata Yang Berhormat,

membimbangkan kerana ia berkaitan rapat dengan matlamat pertama Wawasan Brunei 2035 iaitu rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Dari segi pelancongan tambah Yang Berhormat, juga menggalakkan usaha untuk menarik lebih banyak pelancong ke Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui pelbagai acara antarabangsa seperti mengadakan Maraton di Jabatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin dan strategi pemasaran yang lebih cekap bukan sahaja untuk menarik minat pelancong tetapi memastikan rakyat kita berbelanja di negara *kitani*.

Yang Berhormat teruja dengan Tourism Industry Roadmap yang dijanjikan dan berharap ia akan dilaksanakan segera bagi mempercepatkan pertumbuhan Sektor Pelancongan kita, insyaaAllah.

Dalam konteks kesihatan jelas Yang Berhormat, penting bagi kita untuk mengakui perlunya mengurangkan stigma sosial terhadap individu yang mempunyai masalah kesihatan mental dan sejalan dengan perkembangan dunia digital yang semakin pesat, keprihatinan yang berterusan terhadap perlindungan

golongan *vulnerable* seperti wanita dan kanak-kanak perlu diberikan keutamaan.

Selain itu jelas Yang Berhormat, kemakmuran ekonomi kita juga bergantung kepada faktor-faktor seperti kadar penurunan jenayah, kemiskinan, dan pengangguran.

Kadar-kadar ini tekan Yang Berhormat, seharusnya dijadikan sebagai indikator bagi kemajuan negara kita dan semakin tinggi kadar peningkatan, seharusnya kita harus bertungkus lumus untuk memperkasa ekonomi kita, mempertingkatkan lagi ekonomi dengan memajukan sektor-sektor seperti pertanian, pelancongan, pengukuhan industri tenaga dan sebagainya.

"Pemeriksaan peniaga-peniaga tempatan harus diteruskan, terutama sekali di tapak-tapak perniagaan kerajaan dan bumiputera.

"Elemen *rent seeking* atau konsep Ali Baba di dalam ekonomi kita haruslah dikawal dan digubal satu rang undang-undang untuk menangani isu ini bagi membendung usaha meraih keuntungan *atas angin*.

"Dari segi peluang pelaburan yang baharu, ianya harus diambil dengan cepat, dan kaola mencadangkan satu pasukan khas perlu ditubuhkan untuk



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin.

memastikan peluang ini dapat direalisasikan dengan berkesan, terutama dengan fokus pada sektor-sektor yang memberikan impak besar terhadap pertumbuhan ekonomi negara.

"Di samping itu, kita perlu turut serta dalam arena global untuk mempromosikan negara kita, khususnya dalam isu perubahan iklim melalui Pusat Perubahan Iklim ASEAN (ASEAN Centre for Climate Change - ACCC) yang telah dinanti-nantikan.

Mesyyuarat Pertama dari Musim Permesyyuaratan Ke-20 Majlis Mesyyuarat Negara



>> Muka 12

“Di sini juga kaola berharap, NBD akan terus lebih aktif memainkan peranannya di arena diplomasi dengan rakan serantau bagi mempercepatkan lagi usaha-usaha yang dapat membantu menaikkan imej negara terutama dalam ACCC ini,” kata Yang Berhormat.

Dalam era ekonomi hijau, Yang Berhormat menyarankan perlunya BNCCP ini untuk disemak semula dengan menetapkan Indikator Prestasi Kunci (KPIs) yang selaras dengan pelan pertumbuhan ekonomi negara seperti penjaan pekerjaan hijau dan pertumbuhan KDNK di industri hijau.

Jelas Yang Berhormat, ini akan dapat membentuk strategi

pertumbuhan ekonomi baharu yang lebih mampan dan dalam masa yang sama menjadi salah satu negara peneraju utama dalam kemajuan aktiviti menangani perubahan iklim dengan dan visi yang jelas untuk memanfaatkan keberadaan ACCC di negara ini.

Tambah Yang Berhormat, bersama-sama dengan pembangunan ekonomi, tidak lupa juga *cultural transformation* dalam kerajaan dan ini adalah penting kerana sebagai jentera negara, kita harus merangkul budaya yang menghargai dialog terbuka, ketelusan, dan akauntabiliti, memastikan bahawa suara rakyat kita didengar dan kebimbangan mereka ditangani tanpa rasa bimbang.

Terdahulu, Yang Berhormat

Dayang Hajah Rosmawatty memanjatkan rasa syukur kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam masih mampu membiayai belanjawan yang besar untuk pembangunan NBD.

“Kaola yakin bahawa kementerian-kementerian, Government Linked Companies dan pihak-pihak terlibat lainnya, bekerja keras untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang berdaya tahan dalam mencapai Wawasan Brunei 2035 dan kita perlu mengejar pertumbuhan Brunei tanpa henti,” tegas Yang Berhormat.

Dalam ucapan penangguhannya juga menekankan, pemimpin

dalam sesebuah organisasi juga adalah penting dalam menggerakkan kemajuan dan kita harus mengambil pendekatan berorientasikan hasil dan membina kumpulan pemimpin yang komited kepada inovasi dan keunggulan, dari peringkat tertinggi kerajaan hingga peringkat akar umbi.

Rakyat kita yang berpendidikan tinggi kata Yang Berhormat, yang berkhidmat di dalam sektor kerajaan, dengan kekayaan pengetahuan dan kepakaran yang dimiliki, haruslah dimanfaatkan sebaiknya pandangan mereka untuk memaklumkan pembuatan dasar kita.

“Kaola percaya mereka juga mempunyai pelbagai cita-cita dan aspirasi untuk meneraju pembangunan negara bersama.

“Akhirnya, mari kita singkirkan sebarang kekangan dan merangkul semangat, cita-cita dan keazaman yang tinggi dalam mengejar aspirasi negara kita.

“Idea negara kita yang sangat kecil dari pelbagai aspek, pada kaola perlu dikembangkan. bak kata pepatah, ‘Kecil-kecil Cili Padi’, NBD meskipun kecil haruslah berani mengharungi cabaran yang sangat kompleks ini.

“*Lead by example*, insyaaAllah, rakyat akan mengikut juga dan dengan mencabar diri untuk melampaui batasan yang dilihat, kita dapat menggenggam penuh potensi negara dan mencapai kemajuan seiring dengan impian kita,” ujar Yang Berhormat lagi.

UBAH MINDA, SIKAP PENDEKATAN, BUDAYA KERJA SEDIA ADA

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Ahli Majlis Mesyyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abdul Salam dalam ucapan penangguhannya hari ini menekankan, sudah sampai masanya untuk pihak-pihak yang berkepentingan membuat perubahan minda dan sikap terhadap pendekatan dan budaya kerja yang sedia ada.

“Menilai semula langkah, inisiatif dan strategi yang kurang efektif dan masih mendatangkan hasil

yang tidak mencapai sasaran yang dihasratkan untuk tempoh bertahun-tahun lamanya.

“Kenal pasti punca kelemahan serta siap siaga ke arah budaya kerja yang lebih efektif dan efisien bagi mendapatkan hasil berbeza dan lebih baik semata-mata untuk kebajikan rakyat dan negara,” tegas Yang Berhormat pada hari terakhir Mesyyuarat Pertama dari Musim Permesyyuaratan Ke-20 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut yang Berhormat, semua pihak dalam Perkhidmatan Awam harus bergerak aktif agar lebih produktif dan bersifat terbuka mengakui kelemahan dan kelambatan yang ada dalam

sebahagian perkhidmatan kerajaan contohnya dalam pemrosesan permohonan bantuan-bantuan kebajikan dan penyelesaian tuntutan-tuntutan kewangan rakyat.

“Proses-proses yang ada perlu

diperbaiki untuk perkhidmatan yang lebih cekap dan cepat.

“Adalah juga perlu untuk mendengar dan memanfaatkan pemikiran-pemikiran baharu melalui perbincangan dan sesi dialog bersama golongan-

golongan yang berpendidikan dan berkemahiran, seperti para belia, graduan dan pegawai-pegawai dalam kerajaan yang berpotensi tinggi tanpa mengira pangkat dan kedudukan mereka,” ujar yang Berhormat.

“KENAL pasti punca kelemahan serta siap siaga ke arah budaya kerja yang lebih efektif dan efisien bagi mendapatkan hasil berbeza dan lebih baik semata-mata untuk kebajikan rakyat dan negara,” tegas Yang Berhormat pada hari terakhir Mesyyuarat Pertama dari Musim Permesyyuaratan Ke-20 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Teliti, nilai pengurangan kos ibadah haji



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abdul Salam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Ucapan penangguhan Ahli Majlis Mesyyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abdul Salam masih menaruh harapan tinggi berkaitan kos menunaikan ibadah haji di negara ini,

“Kaola berpendapat masih ada ruang dan peluang untuk pengurangan kos berkenaan dengan perbincangan-perbincangan bersama pihak-pihak yang berkepentingan untuk meneliti dan menilai aspek-aspek yang di bawah kawalan kerajaan dan membuat penyalarsan harga yang lebih berpatutan bagi membantu rakyat Brunei kurang berkemampuan untuk menunaikan

ibadah haji bagi kali pertama,” kata Yang Berhormat.

Mesyyuarat Pertama dari Musim Permesyyuaratan Ke-20 MMN yang berlangsung di hari ke-18 hari ini, Yang Berhormat juga bersyukur bahawa di sektor pelancongan, kita mempunyai banyak bangunan ikonik dan tempat tarikan pelancong untuk dipromosikan; dari alam semula jadi yang hijau, kepada yang berunsurkan keislaman ataupun berbentuk pengembaraan dan kesukanan.

“Strategi dan promosi perlu dilipatgandakan dengan lebih aktif dengan perancangan-perancangan strategik untuk menarik masuk lebih banyak pelancong ke negara ini,” jelas Yang Berhormat. pada persidangan yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN,

Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat juga mencadangkan kementerian berkenaan merancang Tahun Melawat Brunei untuk jangka masa dua tahun ke hadapan dengan tema khusus yang menarik dan mula bergerak membuat persiapan-persiapan yang perlu.

“Ini bukan sahaja akan menarik minat pelancong dari luar negeri tetapi lebih penting untuk memastikan rakyat Brunei melancong dan berbelanja di negara sendiri.

“Ini akan menggalakkan pertumbuhan ekonomi pelancongan kita dan membukakan lebih banyak peluang pekerjaan untuk anak-anak tempatan,” ujar Yang Berhormat.

Selain itu, Yang Berhormat juga menyentuh mengenai

perlindungan bagi golongan wanita dan kanak-kanak merupakan satu kewajipan khususnya dalam konteks dunia teknologi masa kini dan dasar-dasar serta akta-akta yang melindungi hak kedua-dua golongan ini perlu diperkukuh dan segera dikuatkuasakan.

“Reka bentuk bangunan yang mempromosikan inklusiviti bagi semua anggota masyarakat juga

perlu difikirkan untuk mewujudkan persekitaran kondusif bagi golongan orang kurang upaya (OKU) dan warga emas lebih berdikari dalam komuniti meskipun memiliki kelainan fizikal dan keupayaan.

“Stigma masyarakat terhadap pesakit kesihatan mental juga perlu dihapuskan,” ujar Yang Berhormat lagi.

“KAOLA berpendapat masih ada ruang dan peluang untuk pengurangan kos berkenaan dengan perbincangan-perbincangan bersama pihak-pihak yang berkepentingan untuk meneliti dan menilai aspek-aspek yang di bawah kawalan kerajaan dan membuat penyalarsan harga yang lebih berpatutan bagi membantu rakyat Brunei kurang berkemampuan untuk menunaikan ibadah haji bagi kali pertama,” kata Yang Berhormat.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



UTAMAKAN HAK PERNIAGAAN WARGA TEMPATAN

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, menyediakan kemudahan dan Sabtu, 23 Mac. - Peranan kemahiran yang bersesuaian pengusaha-pengusaha warga serta mewujudkan persekitaran tempatan dalam pertumbuhan yang membantu perkembangan ekonomi tidak dapat dinafikan mereka ke tahap yang dan hendaklah disokong lebih baik lagi secara padu oleh pihak kerajaan berterusan. dan pihak-pihak yang Ahli Majlis Mesyuarat Negara berkepentingan dengan (MMN), Yang Berhormat Dayang

Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abdul Salam menekankan demikian dalam ucapan penangguhnya pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat menegaskan, peniaga-peniaga Ali Baba tidak

seharusnya mendapat tempat di negara ini, tindakan yang lebih tegas perlu diambil untuk memberikan hak perniagaan berkenaan kepada warga tempatan.

Tambah Yang Berhormat, para pemimpin hendaklah bersikap lebih telus membarigakan apa jua dasar dan inisiatif yang dirancang; mengongsikan isu dan cabaran yang dihadapi oleh negara; serta bersifat lebih terbuka memeduli, mendengar dan memberikan respons terhadap pandangan dan keluhan rakyat, meskipun hanya diluahkan di media-media sosial.

Sifat pemedulian itu jelas Yang Berhormat, akan membuatkan rakyat merasa didengar dan dihargai oleh pihak berwajib dan insyaaAllah dengan kefahaman yang mendalam, rakyat akan memberikan kepercayaan mereka dan lebih mudah untuk mereka menyokong dan menerima sebarang perubahan dengan hati yang terbuka dan bersedia untuk maju ke arah kehidupan yang lebih cemerlang.

Dalam hal ini, Yang Berhormat menyambut baik dan akan terus memberikan sokongan padu terhadap strategi dan inisiatif kolaborasi antara sektor-sektor kerajaan, swasta dan NGO serta semua golongan masyarakat umum di luar sana yang diusahakan secara bersepadu untuk satu tujuan dan matlamat, iaitu mencapai kebajikan rakyat dan kestabilan sosioekonomi negara semata-mata.

“Berkat perpaduan semua rakyat, petunjuk Allah Subhanahu



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abdul Salam.

Wata’ala serta dengan bertawakal kepada-Nya, insyaaAllah kita mampu merealisasikan hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar Negara Brunei Darussalam ini menjadi Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur, negara yang baik aman makmur, yang mendapatkan keredaan Allah Subhanahu Wata’ala yang Maha Pengampun.

“Mariah kita mencontohi kepimpinan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai amalan dalam urus tadbir kerajaan di Negara Brunei Darussalam dengan bersandarkan empat sifat Baginda yang masyhur, iaitu: Siddiq (Jujur), Amanah (Dipercayai), Tabligh (Menyampaikan) dan Fatanah (Bijaksana),” tambah Yang Berhormat lagi.

DALAM hal ini, Yang Berhormat menyambut baik dan akan terus memberikan sokongan padu terhadap strategi dan inisiatif kolaborasi antara sektor-sektor kerajaan, swasta dan NGO serta semua golongan masyarakat umum di luar sana yang diusahakan secara bersepadu untuk satu tujuan dan matlamat, iaitu mencapai kebajikan rakyat dan kestabilan sosioekonomi negara semata-mata.

“Berkat perpaduan semua rakyat, petunjuk Allah Subhanahu Wata’ala serta dengan bertawakal kepada-Nya, insyaaAllah kita mampu merealisasikan hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar Negara Brunei Darussalam ini menjadi Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur, negara yang baik aman makmur, yang mendapatkan keredaan Allah Subhanahu Wata’ala yang Maha Pengampun.

Kerjasama sepadu perlu untuk tangani isu semasa

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Lamat semasa menyampaikan Sabtu, 23 Mac. - Ahli Majlis ucapan penangguhnya Mesyuarat Negara (MMN), Yang pada Mesyuarat Pertama dari Berhormat Awang Lawi bin Haji Musim Permesyuaratan Ke-20

MMN, di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis merakamkan tahniah dan penghargaan yang setinggi-tingginya atas kebijaksanaan dan kepimpinan Yang Berhormat

Yang Di-Pertua sepanjang permesyuaratan di dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Awang Lawi seterusnya berkata, pendekatan Whole of Nation dan Whole of Government Approach amat penting bagi menangani isu-isu yang memerlukan koordinasi dan melibatkan kerjasama yang rapat antara satu kementerian dan yang lain.

Yang Berhormat selaku pemimpin akar umbi juga turut mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri atas kepimpinan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat.

Dalam Negeri atas usaha-usaha mengadakan pendekatan dan permuzakarahannya bersama kementerian yang berkepentingan untuk menyelesaikan masalah di peringkat daerah dan negara.

YANG Berhormat Awang Lawi seterusnya berkata, pendekatan Whole of Nation dan Whole of Government Approach amat penting bagi menangani isu-isu yang memerlukan koordinasi dan melibatkan kerjasama yang rapat antara satu kementerian dan yang lain.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



Teruskan usaha meningkatkan penghasilan produk tempatan

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Dalam persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Ke-20, berbagai isu pandangan dan permasalahan yang dihadapi oleh orang ramai telah pun disampaikan dan telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri-menteri dengan baik dan jelas.

Ini bukanlah setakat di sini sahaja bahkan akan diteruskan

YANG Berhormat melahirkan harapan agar semua perbincangan seperti ini dapat diteliti secara mendalam dan untuk diambil tindakan sewajarnya.

Mengenai usaha meningkatkan penghasilan produk-produk tempatan yang sedia ada di negara ini, Yang Berhormat selaku pemimpin akar umbi menyeru bagi mereka yang terlibat supaya akan dapat meningkatkan lagi hasil-hasil tersebut.

dari masa ke masa melalui permuzakarah dan perjumpaan bersama pihak-pihak yang berkenaan.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong semasa menyampaikan ucapan penangguhannya pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN, yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, pagi tadi.

Yang Berhormat melahirkan harapan agar semua perbincangan seperti ini dapat diteliti secara mendalam dan untuk diambil tindakan sewajarnya. Mengenai usaha meningkatkan penghasilan produk-produk tempatan yang sedia ada di negara ini, Yang Berhormat selaku pemimpin akar umbi menyeru bagi mereka yang terlibat supaya akan dapat meningkatkan lagi hasil-hasil tersebut.

Ini ujar Yang Berhormat,

AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong.

termasuklah meningkatkan sokongan kepada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dalam usaha mengembangkan 1 Kampung 1 Produk secara berterusan dan mengharapkan penglibatan para belia sebagai sukarelawan dalam program MPK ini.

Yang Berhormat dalam pada itu, turut merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana sekali lagi dapat memimpin dan memandu Persidangan MMN di dewan mulia ini dengan penuh kebijaksanaan dan dapat menjadikan berjalan dengan lancar dalam suasana yang penuh muhibah. Inilah cara *kitani* calak orang Brunei berpandukan konsep Melayu Islam Beraja.



Yang Berhormat juga merakamkan ucapan penghargaan yang tidak terhingga atas agensi-agensi kerajaan yang telah memberikan respons bagi menyokong dan membantu pembangunan dan sosioekonomi negara dari semua aspek untuk memastikan kesejahteraan rakyat di negara ini.

INDUSTRI PERTANIAN BERPOTENSI KEMBANGKAN EKONOMI NEGARA

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Sektor Pertanian sering dilihat sebagai satu aktiviti ekonomi yang boleh membawa banyak impak positif kepada negara. Sektor ini mampu menjana pendapatan yang besar kepada negara dan petani.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman menyatakan perkara itu semasa menyampaikan ucapan penangguhan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN, di Dewan Persidangan MMN,

Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat seterusnya menambah bahawa hasil pertanian yang dituai oleh petani kecil boleh menjadi penyumbang rezeki. Bagi tanaman komersial pula, negara dapat menambahkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) melalui pengeksporan tanaman, secara tidak langsung pengaliran wang dari luar negara dapat ditambah dan memanfaatkan ekonomi negara.

Pendapatan yang stabil dari bidang pertanian ujar Yang Berhormat, akan membantu negara menghadapi masalah

kemelesetan ekonomi. Selain itu, perkembangan pesat dalam Sektor Pertanian mampu menyediakan peluang pekerjaan yang cukup besar kepada rakyat di Negara Brunei Darussalam.

"Sejak zaman dahulu lagi pertanian merupakan pekerjaan warisan yang menjana ekonomi negara. Pekerjaan dalam Sektor Pertanian bukan sahaja bekerja di ladang malahan meliputi pemprosesan dan pemasaran. Justeru itu, pihak kerajaan melalui agensi-agensi berkenaan perlu melihat kepentingan ini dengan memberikan bimbingan berterusan

AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman.

terutama sekali di dalam memberi pendedahan kepada teknologi terkini kepada petani dan peladang bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran hasil yang lebih baik," ujar Yang Berhormat.

Selain daripada itu, penguatkuasaan harga barang bersubsidi seperti baja hendaklah sentiasa dipantau agar para peladang dan petani tidak dibebankan dengan kenaikan harga yang melampau. Pemberian bantuan dan insentif daripada pihak kerajaan juga tambahnya, dilihat penting ke arah menggalakkan para usahawan baru berkecimpung di dalam Sektor Pertanian.

"Semua pihak hendaklah melihat kepentingan Sektor Pertanian dan sektor hijau ini sebagai berpotensi untuk dimajukan, kita harus bersama-sama bak kata pepatah 'bagai aur dengan tebing' supaya sektor ini mendapat perhatian dan pengiktirafan yang sewajarnya. Kerajaan sudah membuka jalan seluas-luasnya tentang kepentingan industri ini dan terus berusaha untuk menarik lebih ramai rakyat Negara Brunei Darussalam khususnya generasi muda turut menceburinya," jelas



Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat juga menambah, jika kita majukan pertanian, negara akan terus bertambah maju sekali gus mampu memantapkan ekonomi negara di dalam Sektor Bukan Minyak dan Gas.

Dalam RKN-12 kerajaan memperuntukkan sebanyak BND43,670,939 bagi mengukuhkan sekuriti makanan, dalam perkara ini Yang Berhormat mengharapkan agar kajian-kajian diteruskan bagi menghasilkan benih-benih padi yang lebih baik dan mampu menghasilkan kapasiti beras tempatan yang konsisten.

Pembukaan tempat-tempat strategik dan penggunaan teknologi penanaman padi yang terkini terang Yang Berhormat, membolehkan negara mencapai tahap sekuriti makanan yang dihasratkan.

"SEJAK zaman dahulu lagi pertanian merupakan pekerjaan warisan yang menjana ekonomi negara. Pekerjaan dalam Sektor Pertanian bukan sahaja bekerja di ladang malahan meliputi pemprosesan dan pemasaran. Justeru itu, pihak kerajaan melalui agensi-agensi berkenaan perlu melihat kepentingan ini dengan memberikan bimbingan berterusan terutama sekali di dalam memberi pendedahan kepada teknologi terkini kepada petani dan peladang bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran hasil yang lebih baik," ujar Yang Berhormat.

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



ISU BERBANGKIT PERLU TINDAKAN SEWAJARNYA

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Di dalam era digitalisasi yang serba mencabar ini kita hendaklah sentiasa mencari jalan ke arah meningkatkan keupayaan diri khususnya mempelbagaikan kaedah perkhidmatan agar lonjakan arus perubahan dapat diperkenalkan di dalam pentadbiran kerajaan terutama sekali di dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai.

Ini termasuk memansuhkan penggunaan kertas dan beralih ke sistem dalam talian sepenuhnya untuk sebarang

proses permohonan. Langkah ini sejajar dengan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada orang ramai.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir menyatakan perkara demikian semasa memberikan ucapan penangguhannya pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN, di Dewan Persidangan MMN,

Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, transformasi ini penting dilaksanakan kerana ketika ini masih saja ada proses permohonan untuk memperbaharui pasport dikehendaki setiap pemohon untuk mengemukakan salinan Kad Pintar dan pasport yang lama. Kaedah ini sepatutnya tidak lagi dipraktikkan memandangkan kerajaan telah pun mempunyai sistem pengenalan data pemohon yang komprehensif.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat menyeru agar usaha-usaha ke arah menambahkan proses permohonan di jabatan kerajaan dapat dilaksanakan dengan lebih efisien agar tidak lagi membebaskan orang ramai.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman juga menyambut baik dengan usaha kerajaan melalui projek-projek di bawah RKN-12 yang menyenaraikan pelaksanaan ke arah mengukuhkan infrastruktur ICT dengan penyediaan akses infrastruktur yang serba lengkap.

Negara Brunei Darussalam katanya, bukan sahaja akan memupuk pertumbuhan ekonomi digital tetapi juga memacu pemerkasaan masyarakat yang membawa kepada penyertaan di dalam ekonomi digital merentasi pelbagai industri termasuk pertanian, pendidikan, penjagaan

AHLI MMN, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.



kesihatan dan perubahan.

Menyentuh mengenai peranan dan penglibatan masyarakat terang Yang Berhormat, adalah penting bagi memantau pergerakan agenda pembangunan negara. Ini termasuklah usaha-usaha ke arah menghidupkan suasana Pekan Bangar. Ini dapat dilihat dengan penganjuran acara-acara seperti Temburong Bisai mampu merangsang aktiviti kemasyarakatan dan sosioekonomi.

Menurutnya, penglibatan Majlis-majlis Perundingan Kampung (MPK) dilihat serampang dua mata ke arah meramaikan Pekan Bangar sebagai destinasi hujung minggu.

Dalam perkara ini, untuk usaha yang berterusan, Yang Berhormat mencadangkan agar diwujudkan kalender acara tahunan (Yearly Event Calendar) untuk Daerah Temburong khususnya Pekan Bangar yang menyenaraikan jadual acara-acara sepanjang tahun melalui rangkaian

kerjasama pihak kerajaan, swasta dan Majlis Perundingan Kampung.

Yang Berhormat seterusnya menyuarakan berkenaan dengan isu gaji bagi kakitangan swasta yang berpendapatan rendah.

"Isu ini sememangnya tidak disandarkan sepenuhnya kepada pihak kerajaan namun pada itu, ia juga berkait rapat dengan kualiti hidup masyarakat kita yang masih lagi ada di tahap rendah berbanding dengan negara-negara maju.

"Kita perlu melihat dan mencontohi negara lain yang berjaya meningkatkan kualiti hidup rakyatnya. Pendekatan dan amalan ini boleh saja dijadikan kaedah bagi mewujudkan ekonomi baharu yang lebih stabil dan dinamik," ujarnya.

"ISU ini sememangnya tidak disandarkan sepenuhnya kepada pihak kerajaan namun pada itu, ia juga berkait rapat dengan kualiti hidup masyarakat kita yang masih lagi ada di tahap rendah berbanding dengan negara-negara maju.

"Kita perlu melihat dan mencontohi negara lain yang berjaya meningkatkan kualiti hidup rakyatnya. Pendekatan dan amalan ini boleh saja dijadikan kaedah bagi mewujudkan ekonomi baharu yang lebih stabil dan dinamik," ujarnya.

Usaha ke arah menambah baik sistem maklumat, perkhidmatan kerajaan



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann.

memerlukan perhatian dan bantuan seperti membaik pulih bumbung rumah disebabkan bencana alam, membina jambatan sementara atau membaiki infrastruktur awam seperti jalan raya yang menimbulkan kesusahan kepada orang ramai, membiayai aktiviti-aktiviti kemasyarakatan terutama sekali misi-misi bantuan dan sebagainya.

Menyentuh mengenai soal kemajuan dan pembangunan Pusat Bandar, Yang Berhormat berpandangan sudah tiba masanya Kuala Belait diiktirafkan sebagai Pusat Bandar kedua selepas Bandar Seri Begawan memandangkan Kuala Belait merupakan kawasan industri minyak dan gas yang menjadi sumber ekonomi negara.

Pengiktirafan sebagai bandar kedua ini jelas Yang Berhormat, mampu memacukan lagi sektor perekonomian industri dan membuka peluang-peluang perniagaan kepada pelabur.

Selain itu, Kuala Belait juga berpotensi dari segi geografi kerana berdekatan dengan pintu masuk negara jiran di samping mempunyai penduduk yang berbilang bangsa serta kehadiran pekerja-pekerja asing di dalam industri minyak dan mampu menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih baik.

Yang Berhormat menyuarakan perkara itu semasa menyampaikan ucapan penangguhannya pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN, di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Sementara itu, menyentuh mengenai Slogan Tekad Pemedulian Orang Ramai atau dikenali dengan TPOR adalah merupakan visi dan misi pihak agensi kerajaan ke arah memberikan perkhidmatan yang

efisien kepada orang ramai mengikut tempoh yang ditetapkan. Namun pada itu, sejauh manakah TPOR ini dapat dilaksanakan kerana masih sahaja ada proses-proses permohonan yang masih perlahan.

Yang Berhormat seterusnya berharap, dengan adanya usaha-usaha ke arah menambah baik sistem maklumat dan perkhidmatan

di setiap agensi kerajaan ia diharapkan mampu membina lagi sebarang kekurangan yang ada melalui RKN-12 sebanyak BND10,936,558.00 telah disediakan ke arah meningkatkan kualiti Perkhidmatan Awam yang mana dengan peruntukan ini kapasiti Perkhidmatan Awam dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

SEMENTARA itu, menyentuh mengenai Slogan Tekad Pemedulian Orang Ramai atau dikenali dengan TPOR adalah merupakan visi dan misi pihak agensi kerajaan ke arah memberikan perkhidmatan yang efisien kepada orang ramai mengikut tempoh yang ditetapkan. Namun pada itu, sejauh manakah TPOR ini dapat dilaksanakan kerana masih sahaja ada proses-proses permohonan yang masih perlahan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann mencadangkan agar disediakan Peruntukan Khas di bawah kapasiti Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli MMN yang boleh digunakan bagi membiayai projek-projek dan aktiviti-aktiviti tertentu yang

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara



ISU BERBANGKIT PERLU TINDAKAN SEWAJARNYA

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Maidin melahirkan harapan agar isu-isu yang ditimbulkan atau Mesyuarat Negara (MMN), Yang saranan yang diberikan akan Berhormat Awang Amran bin Haji diambil perhatian dan tindakan

SEGALA perbincangan dan saranan di dalam permesyuaratan ini, masyarakat di luar sana sentiasa menilai dan menantikan penyelesaian. Segala isu-isu yang dibangkitkan terutama isu-isu yang perlu diambil tindakan segera seperti masalah jalan raya, air, elektrik, masalah isu proses permohonan yang memakan masa yang lama dan lain-lain lagi yang perlu diperhatikan dan dikaji demi kebaikan semua pihak.

dengan penuh pertimbangan dan kebijaksanaan dengan adanya perhatian dan tindakan terhadap isu-isu tersebut serta turun padang. Ia akan lebih memacu ke arah menjayakan Wawasan Brunei 2035.

Segala perbincangan dan saranan di dalam permesyuaratan ini, masyarakat di luar sana sentiasa menilai dan menantikan penyelesaian. Segala isu-isu yang dibangkitkan terutama isu-isu yang perlu diambil tindakan segera seperti masalah jalan raya, air, elektrik, masalah isu proses permohonan yang memakan masa yang lama dan lain-lain lagi yang perlu diperhatikan dan dikaji demi kebaikan semua pihak.

Yang Berhormat berucap demikian semasa menyampaikan ucapan penangguhan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN, di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat turut menyentuh mengenai isu pengangguran yang masih belum dikurangkan ke tahap yang lebih baik.

AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin.

Selaku pemimpin akar umbi tegas beliau, akan terus berusaha dan sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan khususnya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam menangani apa juga kesulitan yang dihadapi oleh masyarakat khususnya masyarakat kampung di bawah tadahan kaola.

Terdahulu, Yang Berhormat turut menyambut baik peruntukan Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025 yang telah diluluskan dan berharap dengan kelulusan belanjawan yang diluluskan ini maka pihak kementerian akan lebih bijaksana serta amanah dalam melaksanakan perancangan demi kemaslahatan rakyat di Negara Brunei Darussalam ini.

Yang Berhormat Awang Amran juga menyokong dan menyambut baik atas usaha-usaha kerajaan dalam mempertingkatkan kemajuan dan pembangunan



negara demi kesejahteraan rakyat melalui kementerian-kementerian dengan peruntukan yang diberikan.

Beliau turut melahirkan rasa syukur kerana kita dapat menikmati hidup dengan aman dan makmur serta negara akan terus membangun berkat dan daulat kepimpinan kebijaksanaan, kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Memperkukuh piawaian dalam perhubungan awam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Dalam interaksi dan perbualan dengan pelbagai jabatan di seluruh kementerian, adalah jelas bahawa pentingnya keperluan tindakan kerjasama yang lebih padu dan ketara antara semua pihak dalam kementerian.

Synergy dan kerjasama sedemikian adalah amat penting bagi mengelakkan kehadiran dasar yang tidak produktif yang boleh menghalang inisiatif pihak kerajaan secara kolektif.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee melahirkan

harapan dan tidak sabar untuk menyaksikan penyediaan yang lebih kohesif dan mantap dalam semua kementerian yang akan mengukuhkan asas dan landasan kita serta mendorong semua pihak untuk mencapai objektif bersama dengan lebih cekap dan produktif.

"Memandangkan peningkatan kebergantungan agensi-agensi kerajaan terhadap media sosial dalam membarigakan pemberitahuan dan penglibatan awam, ditambah lagi dengan kepentingan kaji selidik dalam memahami pendapat orang ramai bagi membuat dasar atau *policy-*

making, terdapat kebimbangan yang ketara mengenai keberkesanan dan pengurusan profesional platform ini.

"Meskipun dengan adanya usaha terbaik daripada agensi-agensi kerajaan, nampaknya kaedah semasa yang melibatkan media sosial, dan dengan menjalankan kaji selidik, mungkin masih tidak mencukupi untuk mengesan dan mencapai sasaran serta kehendak demografi yang diperlukan.

"Walaupun sesetengah jabatan telah menjalankan usaha mereka dengan baik, komunikasi dalam

AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

media sosial yang kurang berkesan, boleh membawa kepada salah tanggapan atau interpretasi orang ramai tentang *stagnation* atau kurangnya kemajuan, sehingga menjejaskan usaha gigih pegawai-pegawai dari jabatan," ujar Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee semasa menyuarakan perkara tersebut pada ucapan penangguhan dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN yang bersidang pada hari ke-18 di Dewan Bangunan MMN, di sini.

Oleh demikian, Yang Berhormat menyarankan supaya agensi kerajaan menggariskan langkah-langkah untuk meningkatkan keupayaan para pegawai di semua kementerian dalam menguruskan media sosial, dan menjalankan kaji selidik dengan lebih berkesan.

Yang Berhormat turut menyarankan supaya ditubuhkan sebuah akademi untuk meningkatkan piawaian dalam perhubungan awam. Dalam konteks cita-cita kita untuk menjadikan sebuah negara yang Smart Nation, adalah penting untuk mempertimbangkan kajian semula bagi asas kurikulum ICT di Kementerian Pendidikan iaitu dicadangkan agar pendedahannya dimulakan



seawal peringkat sekolah rendah. Inisiatif tersebut terang Yang Berhormat, amat penting untuk mempersiapkan dan melengkapkan generasi akan datang dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk membantu ke arah, serta menyumbang kepada perubahan dunia yang semakin digital.

"Marilah kita bersama-sama melangkah ke hadapan dengan perpaduan, demi matlamat dan hala tuju yang jelas dalam usaha ini serta komited sepenuhnya dalam merealisasikan wawasan kita, untuk pencapaian dan kemajuan negara. Dengan kerjasama yang kukuh dari semua pihak, kita pasti dapat mencapai kemajuan yang amat signifikan dan menetapkan landasan yang kukuh bagi masa depan yang sejahtera dan inovatif untuk Negara Brunei Darussalam," tambah Yang Berhormat dalam mengakhiri ucapannya.

"MEMANDANGKAN peningkatan kebergantungan agensi-agensi kerajaan terhadap media sosial dalam membarigakan pemberitahuan dan penglibatan awam, ditambah lagi dengan kepentingan kaji selidik dalam memahami pendapat orang ramai bagi membuat dasar atau *policy-making*, terdapat kebimbangan yang ketara mengenai keberkesanan dan pengurusan profesional platform ini".



Jadual Akta Perbekalan 2024 / 2025 Yang Diluluskan

Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2024 / 2025, dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu.

Tajuk	Gelaran	Jumlah yang diperuntukkan	Tajuk	Gelaran	Jumlah yang diperuntukkan
JABATAN PERDANA MENTERI			KEMENTERIAN PENDIDIKAN		
SA01A	Jabatan Perdana Menteri	\$60,480,990.00	SF01A	Jabatan Kementerian Pendidikan	\$570,969,920.00
SA02A	Jabatan Adat Istiadat Negara	\$3,004,840.00	SF02A	Universiti Brunei Darussalam	\$72,060,410.00
SA03A	Jabatan Audit	\$5,853,900.00	SF03A	Universiti Islam Sultan Sharif Ali	\$25,927,070.00
SA04A	Biro Kawalan Narkotik		SF04A	Universiti Teknologi Brunei	\$26,191,590.00
SA05A	Biro Mencegah Rasuah		SF05A	Politeknik Brunei	\$25,405,410.00
SA06A	Jabatan Keselamatan Dalam Negeri		SF06A	Institut Pendidikan Teknikal Brunei	\$50,619,950.00
SA07A	Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat	\$3,366,500.00	KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN		
SA08A	Radio Televisyen Brunei	\$40,289,270.00	SH01A	Jabatan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	\$6,858,360.00
SA09A	Jabatan Penerangan	\$8,251,450.00	SH02A	Jabatan Perhutanan	\$7,891,940.00
SA10A	Jabatan Perkhidmatan Awam	\$24,158,750.00	SH03A	Jabatan Perikanan	\$12,571,520.00
SA11A	Jabatan Perkhidmatan Pengurusan	\$2,485,350.00	SH04A	Jabatan Pertanian dan Agrimakanan	\$36,966,570.00
SA12A	Polis Diraja Brunei		SH06A	Jabatan Kemajuan Pelancongan	\$3,104,810.00
SA14A	Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	\$4,886,410.00	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA		
SA16A	Jabatan Mufti Kerajaan	\$6,498,810.00	SJ01A	Kementerian Hal Ehwal Ugama	\$269,081,960.00
SA18A	Bahagian Undang-Undang	\$721,820.00	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN		
SA21A	Pejabat Peguam Negara	\$12,506,540.00	SK01A	Jabatan Kementerian Pembangunan	\$17,168,820.00
SA22A	Jabatan Kehakiman Negara	\$10,997,350.00	SK02A	Jabatan Kemajuan Perumahan	\$13,312,470.00
SA24A	Jabatan Perkhidmatan Elektrik	\$164,973,450.00	SK03A	Jabatan Kerja Raya	\$144,148,360.00
SA25A	Jabatan Penyelidikan Brunei		SK04A	Jabatan Perancang Bandar dan Desa	\$3,854,710.00
SA26A	Institut Perkhidmatan Awam	\$3,826,560.00	SK06A	Jabatan Tanah	\$10,398,450.00
SA27A	Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah	\$4,290,720.00	SK07A	Jabatan Ukur	\$13,359,260.00
KEMENTERIAN PERTAHANAN			SK08A	Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi	\$19,890,860.00
SB01A	Jabatan Kementerian Pertahanan		KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN		
SB04A	Jabatan Menteri Pertahanan dan Jabatanarah Perancangan Strategik		SL01A	Jabatan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan	\$19,189,720.00
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI			SL02A	Dewan Bahasa dan Pustaka	\$10,496,920.00
SC01A	Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri	\$114,964,750.00	SL03A	Jabatan Belia dan Sukan	\$19,069,720.00
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI			SL04A	Muzium-Muzium	\$9,412,740.00
SD01A	Jabatan Kementerian Kewangan dan Ekonomi	\$40,298,140.00	SL05A	Pusat Sejarah	\$3,859,100.00
SD03A	Jabatan Kastam dan Eksais Diraja	\$14,713,030.00	SL06A	Jabatan Pembangunan Masyarakat	\$23,248,430.00
SD04A	Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik	\$7,471,380.00	KEMENTERIAN KESIHATAN		
SD05A	Jabatan Perbendaharaan	\$19,387,310.00	SM01A	Kementerian Kesihatan	\$573,064,540.00
SD08A	Perkhidmatan Rampaian HMSF		KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI		
SD09A	Perkhidmatan Rampaian	\$878,536,200.00	SN01A	Jabatan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi	\$22,329,370.00
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI			SN04A	Jabatan Penerbangan Awam	\$26,333,370.00
SE01A	Jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri	\$13,332,980.00	SN05A	Jabatan Pengangkutan Darat	\$10,029,400.00
SE02A	Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan	\$15,223,790.00	SN08A	Jabatan Kajicuaca	\$3,324,100.00
SE03A	Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria	\$6,978,060.00	SN09A	Pusat Kebangsaan E-Kerajaan	\$51,568,040.00
SE04A	Lembaga Bandaran Tutong	\$2,120,330.00	KEMAJUAN		
SE05A	Jabatan Buruh	\$6,093,830.00	SP01A	Kemajuan	\$500,000,000.00
SE06A	Pejabat Daerah Brunei dan Muara	\$10,512,610.00			
SE07A	Pejabat Daerah Belait	\$4,247,440.00			\$5,190,000,000.00
SE08A	Pejabat Daerah Tutong	\$4,372,630.00			
SE09A	Pejabat Daerah Temburong	\$3,796,190.00			
SE10A	Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan	\$20,860,670.00			
SE11A	Jabatan Penjara	\$12,749,350.00			
SE12A	Jabatan Bomba dan Penyelamat	\$29,897,640.00			

KHEDN BERTADARUS DI MASJID AL-MASHHOR



BELAIT, Sabtu, 23 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya berserta Majlis Perundingan Mukim dan Kampung meneruskan Majlis Tadarus Al-Quran petang tadi bertempat di Masjid Al-Mashhor, Kampung Sungai Mau, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji

Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, yang turut menyempurnakan penyampaian sumbangan derma kepada sembilan orang anak-anak yatim dari Mukim Bukit Sawat.

Turut hadir pada majlis tersebut, Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya serta penghulu-penghulu mukim, pemangku-pemangku

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan derma kepada anak yatim (kanan dan kiri).

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Alishahrin Haji Mumin

penghulu mukim, ketua-ketua kampung, pemangku-pemangku ketua kampung dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) Daerah Belait berserta penduduk kampung sekitarnya.

Majlis dimulakan dengan penyampaian wakaf yang

disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kepada Imam Masjid Al-Mashhor, Kampung Sungai Mau, Pengiran Md Abdul Malik Syafi'ie bin Pengiran Haji Md Abdul Aziz.

Sejurus itu, majlis diteruskan dengan bertadarus Al-Quran dan bacaan Tahlil serta Doa Selamat dipimpin oleh Imam Masjid Al-Mashhor dan diselajurkan

dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Majlis tersebut antara lain bertujuan untuk menyemarakkan lagi bulan suci Ramadan di samping menjalinkan hubungan yang erat dalam kalangan pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya dengan Ahli-ahli MPMK dan pemimpin akar umbi.

MTIC bertahlil di Kubah Makam Diraja



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Bertahlil sempena bulan Ramadan 1445 Hijrah / 2024 Masihi (kiri), manakala gambar atas dan bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan Jabatan-jabatan serta Agensi-agensi Pihak Berkuasa di bawahnya petang tadi mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Bertahlil sempena bulan Ramadan 1445 Hijrah / 2024 Masihi, yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Majlis berkenaan adalah khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti

Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Hadir di majlis tersebut ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin

dan seterusnya tahlil beramai-ramai yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Saufi bin Haji Suhaini.

Majlis Tahlil di Kubah Makam Diraja merupakan acara keagamaan tahunan MTIC dan Jabatan-jabatan serta Agensi-agensi Pihak Berkuasa di bawahnya yang bertujuan untuk menyemarakkan lagi bulan Ramadan Al-Mubarak ini dan memperoleh ganjaran pahala berlipat ganda serta keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Juga hadir, Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha

Tetap, Ketua- Ketua Jabatan, Ketua-ketua Eksekutif, Ketua-ketua Bahagian, Pegawai-pegawai Kanan serta Pegawai-

pegawai dan kakitangan daripada MTIC dan Jabatan-jabatan serta Agensi-agensi Pihak Berkuasa di bawahnya.

MENDUKUNG LANGKAH MITIGASI, ADAPTASI PERUBAHAN IKLIM

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

>> Muka 1

Kenyataan ini dizahirkan melalui perutusan yang disampaikan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha sempena memperingati Hari Kajicuaca Sedunia 2024.

Perubahan iklim adalah satu fenomena global yang dikaitkan dengan pemanasan suhu udara yang disebabkan oleh kesan rumah hijau skala global. Catatan suhu udara telah menunjukkan peningkatan ketara sejak sekitar tahun 1950an, iaitu berikutan dengan revolusi perindustrian.

Justeru jelas Yang Berhormat, perubahan iklim mampu menyebabkan peningkatan paras laut, merubah corak kejadian cuaca dan juga meningkatkan kejadian cuaca ekstrem.

Mengikut WMO katanya, purata suhu global pada tahun 2023 adalah dianggarkan 1.45 darjah celsius lebih tinggi daripada purata suhu tahun 1850-1900 dan ia merupakan tahun paling panas di dalam rekod.

Tahun 2023 juga, telah mencatatkan peningkatan paras laut tertinggi sejak permulaan pengukuran altimeter satelit pada tahun 1993.

Pada masa yang sama terangnya, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), melalui Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD), telah dan sedang giat melaksanakan penyelidikan sains iklim bagi Negara Brunei Darussalam.

Hasil kajian berkenaan ujarnya, telah menunjukkan bahawa negara kita telah menunjukkan tren suhu udara yang meningkat dengan kadar 0.23 darjah celsius setiap 10 tahun, iaitu peningkatan purata sebanyak sekitar 1.15 darjah celsius sejak 50 tahun kebelakangan ini.

Kajian juga menunjukkan bahawa trend jumlah turunan hujan juga meningkat dengan kadar 110mm setiap 10 tahun. Peningkatan tren suhu dan juga jumlah turunan ini menunjukkan negara kita tidak dapat lari dari kesan perubahan iklim.

Dalam hubungan ini tambahanya,

bagi menyumbang penyediaan maklumat sains iklim bagi negara kita, BDMD adalah ahli penting kepada 'Adaptation and Resilience Working Group' (ARWG), di bawah Sekretariat Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam.

"Saya menyokong penuh usaha berterusan BDMD untuk meningkatkan lagi pelaksanaan penyelidikan sains iklim di Negara Brunei Darussalam, bagi membantu agensi-agensi yang berkepentingan dalam membuat perancangan dan tindakan bagi memastikan negara dapat melaksanakan langkah-langkah mitigasi, adaptasi dan meningkatkan kedayatahan negara untuk kesejahteraan rakyat, ekonomi dan alam sekitar terhadap kesan perubahan iklim.

"Saya difahamkan bahawa BDMD telah menghasilkan ramalan unjuran iklim jangka panjang sekitar satu abad ke hadapan berasaskan model-model iklim antarabangsa bagi mendukung usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam merancang dan menyusun dasar dan mengurus

YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dalam perutusan sempena memperingati Hari Kajicuaca Sedunia 2024.

risiko dan juga peluang yang ditimbulkan oleh perubahan iklim," ujar Yang Berhormat lagi.

Mengambil kira juga kesan perubahan iklim yang telah merubah corak kejadian cuaca global dan juga corak kejadian cuaca di negara ini, menurut Yang Berhormat operasi pencerapan dan pemantauan cuaca di negara ini adalah penting dan pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara yang BDMD telah dan sedang laksanakan adalah bertepatan dengan hasrat MTIC untuk memastikan pencerapan dan pemantauan cuaca adalah mengikut perkembangan teknologi masa kini dan akan dapat meningkatkan ketepatan dalam pengeluaran ramalan, nasihat dan amaran cuaca demi kesejahteraan dan keselamatan penduduk di negara ini.



Dalam usaha berterusan MTIC tambahanya lagi, melalui BDMD dalam meningkatkan kapasiti negara terhadap cuaca melampau yang disebabkan oleh kebolehubahan iklim (*climate variability*), ramalan tinjauan bermusim bagi turunan hujan 3-5 bulan ke hadapan berserta nasihat awal iklim telah dikeluarkan melalui siaran akhbar dan media massa termasuklah sosial media dari semasa ke semasa.

Rombongan Tadarus KHEU ke Masjid Haji Abdul Azim



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Tadarus yang diadakan di Masjid Haji Abdul Azim, Kampung Luagan Duduk (atas), manakala gambar bawah kanan, Tadabbur Al-Quran oleh Penolong Kanan Profesor, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Harapandi bin Dahri.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

TUTONG, Ahad, 24 Mac. - Bulan Ramadan Al-Mubarak menjanjikan ganjaran pahala yang berlipat ganda kepada setiap amalan yang dilakukan oleh setiap orang Islam.

Dalam bulan Ramadan terhimpun rahmat serta keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan peluang-peluang mendapatkan kelebihan dan pahala yang berlipat ganda turut dibukakan seluas-luasnya kepada kita sepanjang bulan ini.

Bersempena bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, rombongan pegawai dan

kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama turut merebut kebaikan dan pahala yang berganda dengan menghadiri Majlis Tadarus yang diadakan petang tadi, di Masjid Haji Abdul Azim, Kampung Luagan Duduk, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji

Abdul Karim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh; Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri; Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Awang Haji Azman bin Haji Musa.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan Tadabbur Al-Quran oleh Penolong Kanan Profesor, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Harapandi bin Dahri.

Sejurus itu, acara diteruskan dengan Tadarus Al-Quran,



Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser no. 1 di kalangan lelaki dan no. 2 di kalangan wanita di Negara Brunei Darussalam.

Lelaki
Wanita

Kanser Kolorektal adalah penyebab bagi 22% kanser lelaki dan 12% kanser wanita

Faktor Risiko:

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita.
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal.
- Pernah menghidap kanser kolorektal.
- Berat badan yang berlebihan.
- Merokok.
- Tidak aktif.
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak.
- Meminum minuman keras yang berlebihan.

Langkah Pencegahan:

- Tidak merokok.
- Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran.
- Elakkan meminum minuman keras.
- Meningkatkan aktiviti fizikal.
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal.

Tanda-tanda kanser kolorektal:

- Perubahan dalam pergerakan usus.
- Darah dalam najis.
- Sakit perut yang berpanjangan.
- Kembung perut.
- Kurang selera makan.



PENGESAHAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari www.ppkk.gov.bn

disusuli dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah serta bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Rombongan Tadarus para pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) seterusnya akan mengunjungi Masjid Kampung Puni, Daerah Temburong pada Sabtu, 30 Mac 2024, jam 5.00 petang.





**Iklan Jawatan Kosong
Di Universiti Teknologi Brunei**

Bilangan Iklan
03 / 2024

**Pengiklanan Jawatan Kosong
Peraturan 7(A)**

Bilangan Iklan :
03 / 2024

Jawatan :
Penolong Pendaftar

Tangga Gaji :



UB.1 EB.2
(BND2,630 – BND4,360)

Bahagian :
II

Kekosongan :
Satu (1)

Tarikh Tutup :
06 April 2024



**Iklan Jawatan Kosong
Di Universiti Teknologi Brunei**

**Pengiklanan Jawatan Kosong
Peraturan 7(A)**

**Iklan Dibukakan Kepada Orang
Ramai Yang Berkelayakan
(Termasuk Pegawai-Pegawai
Kerajaan)**

Tarikh Tutup:
8 April 2024

Universiti Teknologi Brunei sukacita mempelawa pemohon-pemohon yang berminat dan memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti di bawah bagi mengisikan jawatan kosong Pegawai Pelajaran di Universiti Teknologi Brunei



Bilangan Iklan :
04 / 2024

Jawatan :
Pegawai Pelajaran
(Bimbingan Kerjaya Dan Hal
Ehwal Pelajar Antarabangsa),
Pejabat Pendaftar (Bahagian
Akademik)

Tangga Gaji :
G.13
(BND2,270 – BND4,240)

Bahagian :
II

Kekosongan :
Satu (1)



Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPS(I) /
2023-2024

Perkhidmatan Pembuangan
Sampah Tempoh 2 Tahun
Bagi Zon 'I'

1. Sekolah Ugama Sengkarai
2. Sekolah Ugama Kiudang
3. Sekolah Ugama Lamunin
4. Sekolah Ugama Tempuan Telisai
5. Sekolah Ugama PAP Norain
6. Sekolah Ugama Penanjong
7. Sekolah Ugama PAP Fadzillah Lubabul Bolkiah, Kupang)

Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / PPS(J) /
2023-2024

Perkhidmatan Pembuangan
Sampah Tempoh 2 Tahun
Bagi Zon 'J'



Tawaran

Bilangan Tawaran :
JDBM / Q / 023 / 2024

Keterangan Tawaran :
Pakej Pengendalian Persembahan
Pentas Sempena Majlis
Keberangkatan KDYMM Beramah
Mesra Bersama Rakyat Bertempat
Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali
Saifuddien, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran :
JDBM / Q / 024 / 2024

Keterangan Tawaran :
Membekal Dan Memasang
Tunjuk Arah Dan Papan Tanda
Ketua-Ketua Kampung, Daerah
Brunei Dan Muara, Negara Brunei
Darussalam

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa
9 April 2024
Jam 2.00 Petang



**Bilangan Tawaran Kastam
dan Tajuk Tawaran**

Bil. 02 / 2024
Tawaran Membekalkan Segel Jenis
"Cable Lock Wire Seal"
Kepada Jabatan Kastam
Dan Eksais Diraja,
Kementerian Kewangan
Dan Ekonomi,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup :
Selasa, 2 April 2024
Jam 12.00 Tengah Hari



Bilangan Tawaran :
(20)JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan :
Peralatan Logistic Pembelian Piala,
Pingat-Pingat, Drop Banner
Dan Bib Number Kejohanan Skim
Olahraga Antara
Skim-Skim Jabatan Belia dan
Sukan Pada 21 Hingga 23 Jun
2024

Bilangan Tawaran :
(21)JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan :
Jamuan Makan Dan Minuman AJK
Teknikal & Medical
Kejohanan Skim Olahraga Pada 21
Hingga 23 Jun 2024

Bilangan Tawaran :
(24)JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan :
Building Term Maintenance For A
Period Of Twenty-Four (24) Months
For Games Village And Marchings

Field (Padang Kawad) HBNSC

Bilangan Tawaran :
(27)JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan :
Trees And Wild Bushes Cutting
And Trimming At
Hassanal Bolkiah National Sports
Complex

Bilangan Tawaran :
(36)JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan :
Supply And Install New Drain
Cover At Padang B Berakas Sports
Complex,
Ministry Of Culture, Youth And
Sports, Brunei Darussalam

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
4 April 2024



**PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI**

IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

سردار

قواس: فريسيائي دري عذاب آفي نراك

جماعه يځ درحمتي الله،

بر تقوى له كيت كحضرة الله سُبحانه وَتعالى دغن منيغكتكن كيلمانن كقندن. سسغكوهم اورغ يځ قاليغ مليا دسيسې الله سُبحانه وَتعالى اياه اورغ يځ قاليغ بر تقوى. موده-مودهن كيت منجادي انسان يځ سنتياس مغايغي الله سُبحانه وَتعالى، براوله كجيان دان كسلامتن ددنيا دان جوك داخيرة.

جماعه يځ درحمتي الله،

بولن رمضان اداله بولن يځ سنتياس دتوغكو-توغكو اوليه سكالين اومت اسلام. بولن اين ممقويي كليهن يځ ساعت بسر بر بنديغ بولن-بولن يځ لايين. سباكيان يځ كيت معلوم بهاوا بولن رمضان اداله بولن عبادت ياييت بولن باكي مليقتكنداكن عمل عبادت كيت كقد الله سُبحانه وَتعالى.

اوليه يځ دمكين، اومت براونتوغله اورغ-اورغ يځ مربوط كنجارن يځ تله دجنجيكن اوليه الله سُبحانه وَتعالى دان امتله روكي باكي اورغ-اورغ يځ منسيا-سپاكنن. درقد ابو هريرة رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسيدا: مَنْ قَامَ رَمَضَانَ اِيْمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ.

مقصودن:

سسياف يځ منكفكن (برعبادت) رمضان كران ايمان كقد الله دان مغهارفكن فهلا (هان درين)، مك اكن دامقوني دوسا-دوسان يځ تله لالو. {حديث روايت امام بخاري}

سسوگكوهم قواس اكن منجادي فريسيائي يځ مغهالغي دري سيقسا آفي نراك. قواس جوك مروفاكن بينتيغ يځ مغهالغ ديري كيت درقد ملاكوكن فركارا-فركارا يځ كجي دان موغكر. درقد ابو سعيد الخدري رضى الله عنه، رسول الله صلى الله عليه وسلم برسيدا: مَا مِنْ عَبْدٍ يَصُومُ يَوْمًا فِي سَبِيلِ اللَّهِ، إِلَّا بَاعَدَ اللَّهُ، بِذَلِكَ الْيَوْمِ وَجْهَهُ عَنِ النَّارِ سَبْعِينَ خَرِيفًا

مقصودن:

تيدقله ساورغ همبا يځ برفواس دجالن الله كجوالي اكن الله جاوهكن دي (كران قواسن) دري نراك سجاوه توجه قولوه تاهون. {حديث روايت امام مسلم}

فرلو دكنهوي، بهاوا عبادت قواس ايت سلاين مناهن ديري درقد فركارا-فركارا يځ مبطلكن قواس سقرتي ماكن، مينوم دان ساومقمان، قواس جوك برقرانن مناهن ديري كيت درقد ملاكوكن فركارا-فركارا بوروق دان سبا-سپا. اين كران كيت تيدق ماهو عبادت قواس يځ تله دكرجاكن ايت هان سقندر منداقت لافر دان داهك سماء-مات. درقد ابو هريرة رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسيدا: رُبُّ صَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ صِيَامِهِ إِلَّا الْجُوعُ وَرُبُّ قَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ قِيَامِهِ إِلَّا السَّهَرُ.

مقصودن:

براف رامي اورغ يځ برفواس تيدق منداقتن فهلان سلاين لافر، دان براف رامي اورغ يځ سمبيغ مالم تيدق منداقتن فهلا سلاين برجاك سقنجغ مالم. {حديث روايت امام ابن ماجه}

جماعه يځ درحمتي الله،

عبادت قواس بوكنله هان سقندر مغاول كهنديق نقسو شهوات سمات-مات بهكن الله سُبحانه وَتعالى ممرينتهكن كيت سوفاي منجاك اغكوتا-اغكوتا بادن كيت يځ لايين دري ملاكوكن فركارا-فركارا يځ تيدق بايك دان سبا-سپا. اين كران اي بوليه مروسقكن دان مغورغكن فهلا عبادت قواس. اوليه ايت، باكي مرييه كسمقورنآن عبادت قواس، ترداقت اداب-اداب يځ فرلو دجاك كتيك منجالنيش، انتاران.

قرتام: مغاول دان منوتوف قنداغن مات دري مليهت فركارا-فركارا يځ دحرامكن اوليه شرع دان دري مليهت فركارا-فركارا يځ بوليه ملالايكن هاتي دري مغايغي الله سُبحانه وَتعالى.

كدوا: منوتوف تليغا دري مندغر فركارا-فركارا يځ دحرامكن سوفاي تيدق تركولوغ كدالم كولوغن اورغ-اورغ يځ سوك مندغر برينا بوهوغ دان فركارا سبا-سپا.

كتيك: منجاك ليده دري مغلواركن كات-كات يځ تيدق برفانده سقرتي بريوال كوسوغ، ليه-ليه لاكي كيت سموا دتونوت سوفاي منجاك ليده دري مغلواركن كات-كات يځ دحرامكن سقرتي مغومقت، بردوستا، ميبياركن فتنه دان ساومقمان.

كامقت: مليهارا سلوروه اغكوتا يځ لايين سقرتي تاغن، كاكي دان سباكين دري ملاكوكن فركارا-فركارا يځ حرام دان تيدق برفانده.

اخيرن، ماريله كيت بردعاء كقد الله سُبحانه وَتعالى موده-مودهن عبادت قواس يځ كيت كرجاكن دسقنجغ بولن رمضان اين دترينا دان منداقت كنجارن درقد الله سُبحانه وَتعالى دان سموك كيت تيدق تركولوغ دالم كولوغن اورغ برفواس يځ هان منداقت لافر دان داهك سهاج. آمين يا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

دان سسياف يځ مغهندقي (كبهاكيا هيدوف) اخيرة دان براوسها (مغرجاكن عمل كباچيكن) اونتوق (توجوان) ايت دغن اوسها يځ برسوغكوه-سوغكوه سدغ اي برلمان مك مريك ايتله يځ اوسها مريك دكورنياكن كنجارن يځ بايك (دبري فهلا). {سورة الإسراء آية: ١٩}

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَبِمَا فُوزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَبِإِحْسَانِ النَّاسِينَ.

ANAK YATIM PPDB TERIMA SUMBANGAN



PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bersama Pengiran Datin Hajah Zauyah binti Pengiran Haji Sulaiman selaku Yang Dipertua Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI) semasa bergambar ramai.



Siaran Akhbar dan Foto:
Pasukan Polis Diraja Brunei

GADONG, Sabtu, 23 Mac. - Seramai 55 anak yatim warga Pasukan Polis Diraja Brunei

PESURUHJAYA Polis, PPDB bersama Pengiran Datin Hajah Zauyah menyampaikan derma-derma tersebut kepada para penerima.

(PPDB) menerima sumbangan pada Majlis Penyampaian Derma Untuk Anak-anak Yatim bagi warga PPDB yang diadakan di Dewan Bankuet, Kompleks Ibu Pejabat Polis Gadong.

Hadir menyampaikan derma-derma tersebut ialah Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali bersama Pengiran Datin Hajah Zauyah binti Pengiran Haji Sulaiman selaku Yang Dipertua Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI).

Turut hadir bagi sama-sama menyampaikan derma berkenaan ialah Timbalan Pesuruhjaya Polis PPDB, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin dan Datin Sabrina Aziemah binti Abdullah Chong selaku Pengerusi PEKERTI.

Majlis tersebut merupakan salah satu usaha untuk menyalurkan sumbangan khusus kepada anak-anak yatim PPDB bertujuan untuk membantu sedikit sebanyak dalam menampung perbelanjaan Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang tidak lama lagi.

Kementerian Pendidikan semarakkan Ramadan dengan bertadarus Al-Quran



KILANAS, Sabtu, 23 Mac. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan dengan kerjasama Pusat Teknologi Pendidikan dan Urus Setia Majlis Pelajaran Kebangsaan meneruskan lagi Majlis Bertadarus mereka sempena bulan Ramadan bertempat di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Kampung Bebatik, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat

pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Acara dimulakan dengan penyampaian wakaf berupa dua buah televisyen Skyworth 55 inci, dua unit Air Purifier, satu buah mesin Chain Saw dan satu buah lagi Vacuum Cleaner berkuasa tinggi yang disempurnakan oleh tetamu kehormat kepada Ketua

Imam Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Kampung Bebatik, Awang Adee Aiman bin Haji Muhidin.

Ini diikuti dengan majlis bertadarus yang diketuai oleh Ketua Imam Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Kampung Bebatik, Awang Adee Aiman yang juga mengakhiri bacaan doa bagi memberkati majlis berkenaan.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Bertadarus (kiri), manakala gambar atas, tetamu kehormat menyampaikan wakaf kepada Ketua Imam Masjid berkenaan.

Majlis seumpama ini merupakan salah satu aktiviti tahunan Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi menyemarakkan lagi bulan Ramadan dan sebagai wadah dalam meningkatkan amal ibadat serta mengeratkan silaturahim

sesama pegawai dan kakitangan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Rektor, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan beserta penduduk kampung sekitarnya.

PROJEK MOH PRIHATIN BANTU 4 PESAKIT DI DAERAH BELAIT



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan semasa membuat kunjungan ke rumah-rumah pesakit dan bergambar ramai bersama para penerima sumbangan berkenaan (atas dan kanan).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

KUALA BELAIT, Ahad, 24 Mac. - Dalam membantu pesakit-pesakit yang kurang berkemampuan, Projek MoH Prihatin dihasrat akan dapat menyediakan keperluan para pesakit agar mereka dapat menjalankan ibadah puasa dengan selesa dan sempurna pada bulan Ramadan.

Di Daerah Belait, rombongan Projek MoH Prihatin iaitu yang terdiri daripada Kumpulan 'B' telah mengunjungi ke rumah-rumah pesakit diketuai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji

Mohsin. Sumbangan berupa derma, barang-barang keperluan asasi dan peralatan perubatan yang dihulurkan kepada seramai empat pesakit di daerah berkenaan.

Para penerima terdiri daripada Awang Muhammad Adi Izani bin Abdullah Chai @Chai Kian Nyuen berusia 50 tahun; Awang Muhammad Jeffery bin Abdullah@ Jeffery anak Ujai berusia 53 tahun; Awang Elham bin Haji Apong berusia 49 tahun dan Awang Muhammad Saiful bin Abdullah Mabit berusia 42 tahun.

Para penerima merupakan



pesakit serta keluarga yang telah dikenal pasti dan berdaftar di Bahagian Kebajikan Perubatan. Aktiviti lawatan yang dikenali sebagai Projek MoH Prihatin itu merupakan salah satu aktiviti kebajikan yang diunkayahkan oleh Kementerian Kesihatan melalui Perkhidmatan Kebajikan Perubatan (Medical Social Worker Services).

Ia merupakan satu projek bagi menyerahkan sumbangan yang terkumpul dari Tabung Bantuan Amal

Pesakit Perkhidmatan Kebajikan Perubatan yang diperoleh daripada sumbangan ikhlas daripada warga Kementerian Kesihatan, persatuan-persatuan bukan kerajaan, pihak swasta dan orang-orang persendirian.

Projek MoH Prihatin itu juga turut disokong oleh ketua-ketua jabatan di Kementerian Kesihatan, pegawai-pegawai kanan; pegawai-pegawai perubatan; jururawat-jururawat; kakitangan hospital; wakil-wakil dari

Persatuan Kesihatan Bersekutu (Allied Health Association), Brunei Cardiac Society, Brunei Society of Anaesthesiologists (BSA), Brunei Medical Association (BMA), Brunei Paediatric Society (BPS), Brunei Darussalam Association of Medical Laboratory Scientists (BAMLS) dan RIPASH Doctors' Mess dan juga sumbangan persendirian daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan.

MoH Prihatin : Bantu pesakit kurang berkemampuan



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Ahad, 24 Mac. - MoH Prihatin merupakan salah satu aktiviti kebajikan yang diunkayahkan oleh Kementerian Kesihatan melalui Perkhidmatan Kebajikan Perubatan (Medical Social Worker Services) bagi menyerahkan sumbangan yang terkumpul daripada Tabung Bantuan Amal Pesakit Perkhidmatan Kebajikan

Perubatan yang diperoleh daripada sumbangan ikhlas warga Kementerian Kesihatan, persatuan-persatuan bukan kerajaan, pihak swasta dan orang-orang persendirian.

Sehubungan dengan itu, seramai lima pesakit yang berdaftar di bawah Perkhidmatan Kebajikan Perubatan menerima lawatan di kediaman masing-masing yang diketuai oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian

TIMBALAN Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan semasa membuat lawatan dan menyampaikan sumbangan kepada para penerima (kiri dan kanan).

Kesihatan, Dr. Ang Swee Hui. Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub juga Penghulu Mukim Ukong dan Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Lawatan dimulai di rumah pesakit, Dayang Mynawatul Syhiidah binti Abdullah Alburo@ Maria Myrna Coniconde Alburo, 55 tahun, yang terletak di Jalan Piasan, Kampung Lamunin, Tutong; seterusnya diikuti di rumah pesakit, Dayang Zamaliyah binti Abdullah @Saya anak Bandang, 75 tahun, di Kampung Kuala Ungar, Tutong; kemudian, di rumah Dayang Dang Rantau binti Muhammad Rahman @Egaw binti Jalak, berusia 67 tahun, di Kampung Bukit, Jalan Melebui, Tutong; disusuli di rumah kediaman Dayang Hayatul Dewi binti Muhammad Rahman@ Egaw binti Jalak, 67 tahun, juga di Kampung Bukit, Jalan Melebui, Tutong; dan diakhiri di Perpindahan Negara Kampung Bukit Beruang,



Tutong, kediaman Dayang Nurul Sahela binti Abdullah Ajang@ Sunta anak Ajang yang berusia 37 tahun.

Kementerian Kesihatan mengadakan lawatan ke rumah-rumah pesakit yang kurang berkemampuan adalah bagi menyampaikan sumbangan derma, barang-barang keperluan asasi dan peralatan perubatan kepada pesakit serta keluarga yang telah dikenal pasti di keempat-empat daerah.

Malah, Projek MoH Prihatin berkenaan juga turut disokong oleh ketua-ketua jabatan di

Kementerian Kesihatan, pegawai-pegawai kanan; pegawai-pegawai perubatan; jururawat-jururawat; kakitangan hospital; wakil-wakil dari Persatuan Kesihatan Bersekutu (Allied Health Association), Brunei Cardiac Society, Brunei Society of Anaesthesiologists (BSA), Brunei Medical Association (BMA), Brunei Paediatric Society (BPS), Brunei Darussalam Association of Medical Laboratory Scientists (BAMLS) dan RIPASH Doctors' Mess dan juga sumbangan persendirian daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan.

PBSM SUMBANG 80 BAKUL MAKANAN RAMADAN

BUNUT, Sabtu, 23 Mac. - Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) Negara Brunei Darussalam (NBD) menerusi Badan Bertindak Bantuan Kemanusiaan hari ini menyerahkan Sumbangan Bakul Makanan Ramadan khusus bagi membantu klien dan keluarga serta pesakit kecelaruan mental di bawah inisiatif Perkhidmatan Psikiatri Kementerian Kesihatan.

Majlis Penyerahan Bakul Makanan Ramadan berkenaan bertujuan untuk mengagihkan sumbangan sedekah jariah



SETIAUSAHA Agung PBSM Brunei Darussalam, Ir. Simon K.A Leong semasa berucap.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

berbentuk keperluan makanan asasi seperti beras wangi, minyak masak, air mineral, biskut kering, Indomie mi goreng, mi segera, minuman kordial oren atau manisan dan sebagainya yang telah disumbangkan oleh rakan korporat dan orang ramai menerusi Projek Ikhlas - Menyulam Kasih Ramadan 2024 bersempena dengan bulan Ramadan 1445 Hijrah yang diunkayahkan oleh PBSM.

Sumbangan berkenaan yang merupakan keperluan makanan asasi yang telah dikumpulkan pada tahun ini kemudiannya diagihkan kepada 80 Perkhidmatan Psikiatri Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) termasuk keluarga pesakit kecelaruan mental yang kurang berkemampuan dengan kerjasama Jabatan Psikiatri Hospital RIPAS yang buat julung kalinya untuk memberikan bantuan sokongan asas keperluan harian dalam sama-sama meringankan bebanan yang ditanggung oleh keluarga berkenaan.

Penyerahan sumbangan bakul makanan berkenaan disempurnakan petang tadi oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin pada majlis yang diadakan di Ibu Pejabat Kebangsaan PBSM NBD, Pejabat Pos Cawangan Bunut, Jalan Haji

Halus.

Terdahulu dalam ucapan alu-aluannya pada majlis berkenaan, Setiausaha Agung PBSM Brunei Darussalam, Ir. Simon K.A Leong berkata, PBSM menyumbangkan sebanyak 80 bakul makanan Ramadan kepada 80 klien dan pesakit kecelaruan mental di seluruh negara di bawah Perkhidmatan Psikiatri di keempat-empat buah daerah.

Sumbangan bakul makanan berkenaan jelasnya bertujuan untuk meringankan beban ekonomi yang ditanggung oleh sebilangan keluarga yang terdiri daripada pesakit kecelaruan mental dan keluarga mereka terutama sekali dalam bulan Ramadan ini.

“Projek ini adalah merupakan sumbangan yang dapat diberikan oleh PBSM NBD kepada Perkhidmatan Psikiatri sebagai rakan strategik dalam bantuan kemanusiaan yang dijadikan sebagai projek tahunan menerusi Projek Ikhlas 13.0 bagi tahun 2024.

“Projek Ikhlas 13.0 yang telah diadakan pada 10 Mac 2024 yang lalu telah berjaya mengumpul sumbangan makanan asasi seperti beras, gula, minyak masak, mee segera dan pelbagai lagi yang telah disumbangkan oleh orang ramai dan rakan korporat.

“Hampir 150 bakul makanan



PENYERAHAN sumbangan bakul makanan berkenaan disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan.

dapat disediakan untuk membantu 150 keluarga yang berkeperluan sebagai sasaran utama.

“80 bakul makanan tersebut dikhususkan untuk membantu klien dan keluarga serta pesakit kecelaruan mental di bawah inisiatif Perkhidmatan Psikiatri Kementerian Kesihatan,” ujarnya.

PBSM penuh berharap agar sumbangan kecil berkenaan akan dapat mengembirakan penerima yang disasarkan terutama semasa bulan Ramadan yang mulia ini dan seterusnya merakamkan

penghargaan dan terima kasih kepada para penyumbang dan penaja yang telah menjayakan inisiatif ini terutama sekali rakan-rakan korporat dan juga orang awam.

PBSM amat menghargai sokongan, kerjasama dan sumbangan infak yang dihulurkan oleh masyarakat umum dan rakan korporat dalam sama-sama membantu menangani dan meringankan bebanan yang ditanggung oleh mereka yang memerlukan.

NBD alami keadaan berjerebu

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Beberapa kawasan di Negara Brunei Darussalam (NBD) pada masa ini mengalami keadaan berjerebu disebabkan oleh kebakaran rumput dan hutan yang mana telah menjejaskan kualiti udara.

Kebakaran berkenaan melibatkan beberapa buah kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) seperti RPN Tanah Jambu, Meragang, Panchor Mengkubau, Mentiri, Rimba, Lugu, Bukit Beruang, Seria dan Panaga, serta kawasan dekat Lebuhraya Muara-Tutong berdekatan dengan Hutan Simpanan Berakas, Badas, Seria Bypass dan Rasau.

Jabatan Kajiucua Brunei Darussalam (BDMD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi meramalkan bahawa jumlah turunan hujan bagi Mac adalah sedikit di bawah jumlah normal dan dalam tempoh berkenaan cuaca dijangkakan panas dan kering dengan suhu maksimum

harian boleh meningkat antara 33 darjah Celsius hingga 36 darjah Celsius.

Keadaan cuaca berjerebu juga sering kali berlaku pada bulan ini.

Mengikut statistik panggilan kebakaran hutan dan rumput yang diterima oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) dari Januari hingga hari ini, sebanyak 530 panggilan yang melibatkan kebakaran hutan dan rumput direkodkan yang melibatkan kawasan seluas 584 hektar seluruh negara.

Pada Januari hingga 20 Mac tahun 2023, jumlah panggilan kebakaran hutan dan rumput direkodkan adalah sebanyak 47 sahaja.

Kualiti udara yang dicatatkan di semua stesen pemantauan kualiti udara (Bahan Partikulat 10) di keempat-empat daerah adalah tinggi berbanding dengan hari-hari biasa.

Kualiti udara bagi NBD keseluruhannya adalah di tahap

baik kepada sederhana.

Bacaan indeks pencemaran Pollutant Standard Index (PSI) pada hari ini jam 4.00 petang adalah seperti berikut, iaitu Brunei dan Muara (kualiti udara baik, PSI-25); Belait (kualiti udara sederhana, PSI-69); Temburong (kualiti udara baik, PSI-25); dan Tutong (kualiti udara sederhana, PSI-52).

Bacaan PSI kurang daripada 50 adalah bagi keadaan kualiti udara baik sementara bacaan PSI di antara 50 dan 100 adalah sederhana.

Kementerian Kesihatan ingin menasihatkan orang ramai bahawa pada bacaan PSI sederhana (di antara 50 dan 100), mereka yang tidak mempunyai masalah kesihatan bolehlah melakukan aktiviti luar, manakala bagi kanak-kanak, wanita mengandung, warga tua dan mereka yang menghidap penyakit asma, penyakit paru-paru dan penyakit jantung adalah dinasihatkan untuk mengurangkan

Siaran Akhbar : Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi; Jabatan Bomba dan Penyelamat; Kementerian Kesihatan; Jabatan Kajiucua Brunei Darussalam

aktiviti fizikal di luar rumah.

Orang ramai yang mengalami gejala penyakit seperti batuk-batuk, selesema dan susah bernafas adalah dinasihatkan untuk berjumpa doktor di Pusat Kesihatan terdekat.

Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) sentiasa terus memantau situasi dari semasa ke semasa.

Orang ramai akan dimaklumkan mengenai dengan kualiti udara melalui stesen-stesen radio RTB, laman sesawang dan Instagram jabatan.

JBP sedang memantau situasi kebakaran dan meningkatkan aktiviti rondaan ke kawasan yang sering terjadi kebakaran hutan dan rumput (*hotspot*) yang antara lain dengan penggunaan *drone* dan *firebike*.

Dalam pada itu, orang ramai adalah dinasihatkan supaya tidak melakukan pembakaran terbuka dan aktiviti-aktiviti yang boleh menyebabkan terjadinya kebakaran

rumpun dan hutan.

Orang ramai juga adalah digesa untuk melaporkan kepada JBP jika terjadinya kebakaran rumput dan hutan menerusi Talian Hotline 995.

Orang ramai boleh menghubungi Hotline Darussalam 123 bagi sebarang aduan mengenai pembakaran terbuka dan untuk mendapatkan sebarang maklumat dan nasihat kesihatan.

Sementara itu, JASTRe juga boleh dihubungi melalui talian +673 2241262 sambungan 4405 semasa waktu pejabat.

Maklumat lanjut mengenai bacaan PSI boleh diperoleh dengan melayari laman sesawang www.env.gov.bn manakala maklumat dan nasihat kesihatan juga boleh diperoleh dengan melayari laman sesawang www.moh.gov.bn.

Manakala maklumat cuaca terkini boleh diperoleh dengan menghubungi talian cuaca 114, atau melalui aplikasi 'Brunei WX' atau melayari laman sesawang BDMD di www.met.gov.bn.

سورھنجایا فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU

IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.

PELITA BRUNEI, Rabu 4 Mach, 1964.

MUKA 7

SOKAN KANAK2 PEGAWAI2 DAN ANGGOTA2 PULIS

PANAGA.—Kira2 500 orang kanak2 Pegawai2 dan anggota2 Pulis di-Daerah Belait telah mengambil bahagian dalam Pertandingan Sokan yang di-khaskan kepada kanak2 Pegawai2 dan anggota2 Pulis tersebut dalam minggu yang lalu.

Pertandingan Sokan tersebut telah di-adakan di-Padang Ibu Pejabat Pulis Daerah Belait di-Panaga pada petang hari Jumaat 28 Februari, sa-bagai menyambut Hari Raya Aidil Fitri.

Ramai ibu-bapa serta keluarga kanak2 tersebut dan lain2 orang telah menyaksikan kanak2 itu berlumba.

Kanak2 itu terdiri dari umur sa-tahun hingga ka-dua belas tahun, lelaki dan perempuan, telah bergembira ketika mereka mengambil bahagian dalam berbagai2 jenis perlumbaan yang telah di-adakan.

Sa-sudah tamat pertandingan tersebut, Setia Usaha pertandingan itu, Inspektor dalam lantikan Thani Abdul Hamid telah mengucapkan berbilang2 terima kaseh atas kehadiran ramai ibu-bapa dan keluarga kanak2 tersebut dan lain2 orang yang telah menyaksikan pertandingan itu.

PERTANDINGAN TINJU DAERAH BELAIT

SERIA.—Pertandingan Tinju Daerah Belait akan di-adakan di-dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada 7 Mach mulai pada pukul 7.30 malam.

Pertandingan itu di-adakan di-bawah anjoran Kelab Belia Seria dan Kelab Belia Kuala Belait.

Bayaran untuk menonton temasha tersebut ialah Kelas Khas—dua ringgit dan Kelas Satu—sa-ringgit.

Dua puluh peratus daripada pendapatan yang di-perolehi di-temasha tersebut akan di-dermakan kepada Persatuan Tinju Negeri Brunei dan baki-nya ia-lah untuk Tabung Derma Kelab2 Belia tersebut.

JOHAN TINJU SA-DUNIA DAPAT \$5,850,000

MIAMI BEACH, Florida.—Cassius Clay, sa-orang Negro Islam berumur 22 tahun, telah mengalahkan Sonny Liston, sa-orang Negro berumur 30 tahun, dalam Pertandingan Tinju Kejohanan Saluroh Dunia Bahagian "Heavyweight".

Pertandingan tinju itu telah di-adakan di-gelanggang tinju di-Miami Beach pada malam 25 Februari, 1964. 8,297 orang dari berbagai2 bangsa telah menyaksikan pertandingan itu.

Maka dengan kemenangan-nya itu, Cassius Clay akan mendapat kira2 \$5,850,000 wang Malaysia yang di-perolehi dari Television, Film, bayaran menonton pertandingan itu dan sa-bagai-nya.

Inspektor Thani juga telah mengucapkan ribuan terima kaseh kepada Puan Rokiah binti Abdullah, ia-itu isteri Pegawai Pemerintah Pasokan Pulis Daerah Belait Inche Ibrahim Hamzah yang telah sudi hadir ka-temasha sokan tersebut untuk menyampaikan hadiah2 kepada kanak2 yang berjaya.

Sa-lepas Inspektor Thani melafadzkan ucapan beliau, maka Puan Rokiah pun menyampaikan hadiah2 itu.

Kemudian sa-orang kanak2 perempuan telah menyampaikan chenderamata berupa bunga2 orkid kepada Puan Rokiah.

Pelateh Sokan Dari Amerika Melateh Di-Brunei

BERAKAS.—Inche Bill Miller, sa-orang pelateh sokan dari Amerika Sharikat yang pada masa ini menjadi sa-orang Pengarah Penasehat "Asia Foundation" kepada Jawatan Kuasa Pelateh, Kesatuan Sokan Malaysia telah tiba di-Negeri Brunei dari Sibu dengan kapal terbang pada petang 26 Februari yang lalu.

Beliau telah di-temui di-Lapangan Terbang Brunei oleh Naib Yang Dipertua, Persatuan Sokan Daerah Brunei, Inche Norman Bradbury dan beberapa orang Pegawai Persatuan Sokan Negeri Brunei.

Ini-lah kali yang pertama Inche Miller melawat ka-Negeri Brunei.

Inche Miller telah mengadakan kursus lathan-nya di-Maktab Anthony Abell, Seria untuk peserta2 dan pelateh2 sokan di-

Daerah Belait mulai dari 27 Februari.

Mulai dari esok, 5 Mach hingga ka-12 Mach, Inche Miller pula akan mengadakan kursus tersebut untuk peserta2 dan pelateh2 sokan di-Daerah Brunei bertempat di-Maktab Perguruan Melayu Brunei di-Berakas.

Kursus lathan tersebut di-mulai dari pukul 3.30 petang hingga ka-pukul 6.30 petang pada tiap2 hari.

Mashuarat Agong Persatuan Gerakan Masharakat Pemuda Pemudi

KUALA BELAIT.—Yang Berhormat Pehin Bendahari China, Hong Kok Tin telah merasmikan pembukaan Mashuarat Agong Persatuan Gerakan Masharakat Pemuda Pemudi Kuala Belait, kali yang ke-dua dari musim ke-tiga, di-dewan Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Kuala Belait baharu2 ini.

Dalam ucapan-nya, Yang Berhormat Pehin Bendahari China telah mengucapkan "Selamat bersidang dan maju jaya" serta berharap sa-moga persatuan tersebut akan berjaya dalam berbagai2 lapangan kemasharakatan.

Terlebeh dahulu, Yang Dipertua, Persatuan Gerakan Masharakat Pemuda Pemudi Kuala Belait, Abang Abu Hanifah bin Orang Kaya Haji Abang Bujang telah mengucapkan selamat datang kepada Yang Berhormat

Pehin Bendahari China yang telah sudi hadir di-majlis tersebut untuk merasmikan pembukaan Mashuarat Agong, Persatuan Gerakan Masharakat Pemuda Pemudi, Kuala Belait.

Abang Abu Hanifah tegaskan dalam ucapan-nya di-majlis tersebut bahawa sa-barang bangsa tidak-lah akan maju, sa-kira-nya bangsa itu melemahkan bangsa-nya sendiri.

Abang Abu Hanifah pula telah berseru kepada semua ahli2

P.G.M.P.P. Kuala Belait supaya mereka bekerjasama dalam berbagai lapangan yang berfaedah untuk kemajuan persatuan itu.

Pegawai2 baharu Persatuan Gerakan Masharakat Pemuda Pemudi Kuala Belait yang telah di-lantik dalam mashuarat tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

Yang Dipertua: Abang Abu Hanifah bin Orang Kaya Haji Abang Bujang. Naib Yang Dipertua: Puan Normah Alihasan.

Setia Usaha Kehormat: Inche Mahari Mohamed Said. Penolong Setia Usaha: Dk. Noralam binte Pengiran Mahmud.

Bendahari: Inche Hasan bin Louis. Pemereksa Kira2 nche Johari Imam Omar Ali dan Inche Zamhari bin Ali Hasan.

Ahli2 Jawatan Kuasa: Inche Mohd. Shah bin Imam Ahmad, Awang Damit bin Taha, Inche Imran Haji Hashim, Puan Dayang Kamariah binte Pengiran Mon, Puan Indut Lamat dan Puan Rohani binte Abdul Rahman.

Sementara itu P.G.M.P.P. telah membentok beberapa buah Jawatan Kuasa Kecil, seperti di-bawah ini:

(a) Jawatan Kuasa Sokan (b) Jawatan Kuasa Penerangan (c) Jawatan Kuasa Peranchang (d) Jawatan Kuasa Kebajikan dan Kemasharakatan dan (e) Jawatan Kuasa Seni dan Budaya.

Jawatan2 Kuasa tersebut telah mengadakan mashuarat masing2 dan melantik anggota2-nya.

TINJU:

Sabah Melawan Brunei 21 Mach

BANDAR BRUNEI.—Beberapa orang ahli2 tinju yang terkenal di-Sabah akan tiba di-Brunei dalam bulan ini untuk mengambil bahagian dalam Pertandingan Tinju dengan ahli2 tinju di-Negeri Brunei.

Demikian menurut keterangan Setia Usaha Persatuan Tinju Negeri Brunei, Inche S. Palaniandy dalam satu pertemuan antara sa-orang Wartawan Akhbar ini dengan-nya pada petang hari Sabtu yang lalu.

Dalam pertemuan itu, Inche Palaniandy berkata bahawa Pertandingan Tinju antara ahli2 tinju dari Sabah dengan ahli2 tinju dari Negeri Brunei akan di-adakan di-Bandar Brunei pada malam 21 Mach.

Inche Palaniandy, selanjut-nya berkata bahawa ahli2 tinju yang akan mewakili Negeri Brunei dalam pertandingan tinju tersebut akan di-pilih dari peserta2 yang telah berjaya dalam Pertandingan Tinju di-Bandar Brunei tidak berapa lama dahulu dan juga peserta2 yang akan berjaya dalam Pertandingan Tinju yang akan di-adakan di-dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada malam 7 Mach.



Gambar ini telah di-ambil di-hadapan dewan Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Kuala Belait baharu2 ini sa-lepas Yang Berhormat Pehin Bendahari China Hong Kok Tin merasmikan Mashuarat Agong Persatuan Gerakan Masharakat Pemuda Pemudi, Kuala Belait.

SUMBANGAN KHAS BANTU MUDAHKAN PERUBATAN PESAKIT

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

TEMBURONG, Ahad, 24 Mac. - Seramai 16 pesakit dan keluarga yang berdaftar di bawah Perkhidmatan Kebajikan Perubatan (Medical Social Worker Services) telah dikenal pasti bagi aktiviti lawatan Projek MoH Prihatin pada tahun ini bagi seluruh daerah.

Aktiviti lawatan tersebut merupakan salah satu aktiviti kebajikan yang diungkapkan oleh Kementerian Kesihatan melalui Perkhidmatan Kebajikan Perubatan (Medical Social Worker Services) bagi menyerahkan sumbangan yang terkumpul dari Tabung Bantuan Amal Pesakit

Perkhidmatan Kebajikan Perubatan yang diperoleh daripada sumbangan ikhlas daripada warga Kementerian Kesihatan, persatuan-persatuan bukan kerajaan, pihak swasta dan orang-orang persendirian.

Penyerahan sumbangan derma, barang-barang keperluan asas dan peralatan perubatan kepada pesakit serta keluarga berkenaan diadakan serentak di keempat-empat daerah pagi tadi.

Di Daerah Temburong, kumpulan rombongan yang ditugaskan dalam aktiviti MoH Prihatin telah melawat ke rumah dua orang pesakit iaitu di Kampung Semabat

dan Kampung Rataie. Rombongan diketuai oleh Pemangku Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Haji Gharif.

Kumpulan rombongan mula-mula menyerahkan bantuan ke rumah Awang Osman bin Ibrahim, berusia 50 tahun di Kampung Semabat Temburong dan seterusnya ke rumah Awang Mohammad Haji Aji, berusia 52 tahun di Kampung Rataie.

Semasa ditemui, Awang Mohammad merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih atas sumbangan keperluan barangan asas bagi beliau dan keluarga yang dihulurkan oleh pihak Kementerian Kesihatan khususnya peralatan perubatan yang setentunya akan membantu memudahkan perubatan bagi dirinya.

Antara lain, Projek MoH Prihatin ini juga turut disokong oleh ketua-ketua jabatan di Kementerian Kesihatan, pegawai-pegawai kanan; pegawai-pegawai perubatan; jururawat-jururawat; kakitangan hospital; wakil-wakil dari Persatuan Kesihatan Bersekutu (Allied Health Association), Brunei Cardiac Society, Brunei Society of Anaesthesiologists (BSA), Brunei Medical Association (BMA), Brunei Paediatric Society (BPS), Brunei Darussalam Association of Medical Laboratory Scientists (BAMLS) dan RIPASH Doctors' Mess dan juga sumbangan persendirian daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan.



ROMBONGAN diketuai oleh Pemangku Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Haji Gharif menyerahkan sumbangan dan membuat lawatan ke rumah para pesakit (atas, bawah dan bawah kiri).



Tip KESIHATAN

Sebab lazim jangkitan telinga

BUKAN mudah untuk kita kenal pasti punca sakit telinga berikutan terdapat banyak diagnosis yang berkait dengannya. Lazimnya, simptom ini sering dialami oleh kanak-kanak. Namun, orang dewasa juga boleh mengalaminya.

Dalam pada itu, aduan lebih banyak melibatkan sakit sebelah telinga dengan karakter sakit yang seakan mencucuk atau rasa terbakar. Edisi Tip Kesihatan pada kali ini akan menerangkan sebab sakit telinga dan rawatan baginya.

Apa punca sakit telinga yang lazim?

Sakit telinga boleh mempunyai punca langsung dan tidak langsung. Bagi punca langsung, ia berlaku akibat proses penyakit yang mempengaruhi telinga itu sendiri.

Sementara itu, bagi sebab tidak langsung pula, punca sakit telinga boleh berasal daripada struktur lain seperti gigi atau dagu dan kesakitannya dirasakan pada telinga. Keadaan ini turut dikenali sebagai kesakitan yang dirujuk (*referred pain*).

Antara punca sakit telinga yang lazim didiagnosis adalah seperti berikut :

1. Jangkitan telinga

a. Jangkitan kuman adalah punca yang paling lazim didiagnosis bagi simptom berkait dengan sakit telinga. Ia boleh berlaku pada luar, bahagian tengah atau dalam telinga.

b. Bagi jangkitan luar telinga, ia boleh berpunca daripada aktiviti renang, pemakaian alat bantu dengar atau *earphone* atau luka pada bahagian luar telinga. Luka yang terjadi akibat garuan boleh menyebabkan jangkitan begitu juga dengan air yang melembutkan kulit di sekitar lohong telinga.

c. Situasi tersebut boleh menjadi lokasi ideal untuk pembiakan bakteria. Jangkitan bahagian tengah telinga pula sering berlaku akibat jangkitan saluran pernafasan. Cecair boleh berkumpul di belakang gegendang telinga sehingga membolehkan bakteria untuk membiak.

d. Sementara itu, labirintitis adalah masalah jangkitan telinga dalam yang berpunca daripada jangkitan bakteria atau virus pernafasan.

Punca lazim bukan jangkitan telinga

Bukan semua punca sakit telinga berlaku akibat jangkitan. Bagi punca selain jangkitan adalah seperti berikut iaitu perubahan tekanan di dalam telinga (sewaktu menaiki kapal terbang), tahi telinga banyak, objek asing di dalam telinga, jangkitan bakteria pada tekak, jangkitan sinus, syampu atau air tersumbat di dalam telinga dan penggunaan putik kapas di dalam telinga.

Bagi punca tidak lazim untuk sakit telinga pula adalah perubahan tekanan di dalam telinga (sewaktu menaiki kapal terbang), tahi telinga banyak, objek asing di dalam telinga, jangkitan bakteria pada tekak, jangkitan sinus, syampu atau air tersumbat di dalam telinga dan



penggunaan putik

Symptom yang

Gejala sakit telinga

kebiasaannya datang dengan

klu kepada doktor untuk membuat

diagnosis. Bagi orang dewasa, simptom yang

boleh dialami selain sakit telinga adalah seperti kurang pendengaran dan cecair keluar

dari dalam telinga.

Sementara itu, kanak-kanak akan mengalami simptom seperti sakit telinga, kurang

pendengaran, demam, rasa penuh di dalam telinga, sukar tidur, menangis, sakit kepala,

kurang selera makan dan tidak seimbang.

Sebab sakit telinga tidak semestinya bermula daripada telinga, awda tidak boleh membuat

diagnosis tanpa bantuan doktor. Rujukan kepada profesional boleh membantu awda

mengenali pasti sebab berlakunya gejala tersebut dan rawatan boleh diberikan mengikut

keperluan semasa.

Rawatan untuk telinga

Secara teorinya, rawatan bagi masalah sakit telinga bergantung kepada diagnosis.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa langkah yang awda boleh cuba di rumah untuk

mengurangkan rasa sakit adalah seperti berikut iaitu basahkan kain dengan air sejuk dan

suam pada telinga yang sakit, pastikan telinga awda tidak terlalu basah, duduk dengan postur

yang betul untuk melegakan tekanan di dalam telinga, guna ubat titik telinga yang boleh

dibeli tanpa preskripsi (OTC), ambil ubat tahan sakit OTC, kunyah gula-gula getah untuk

melegakan tekanan di dalam telinga dan jika sakit telinga dialami oleh anak damit, awda

boleh memberi mereka makan (atau menyusu).

Kesimpulan

Terdapat banyak punca sakit telinga dalam kalangan orang dewasa dan ia boleh

terjadi akibat proses penyakit langsung atau tidak langsung. Sekiranya awda mengalami

simptom sakit telinga, pastikan awda rujuk kepada doktor perubatan untuk pemeriksaan dan

rawatan.

kapas di dalam telinga.

boleh dialami

jarang datang bersendirian. Ia

simptom lain yang boleh memberi

diagnosis. Bagi orang dewasa, simptom yang

boleh dialami selain sakit telinga adalah seperti kurang pendengaran dan cecair keluar

dari dalam telinga.

Sementara itu, kanak-kanak akan mengalami simptom seperti sakit telinga, kurang

pendengaran, demam, rasa penuh di dalam telinga, sukar tidur, menangis, sakit kepala,

kurang selera makan dan tidak seimbang.

Sebab sakit telinga tidak semestinya bermula daripada telinga, awda tidak boleh membuat

diagnosis tanpa bantuan doktor. Rujukan kepada profesional boleh membantu awda

mengenali pasti sebab berlakunya gejala tersebut dan rawatan boleh diberikan mengikut

keperluan semasa.

IMBASAN MINGGUAN

PENUAIAN padi kajian menggunakan jentuai pada Majlis Penuaian Padi Kajian Kesesuaian Varieti-varieti Padi bagi Ladang Padi yang Tidak Mempunyai Sistem Pengairan bertempat di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Lekiu. - Foto : Azmah Haji Ahad.



KEMPEN Melaratkan Inisiatif Setiap Hari Tanpa Beg Plastik berlarutan setiap hari sepanjang bulan Ramadan 1445 Hijrah di Gerai Ramadan Belia Stadium Negara Hassanal Bolkiah. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

KEGIATAN penyerahan sumbangan makanan asasi kepada ahli keluarga kurang berkemampuan merupakan salah satu daripada rangkaian kegiatan di bawah Projek Titian Kasih Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) yang diusahakan bersempena kehadiran bulan Ramadan yang mulia ini. - Foto : Aimi Sani.

SEBAHAGIAN daripada mereka yang hadir pada Majlis Tadarus bersempena dengan bulan Ramadan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi anjuran Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

SEBAHAGIAN daripada pemain bola sepak berusia 17 tahun ke bawah beraksi pada sesi pemilihan untuk diserapkan ke dalam Pasukan Bola Sepak Kebangsaan dan seterusnya mewakili negara bagi Kejohanan Bola Sepak Bawah 16 Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF) di Indonesia pada tahun ini. - Foto : Azmah Haji Ahad.



Memimpin melalui teladan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Awang Amirolmukmenin Haji Omar

ADALAH penting untuk kita semua bekerjasama mencapai Wawasan Brunei 2035 dan kita perlu menyokong dan memastikan matlamatnya tercapai serta membuat usaha kolektif dengan mengambil tindakan yang sewajarnya dan mempunyai tujuan yang besar.

Kita harus terus memimpin melalui teladan dan bukan hanya mengikut status selain itu juga menyusun idea-idea yang akan membawa kemajuan dan pembangunan sekali gus juga akan mewujudkan peluang untuk semua masyarakat.

Demikian antara harapan dan saranan seorang role model yang mengisi ruangan Belia Berwawasan keluaran kali ini iaitu Awang Amirolmukmenin bin Haji Omar, 33 tahun. Beliau bertugas sebagai Pegawai Penjara selaku Ketua Seksyen Kawalan dan Operasi di Penjara Maraburong Fasa III, Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Awang Amirolmukmenin melahirkan rasa syukur kerana di sepanjang 40 tahun di bawah kebijaksanaan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, negara kita telah berkembang pesat dan menjadi terkenal. Lebih-lebih lagi sekarang, pada zaman kemodenan dan kemajuan yang semakin meningkat, aspirasi negara kita

juga berlipat kali ganda, hubungan antarabangsa kita bertambah baik, dan kita dapat melihat peningkatan dalam kebajikan dan taraf hidup rakyat Negara Brunei Darussalam.

Pembangunan yang luar biasa dan kemajuan pesat di negara kita, terutamanya dari segi kemajuan pendidikan dan kemudahan, agak jelas kelihatan. Pelbagai kemudahan yang disediakan serta kebajikan rakyat yang sentiasa dijaga oleh baginda. Pendidikan dan penjagaan kesihatan secara percuma juga agak unik berbanding dengan negara lain. Terlalu banyak yang boleh dibanggakan sebagai rakyat Brunei. Ini adalah satu rahmat untuk kita terus hidup dalam keamanan dan kemakmuran.

Tidak dinafikan, Negara Brunei Darussalam telah menyaksikan perubahan dalam kemajuan ekonomi dan sosial, hal ehwal agama, pembangunan pendidikan, pengembangan perubatan dan penjagaan kesihatan dan semuanya di bawah pemerintahan raja yang kita sayangi.

Dalam tempoh tahun akan datang, beliau berharap, insyaaAllah dapat menyaksikan anak-anak kita, penerus generasi akan datang, berkembang dalam kehidupan yang aman dan harmoni di mana Negara Brunei Darussalam juga dilihat akan berkembang pesat sejajar peredaran dan berkembang di peringkat serantau dan antarabangsa, dengan mempunyai

masyarakat yang bersatu padu, berdaya saing, bersedia dan dilengkapi dengan perubahan dan kemajuan IT ke arah pemodenan, semua sejajar dengan menonjolkan identiti kebangsaan yang kuat (calak kebruneian) dengan memegang dalam falsafah dan cara hidup kita iaitu Melayu Islam Beraja dan juga Negara Zikir.

“Saya berdoa semoga Allah sentiasa merahmati negara kita Negara Brunei Darussalam dan memberkati raja kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja dengan dikurniakan kesihatan yang baik dan berpanjangan serta baginda kekal karar memerintah negara,” ujarnya.

Awang Amirolmukmenin mula berkhidmat di Jabatan Penjara pada tahun 2020 dan diberikan tanggungjawab sebagai Pegawai Pentadbir di Penjara Maraburong Fasa III, kemudian pada 1 Julai 2023 diberikan kepercayaan untuk mentadbir Seksyen Kawalan dan Operasi di Penjara Maraburong Fasa III.

Alhamdulillah, kebolehan dan bakat beliau telah dikenal pasti oleh pelbagai organisasi hingga berjaya meraih beberapa pencapaian besar. Antaranya, menerima anugerah Pegawai Kadet Terbaik Keseluruhan Pengambilan 1/2020, diiktiraf sebagai Top Performer Perbankan HSBC (2010), Juara dalam Pertandingan Robotech (2007) dan Juara dalam Perlawanan

Bola Sepak Piala Duta Jepun (2004).

Selain itu, beliau juga pernah mewakili Negara Brunei Darussalam menghadiri International Children's Culture and Art Festival di Tianjin China (2006) dan baru-baru ini mewakili Jabatan Penjara, Negara Brunei Darussalam untuk membentangkan kertas kerja di ASEAN Regional Correctional Conference (ARCC) di Langkawi Malaysia serta terpilih sebagai Pembaca Ikrar Utama dan mengetuainya pada Upacara Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan yang Ke-40.

Terpilih sebagai Pembaca Utama Ikrar pada tahun ini, Awang Amirolmukmenin melahirkan perasaan sangat gembira di samping itu beliau juga terharu di atas kepercayaan yang diberikan untuk menaai tugas dan tanggungjawab sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-40, yang mana penghormatan yang diberikan sebagai Pembaca Ikrar adalah peluang yang jarang berlaku dan susah untuk dimiliki. Ini kerana pelbagai tapisan dan peringkat yang perlu ditempuh sebelum dipilih untuk menjadi Pembaca Ikrar Utama.

“Saya juga berterima kasih atas sokongan dan dorongan yang berterusan daripada pelbagai pihak, terutama keluarga saya, rombongan Pembaca Ikrar Ke-40 dan juga tidak lupa diucapkan kepada keluarga besar saya di Jabatan Penjara kerana memberikan kepercayaan yang tinggi kepada saya, bukan sahaja mewakili mereka tetapi bagi

seluruh rakyat di Negara Brunei Darussalam”, ujar beliau lagi.

Selain itu, beliau juga bergiat aktif mengikuti pelbagai jenis kegiatan masyarakat, sukan dan kebudayaan seperti sebagai sukarelawan membantu bagi penghantaran bantuan makanan semasa pandemik COVID-19, sukarelawan dalam program / acara menyungkaikan anak-anak yatim semasa bulan Ramadan, sukarelawan mengikuti aktiviti-aktiviti pembersihan kubur, dan sukarelawan bagi penghantaran bantuan kepada keluarga-keluarga yang memerlukan.

Dari segi kegiatan sukan dan kebudayaan, Awang Amirolmukmenin sering mengikuti larian sukan yang dianjurkan di dalam negara seperti Olympic Day Run (2008), Larian Brunei Half Marathon (2008), Pesta Sukan Kebangsaan (2010), Larian Hari Kebangsaan (2011 dan 2013), Larian Bandar (2012), Walk Run Cycle (2012), mengikuti rancangan MoU RTB/RTM (2015), persembahan padang sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (2006) dan perbarisan lalu sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (2007, 2020, 2021, 2022 dan 2023).

Beliau juga diberikan kepercayaan untuk menggalas tanggungjawab sebagai Setiausaha Kebajikan bagi Kelab Kebajikan dan Sukan (2022-2023) dan Setiausaha Sukan di bawah Kelab Kebajikan dan Sukan, Jabatan Penjara pada masa ini hingga tahun 2025.

RAIH KEBERKATAN DI BULAN RAMADAN



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

SEKOLAH Taska, Sekolah Rendah, Sekolah Menengah, dan Sekolah Ugama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) mengadakan Majlis Mengimarahkan Bulan Ramadan Tahun 1445H / 2024H bertempat di Dewan Sekolah Rendah YSHHB (kiri dan bawah kiri).

Menengah YSHHB, Dayang Chong Li Chen; Guru Besar Sekolah Ugama YSHHB, Awang Azmerul bin Haji Haris; dan guru-guru serta kakitangan Sekolah YSHHB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah oleh Awang Mohd. Khairul Zainolarriffin bin Haji Abas, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Sayyidul Istighfar yang dipimpin oleh Guru Besar Sekolah Ugama YSHHB, dan disusuli dengan bacaan Surah-surah Khatam bermula dari Surah Adh-Dhuha hingga Surah Al-Masad yang diketuai oleh Mohd. Syazwanshah bin Razali dan diikuti oleh guru-guru taska, rendah, menengah, ugama dan kakitangan Sekolah YSHHB.

Selesai bacaan surah-surah khatam, majlis diteruskan lagi dengan bacaan Takhtim oleh Dayang Siti Hajar binti Haji Yusop dan Dayang Zaiton binti Haji Abdullah, manakala Doa Khatam dibacakan oleh Awang Anuar bin Mohammad.

Kemudian majlis diteruskan dengan bacaan Tahlil dan Doa

Arwah bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman; dan bagi anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Bacaan Tahlil dipimpin Awang Haji Abdul Hosni@Haji Muhd. Dzul Husni bin Haji Salim dan Doa Arwah dibacakan oleh Awang Mohd. Herwan bin Haji Mohamad.

Majlis juga diserikan dengan bacaan Dikir Marhaban, dan diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Doa Selamat yang dikepalai oleh Awang Abd. Halim bin Haji Abd. Rahman.

Seramai 265 peserta termasuk kakitangan Sekolah YSHHB menyertai acara tahunan sekolah bersempena bulan Ramadan.

Antara tujuan majlis diadakan ialah untuk mengimarahkan bulan Ramadan dengan mengisi bulan yang penuh dengan rahmat ini dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, di samping mengeratkan silaturahmi antar guru-guru dan kakitangan sekolah YSHHB di ketiga-tiga bahagian.



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Dalam sama-sama mengimarahkan lagi bulan Ramadan tahun ini dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, gabungan Sekolah Taska, Sekolah Rendah, Sekolah Menengah, dan Sekolah Ugama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) mengadakan Majlis Mengimarahkan Bulan Ramadan Tahun 1445H / 2024H bertempat di Dewan Sekolah Rendah YSHHB, di sini.

Hadir sama ke majlis tersebut ialah Pengetua Sekolah Rendah YSHHB, Dayang Hajah Mariam binti Haji Ladi; Pengetua Sekolah

DARI MAHKAMAH

Didakwa salah guna kuasa

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Mac. - Seorang lelaki tempatan, berumur 45 tahun, yang bertugas sebagai Penolong Pegawai Narkotik di Biro Kawalan Narkotik (BKN), Muhammad Ali Iskandar bin Mustapha (defendan) dihadapkan ke Mahkamah Majistret atas pertuduhan penyalahgunaan kuasa (salah laku di pejabat awam) di bawah Bab 12B Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131.

Siasatan yang dijalankan oleh Biro Mencegah Rasuah (BMR) mendapati bahawa defendan yang ditangkap sendiri oleh BKN semasa salah satu operasi berkenaan kerana dicurigai telah membocorkan maklumat rahsia kepada salah seorang

tangkapan BKN, bertugas sebagai Pegawai Bertugas Sentri, Unit Kawalan BKN dan diberi kepercayaan untuk merekodkan butiran tahanan dan pergerakan tahanan yang dibawa keluar masuk ke unit tersebut.

Siasatan BMR mendapati bahawa defendan telah membocorkan maklumat rahsia tersebut sebanyak tujuh kali pada 2023 kepada seseorang yang terlibat dalam aktiviti penyalahgunaan dadah agar individu tersebut dapat mengelak daripada ditangkap dengan menggunakan maklumat yang dibocorkan oleh defendan dan agar kegiatan defendan sendiri yang juga terbabit dalam menyalahgunakan dadah tidak didedahkan.

Muhammad Ali Iskandar dihadapkan ke Mahkamah Majistret pada hari ini dan didakwa

oleh Timbalan Pendakwa Raya, Siti Khalilah binti Hussin dengan tujuh pertuduhan di bawah Bab 12B Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131 bagi kesalahan menyalahgunakan kuasa yang dipegangnya sebagai penjawat awam sehingga mengakibatkan kepercayaan orang awam disalahgunakan terhadap jawatan yang dipegangnya itu.

Defendan mengaku tidak bersalah ke atas semua pertuduhan dan Majistret Kanan Hajah Ery Sufitirana binti Haji Abdul Rahman menetapkan 6 April 2024 bagi menetapkan tarikh perbicaraan.

Defendan diikat jamin mahkamah sebanyak BND10,000 atau dua orang penjamin tempatan berserta dengan syarat-syarat yang lain.

BMR ingin mengingatkan kepada orang ramai termasuk mana-mana penjawat awam yang berkhidmat di bawah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar tidak menyalahgunakan kedudukan atau kuasa mereka dan tidak terjerumus dengan apa juga aktiviti rasuah kerana ia adalah kesalahan serius yang boleh didakwa di bawah Akta Pencegahan Rasuah dan akan berdepan dengan hukuman penjara tujuh tahun dan denda BND30,000 jika sabit kesalahan.



كمتريڤن كصڤتڤن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Pengenalan:

Program pemeriksaan kesihatan membolehkan pengesanan dan rawatan awal bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit walaupun awda tidak ada mempunyai sebarang tanda-tanda penyakit tersebut

Penyakit-penyakit tidak berjangkit adalah seperti:



Tekanan darah tinggi



Kolesterol tinggi



Kencing manis



Kanser

Terdapat 4 program pemeriksaan kesihatan yang diberikan iaitu:



Pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular

Tertutur kepada:
Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 40 tahun dan ke atas; dan
2. Tidak mempunyai perjanjian berterusan di pusat kesihatan atau klinik pakar di hospital bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung dan strok.



Pemeriksaan kanser kolorektal

Tertutur kepada:
Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 50-74 tahun; dan
2. Tidak pernah menghidap kanser kolorektal (usus); dan
3. Tidak menjalani ujian najis untuk mengesan darah dalam tempoh 2 tahun kebelakangan; dan
4. Tidak menjalani kolonoskopi dalam tempoh 10 tahun kebelakangan.



Pemeriksaan kanser payudara

Tertutur kepada:
Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 40-69 tahun; dan
2. Tidak pernah menghidap kanser payudara; dan
3. Tidak mempunyai sebarang gejala penyakit payudara; dan
3. Tidak menjalani pemeriksaan mamogram dalam 3 tahun kebelakangan.



Pemeriksaan kanser serviks

Tertutur kepada:
Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 20-69 tahun; dan
2. Pernah melakukan hubungan seksual; dan
3. Tidak pernah menghidap kanser serviks; dan
4. Tidak menjalani Ujian Pap (Pap Test) dalam tempoh 3 tahun kebelakangan.

#SihatHasratKu

www.ppk.gov.bn | health.screening@moh.gov.bn | Talian Darussalam 123



KETUA WHO DESAK ISRAEL TAMATKAN KEPUNGAN KE ATAS HOSPITAL AL-SHIFA



AMMAN, 24 Mac. - Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) Tedros Adhanom Ghebreyesus menuntut pasukan pendudukan Israel segera menarik balik kepungan mereka ke atas Hospital Al-Shifa di bandar Gaza. "WHO dan rakan-rakan telah memutuskan hubungan dengan

petugas kesihatan di Hospital Al-Shifa di utara Gaza sejak serbuan berterusan bermula dan kami sedang mendapatkan maklumat mengenai keadaan pesakit, jika mereka menerima rawatan yang diperlukan," lapor agensi berita Jordan (Petra) yang memetik Ghebreyesus dalam hantarannya di akaun X rasminya. "Mengakses Al-Shifa kini mustahil dan terdapat laporan mengenai pekerja kesihatan ditangkap dan ditahan," kata ketua WHO itu. "Laporan daripada seorang doktor di Hospital Al-Shifa di utara Gaza melalui rakan sekerja PBB: - 50 pekerja kesihatan (kebanyakan junior atau sukarelawan) dan 143 pesakit semuanya ditempatkan di

dalam satu bangunan sejak hari kedua serbuan, dengan makanan dan air yang sangat terhad serta hanya satu tandas yang tidak berfungsi," kata Ghebreyesus. Beliau berkata pesakit dalam keadaan kritikal yang ramai terbaring di atas lantai dan ramai yang tidak mempunyai peneman, bekalan perubatan asas dan ubat-ubatan.

"Pekerja kesihatan telah meminta rujukan pesakit segera. Keadaan ini sama sekali tidak berperikemanusiaan. Kami menyeru agar pengepungan dihentikan serta-merta dan merayu akses selamat untuk memastikan pesakit mendapat penjagaan yang mereka perlukan. Gencatan senjata!," kata Ghebreyesus. - ©BERNAMA

Puteri Wales Kate Middleton jalani rawatan kanser

LONDON, 23 Mac. - Puteri Wales Kate Middleton pada Jumaat, mengumumkan bahawa beliau sedang menjalani rawatan kemoterapi untuk kanser.

Dalam mesej video yang dirakam di Windsor oleh BBC, Kate mendedahkan beliau didiagnos menghidap kanser selepas menjalani pembedahan abdomen pada Januari, lapor Agensi Anadolu (AA).

"Berita ini sangat mengejutkan, William dan saya telah melakukan segala yang kami mampu untuk menguruskannya secara peribadi demi keluarga kami," katanya.

Selepas berminggu-minggu spekulasi mengenai kesihatannya, puteri itu menyatakan bahawa beliau dan suaminya, Putera William, memerlukan masa untuk menjelaskan keadaan kepada anak-anak mereka.

"Puteri Wales mendapat kasih sayang dan sokongan seluruh negara ketika menjalani pemulihannya," kata Perdana Menteri Britain Rishi Sunak.

Puteri berusia 42 tahun itu dimasukkan ke Klinik London pada 16 Jan untuk pembedahan abdomen.

Pada awal Januari, Istana Kensington mengumumkan bahawa Puteri Wales akan berada di hospital selama 14 hari selepas menjalani pembedahan abdomen yang dirancang. - ©BERNAMA

Dua pemburu haram Zambia ditembak mati, tiga dipenjara di Zimbabwe

HARARE, 23 Mac. - Tiga warga Zambia dijatuhi hukuman penjara sembilan tahun kerana memiliki gading mentah tanpa permit, lapor New Ziana, agensi berita rasmi Zimbabwe.

Ketiga-tiga lelaki itu yang didakwa di Mahkamah Majistret Victoria Falls, juga dijatuhi hukuman penjara empat bulan kerana memasuki negara itu secara tidak sah kerana melanggar Akta Imigresen.

Menurut Pihak Berkuasa Pendakwaan Zimbabwe, pada 19 Mac, Liston Muchelo, 22, Alex Kakoma, 22, dan Martin Silishebo, 36, bersama dua rakan sejenayah yang telah meninggal dunia, memasuki Zimbabwe dari Botswana secara tidak sah melalui kawasan belukar berhampiran Pos Sempadan Kazungula.

Negara itu mendakwa ketika berada di Zimbabwe, kesemua lelaki itu cuba menyeberang ke Zambia yang disedari renjer Pihak Berkuasa Pengurusan Taman Negara dan Hidupan Liar Zimbabwe yang kemudian melakukan serangan hendap di tebing Sungai Zambezi.

Berlaku tembakan antara renjer dan kelima-lima suspek yang menyebabkan dua daripada mereka maut ditembak dan tiga ditahan.

Pencarian secara fizikal membawa kepada penemuan semula 15 gading gajah seberat 128.82kg dan pencarian lanjut menemukan enam butir peluru hidup dan senapang .375 H&H. - ©BERNAMA

AS kongsi maklumat dengan Rusia baru-baru ini mengenai rancangan serangan pengganas

WASHINGTON, 23 Mac. - Jurucakap Majlis Keselamatan Negara Rumah Putih memberitahu Sputnik bahawa Amerika Syarikat (AS) baru-baru ini berkongsi maklumat dengan pihak berkuasa Rusia mengenai rancangan serangan pengganas terhadap Rusia.

"Awal bulan ini, Kerajaan AS mempunyai maklumat mengenai serangan pengganas yang dirancang di Moscow - yang berpotensi menyasarkan perhimpunan besar, termasuk konsert - mendorong Jabatan Negara mengeluarkan nasihat awam kepada rakyat Amerika di Rusia," kata jurucakap itu pada Jumaat.

"Kerajaan AS juga berkongsi maklumat ini dengan pihak berkuasa Rusia selaras dengan dasar 'kewajipan untuk memberi amaran' yang telah lama wujud".

Insiden tembakan rambang berlaku pada Jumaat di dewan konsert, Dewan Bandaraya Crocus di barat laut Moscow, diikuti kebakaran besar. Berdasarkan data awal, beberapa lelaki bersenjata melepaskan tembakan di tempat kejadian.

Jawatankuasa Siasatan Rusia berkata lebih 60 orang maut dalam serangan itu dan membuka kes siasatan jenayah berhubung serangan pengganas berkenaan. - ©BERNAMA

Menteri Pertahanan Arab Saudi terima anugerah awam tertinggi Pakistan

NEW DELHI, 24 Mac. - Pakistan telah menyampaikan anugerah awam tertinggi "Nishan-e-Pakistan" kepada Menteri Pertahanan Arab Saudi Putera Khalid Bin Salman. Putera Khalid dianugerahkan darjah kebesaran itu oleh Presiden Asif Ali Zardari dalam majlis yang diadakan di Istana Presiden di Islamabad pada Sabtu.

Anugerah itu bagi mengiktiraf sumbangan beliau dalam membina hubungan erat antara Pakistan dan Arab Saudi khususnya mempromosikan hubungan dalam bidang pertahanan. Putera Khalid merupakan tetamu kehormat pada perarakan tentera sempena memperingati Hari Pakistan yang disambut pada 23 Mac setiap tahun. Beliau kemudian

bertemu dengan Perdana Menteri Pakistan Shehbaz Sharif.

"Kami mengkaji semula hubungan kukuh dan cara untuk meningkatkannya. Kami juga membincangkan perkembangan dan usaha serantau serta antarabangsa baru-baru ini untuk menggalakkan keamanan," kata Putera Arab Saudi itu. - ©BERNAMA

Menteri Luar Indonesia Marsudi gesa solidariti antarabangsa demi keamanan Palestin

JAKARTA, 23 Mac. - Menteri Luar Retno Marsudi menekankan solidariti antarabangsa sebagai syarat untuk menamatkan pencerobohan Israel yang berterusan di Semenanjung Gaza dan merealisasikan keamanan di Palestin, lapor Agensi Berita ANTARA.

Umat Islam yang dapat menyambut Ramadan dengan aman tanpa rasa takut harus rasa bersyukur, kata Marsudi pada majlis berbuka puasa 'Pejambon Ifthar' di sini.

"Ketika kita berkumpul hari ini dengan selesa dan selamat daripada bahaya, lebih daripada 32,000 rakyat Palestin telah terbunuh di Gaza dan dua juta pelarian, dilucutkan hak mereka untuk tinggal di tanah mereka," kata menteri itu pada majlis yang dihadiri duta asing pada petang Jumaat (22 Mac).

Beliau memetik laporan UNICEF yang melaporkan lebih 13,000 kanak-kanak Palestin dibunuh dalam pencerobohan itu manakala baki mangsa yang terselamat hidup dalam kebuluran.

"Malah mereka tiada tenaga untuk menangis," katanya.

Memandangkan Ramadan merupakan momentum untuk meningkatkan toleransi dan persaudaraan, Marsudi berkata masyarakat antarabangsa perlu mempamerkan solidariti, kerana konsensus untuk menamatkan perang di Gaza masih belum dicapai.

"Patutkah kita, masyarakat global, hanya menangis bagi pihak mereka atau patutkah kita melakukan sesuatu mengenai krisis kemanusiaan yang dahsyat ini?" soal Menteri Luar itu.

"Bagi Indonesia, yang terakhir adalah satu-satunya jawapan logik," tegas Marsudi.

Menteri itu menegaskan bahawa Indonesia komited untuk meringankan beban rakyat

Palestin dengan terus menghantar bantuan kemanusiaan yang amat diperlukan dan meneroka cara untuk memastikan penghantarannya berjalan lancar serta menyalurkan sumbangan tiga kali ganda kepada UNRWA.

Marsudi juga menjelaskan telah menyampaikan kenyataan lisan di hadapan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) bagi menyokong prosiding pendapat nasihat mengenai tindakan Israel di Palestin.

Beliau menggalakkan masyarakat global untuk memanfaatkan momentum Ramadan bagi merealisasikan keamanan dunia khususnya di Palestin.

"Marilah kita menyambut Ramadan sebagai masa untuk memangkin usaha kita memperjuangkan keamanan, untuk dialog dan untuk dunia iaitu tiada kanak-kanak perlu menanggung beban konflik," kata Marsudi. - ©BERNAMA

Imigresen, JPJ tahan 74 pendatang dalam operasi bersepadu

GUA MUSANG, 23 Mac. - Jabatan Imigresen Kelantan menahan 74 pendatang tanpa izin dalam operasi bersepadu bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di sini, awal pagi tadi.

Operasi yang bermula 10.30 malam sehingga 3.30 pagi tadi dilaksanakan di Stesen Penguatkuasa JPJ Gua Musang.

Pengarahnya, Mohd Faizal Shamsudin berkata kesemua yang ditahan terdiri daripada 34 warga Bangladesh, 18 warga Myanmar, tujuh warga Indonesia, tujuh warga India, dua warga Filipina dan seorang warga Kemboja.

Beliau berkata kebanyakan

tahanan yang berusia 20-an hingga 60-an itu melakukan kesalahan tinggal lebih masa, tiada dokumen perjalanan serta tidak memiliki sebarang pas yang sah untuk memasuki dan berada di Malaysia.

"Kesalahan paling tinggi adalah di bawah Seksyen 15 (1)(C), Seksyen 6 (1)(C) dan Seksyen 55 (E)," katanya dalam sidang media di sini, hari ini.

Mohd Faizal berkata sebuah kenderaan persendirian jenis Proton Exora telah disita, selain tiga daripada empat penumpang warga Pakistan telah ditahan.

"Kita ada beberapa op yang

diadakan secara berterusan seperti Op Sapu, Op Belanja dan pelbagai lagi untuk mengawal kehadiran pendatang di negeri ini.

"Imigresen Kelantan akan meneruskan operasi sehingga kita melihat rekod-rekod mula bersih dan tidak ramai pendatang yang bergerak bebas," katanya sambil menambah operasi itu melibatkan 35 anggota imigresen dan dibantu 12 anggota JPJ.

Mohd Faizal menyeru orang ramai agar menyalurkan maklumat secara terus ke pejabat imigresen yang berdekatan berkenaan kehadiran pendatang di kawasan masing-masing. - ©BERNAMA



FIFA SERIES : BRUNEI TEWAS KEPADA BERMUDA



PRESIDEN Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff hadir memberi sokongan pada perlawanan sulung pasukan negara (kiri), manakala gambar kanan, antara aksi perlawanan berkenaan.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Bola Sepak Negara Brunei Darussalam

JEDDAH, Sabtu, 23 Mac. - Pasukan Bola Sepak Negara Brunei Darussalam terpaksa akur atas kekalahan 0 - 2 kepada pasukan Bermuda sekalipun berjaya memberikan saingan yang cukup menarik pada perlawanan Bola Sepak Antarabangsa FIFA Series di Stadium King Abdullah Sport City, Jeddah, Arab Saudi baru-baru ini.

Perlawanan persahabatan yang menampilkan aksi julung kali skuad kebangsaan di peringkat antarabangsa pada tahun ini, juga perlu mendapat pujian atas kesungguhan dan prestasi saingan yang ditayangkan sepanjang 90 minit

perlawanan.

Pasukan Bermuda yang berada pada *ranking* FIFA ke-170 lebih agresif membuat asakan untuk menguji penjaga gol Brunei namun benteng pertahanan anak buah Mario terlalu ampuh untuk dirobohkan sehingga ke wisel separuh masa pertama perlawanan.

Perlawanan pada babak kedua lebih menarik dengan kedua pasukan saling berusaha mencari jaringan.

Namun pasukan Bermuda lebih bernasib baik memperoleh dua jaringan menerusi pemain tengah, A. Todd pada minit

ke-81 and Djair Parfitt-Williams menambah jaringan dua minit sebelum masa tamat.

Ketua Jurulatih Pasukan Bola Sepak Kebangsaan, Mario Rivera Campesino sudah menjangkakan anak buahnya akan menerima cabaran sepanjang 90 minit perlawanan.

"Pemain memberikan saingan yang seimbang sehingga menyukarkan pasukan lawan memecahkan benteng pertahanan sehingga 10 minit terakhir perlawanan," ujarnya.

Mario memuji kesungguhan pemain-pemain yang berjaya memberikan saingan dan seterusnya mencipta beberapa peluang

di depan gawang lawan.

Katanya, secara keseluruhan pemain-pemain telah menunjukkan prestasi yang baik sambil menyifatkan kekalahan pasukannya perlu menjadi iktibar dalam membina satu pasukan yang lebih mantap.

Hadir memberi sokongan pada perlawanan sulung pasukan negara itu ialah Presiden Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff dan Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif FABD.

Pasukan negara akan meneruskan perlawanan FIFA Series menentang pasukan Vanuatu pada 26 Mac ini.

Terbuka Switzerland : Tang Jie-Ee Wei, Soon Huat-Shevon bertembung di Final

KUALA LUMPUR, 24 Mac. - Dua beregu campuran negara Chen Tang Jie-Toh Ee Wei dan Goh Soon Huat-Shevon Lai Jemie bakal bertembung sesama sendiri di final selepas menyingkirkan lawan masing-masing di separuh akhir Terbuka Switzerland 2024, awal pagi tadi.

Pada perlawanan berlangsung di St Jakobshalle di Basel, Tang Jie-Ee Wei selaku beregu

ranking kesembilan dunia mudah melangkah ke final apabila meraih kemenangan straight set 21-16 dan 21-12 ke atas beregu Taiwan, Ye Hong Wei-Lee Chia Hsin.

Kemaraan itu kemudian diteruskan Soon Huat-Shevon ranking ke-14 dunia apabila menewaskan beregu Belanda Robin Tabeling-Selena Piek, 21-18 dan 21-16 dalam tempoh 37

minit dalam satu lagi aksi separuh akhir.

Ia pertembungan kali ketiga buat kedua-dua pasangan negara itu selepas Terbuka Korea 2023 dan Masters Jepun 2023 dengan masing-masing pernah meraih kemenangan. Pertemuan final membabitkan kedua-dua pasangan beregu negara itu akan berlangsung malam ini. - ©BERNAMA

Harimau Muda atasi India 2-1

KUALA LUMPUR, 23 Mac. - Skuad bawah 23 tahun (B-23) kebangsaan menundukkan India 2-1 pada aksi persahabatan tertutup di Stadium Bolasepak Kuala Lumpur, malam tadi.

Skuad kendalian Juan Torres Garrido membuka jaringan menerusi T. Saravanan pada minit ke-33, sebelum Muhammad Alif Zikri Zaini Anuar menggandakan jaringan pada minit ke-48.

Skuad B-23 India, kemudian merapatkan jurang menerusi jaringan Chingangbam Shivaldo Singh pada minit ke-77.

Pasukan negara dijadualkan kembali bertemu B-23 India dalam satu lagi aksi persahabatan pada Isnin depan, sebelum berlepas ke Doha, Qatar untuk menghadapi Piala Asia B-23 bermula 15 April hingga 3 Mei ini, yang juga merupakan kelayakan ke Sukan Olimpik Paris 2024.

Di Doha, skuad negara akan meneruskan aksi pemanas badan menentang China pada 3 April, Qatar (6 atau 7 April) dan satu aksi yang belum diputuskan 10 atau 11 April.

Malaysia diundi dalam Kumpulan D bersama Uzbekistan, Vietnam dan Kuwait dan hanya dua pasukan terbaik kumpulan mara ke suku akhir saingan peringkat Asia itu. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

JAGA ANGGOTA BADAN KITA DARIPADA MELAKUKAN PERKARA YANG TIDAK BAIK DAN SIA-SIA